

SARAWAK

ZAMAN DAHULU

SARAWAK

ZAMAN DAHULU

W. J. CHATER

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1994

KK 930-6712 6101

Buku ini diusahakan penerbitannya oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, Jalan Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak, dan diterjemahkan oleh Abdul Ghaffar Laili dari buku bahasa Inggeris berjudul *Sarawak Long Ago*.

Cetakan Pertama 1994
@ Hak Cipta Dewan Bahasa dan Pustaka 1994

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Chater, W. J.

Sarawak Zaman Dahulu / W. J. Chater; Penterjemah
Abdul Ghaffar Laili
ISBN 983-62-3984-7

1. Sarawak-History. I. Abdul Ghaffar Laili. II. Title.
959.522

Diatur Huruf oleh See Hua Daily News Bhd.
Muka Taip Teks: Times Roman
Saiz Taip Teks: 10/12 poin

Diatur Huruf oleh
Muka Taip Teks: Times Roman
Saiz Taip Teks: 10/12 poin

Dicetak oleh
The Sarawak Press Sdn. Bhd.
Lot 231, Jalan Nipah, Off Jalan Abell,
93100 Kuching, Sarawak, Malaysia.
RM 10.00

M
959.522

KANDUNGAN

Muka

BAB 1	KUBU MARGHERITA DAN HUBUNGKAITNYA	1
BAB 2	KEDIAMAN RAJAH SARAWAK	21
	2.1 Kediaman Brooke	
	2.2 Rumah Kerajaan	
	2.3 Istana	
BAB 3	TANAH PERKUBURAN KELUARGA BROOKE	29
BAB 4	KUBU ALICE, SIMANGGANG (1864)	35
BAB 5	DUA KEBAKARAN BESAR DI SIBU	41
	5.1 Kebakaran 1889	
	5.2 Kebakaran 1928	
BAB 6	KEBAKARAN BESAR DI KUCHING	45

BAB 7	LEGENDA	51
	7.1 Batu di Jalan Rock	
	7.2 Batu Kembar	
	7.3 Legenda Batu Kawa	
	7.4 Legenda Batu Kitang, Landeh dan Tanjung Datu	
BAB 8	MASJID BESAR, KUCHING	65
	8.1 Keluarga Datu Patinggi Ali	
	8.2 Datu Bandar Mohammed Lana	
	8.3 Haji Abdul Gapor (1852-1854)	
	8.4 Haji Bua Hassan (1854-1865)	
	8.5 Haji Abdul Karim (1865-1877)	
	8.6 Haji Mohammed Aim (1877-1896)	
	8.7 Ubahsuai dan Pindaan	
BAB 9	BANGUNAN MAHKAMAH DAN TUGU PERINGATAN RAJAH	73
BAB 10	JAMBATAN GANTUNG SATOK, KUCHING	79
BAB 11	BAGAIMANA BURUH CINA DATANG KE SARAWAK	85
BAB 12	KUIL SIEW SAN TENG, KUCHING	91
BAB 13	PERARAKAN CHINGAY DI KUCHING DAHULU	97
BAB 14	GUNUNG DAN BUKIT DI SEKITAR KUCHING	105
	14.1 Sta'at	
	14.2 Singghi	
	14.3 Serambau	
	14.4 Matang	
	14.5 Santubong	

BAB 15	HANTU BANGLO 'GOLF LINKS'	113
BAB 16	TANAH PERKUBURAN LAMA ORANG KRISTIAN	117
	16.1 Bayi Lelaki Biskop McDougall (1848, 1849, 1881)	
	16.2 Alan Lee (1853); William Brereton (1854)	
	16.3 Charles James Fox dan Henry Steele (1859)	
	16.4 Charles Adair Crymble (1862)	
	16.5 Puan Mesney (1884)	
BAB 17	BENDERA SARAWAK	123
BAB 18	CERITA TENTANG PENERBANGAN DI SARAWAK	131
	18.1 Bahagian I	
	18.2 Bahagian II	
	18.3 Bahagian III - Perang	
	18.4 Bahagian IV	
BAB 19	PERINGKAT AWAL LUMBA KUDA DI SARAWAK	147
BAB 20	TIANG WAYARLES KUCHING YANG LAMA	151
BAB 21	BAGAIMANA PENYIARAN MULA DATANG KE SARAWAK	155

BAB 1

KUBU MARGHERITA DAN HUBUNGKAITNYA

KUBU Margherita di Kuching diberi nama oleh Permaisuri Margaret, isteri Rajah kedua, Sir Charles Brooke. Kerja-kerja pembinaannya dimulakan pada tahun 1878 dan selesai dalam bulan September 1879 dengan harga sebanyak \$8,100.00. Agak aneh juga sebuah bangunan lama yang tersergam indah seperti ini tidak banyak disebut dalam sejarah Sarawak.

Telah tercatat cerita bahawa terdapat suatu suasana riang ria di Kuching pada awal tahun 1878 apabila Rajah mengumumkan bahawa dia bercadang untuk mendirikan sebuah kubu di tebing curam setentang dengan pejabat Syarikat Borneo. Dia yakin kubu ini akan menjadi sebuah kubu yang menarik dan ia akan menambahkan keindahan bandar Kuching. Setelah bangunan itu siap, terbuktiilah kebenaran kata-kata Rajah itu.

Kedudukan kubu tersebut telah dipilih dengan cara yang amat teliti. Dari kubu ini dapat dilihat sungai yang panjang dan lurus menghala ke bandar itu, kedudukan ini amat baik. Dari sini juga kubu itu dapat dipertahankan daripada serangan musuh yang sering datang dari sungai pada waktu itu. Namun demikian menjelang tahun 1879, Sarawak mulai berada dalam keadaan aman dan damai. Oleh itu, Kubu Margherita tidak digunakan untuk tujuan

awalnya dan inilah sebabnya mengapa tidak banyak kisah yang dicatat mengenainya.

Yang anehnya, satu-satunya serangan yang membimbangkan Rajah kedua itu, sejak kubu itu siap dibina ialah serangan dari Rusia dalam tahun 1890-an. Dia sungguh bimbang sehingga dia bercadang untuk menanam periuk api di Sungai Sarawak. Kemudian dengan tidak disangka-sangka, serangan yang pertama ke atas kubu datangnya dari udara, sungguhpun tidak begitu berjaya. Jepun mengebom Kuching pada tengah hari Jumaat, 19 Disember 1941. Bandar Kuching yang tenang dan aman itu mengalami hari yang paling sedih pada hari tersebut, iaitu lapan puluh empat tahun selepas berlakunya pemberontakan rakyat menentang Kerajaan dalam bulan Jun 1857. Pegawai-pegawai Tentera Udara Jepun yang mengambil bahagian dalam serangan itu kemudiannya mengesahkan bahawa sasaran mereka ialah Kubu Margherita, tetapi bom-bom anti-personel yang berderet panjang itu, kesemuanya dua puluh empat biji, gugur sebaris dari Simpang Tiga, melalui Jalan Ban Hock, Padungan dan pejabat-pejabat Syarikat Borneo, dan



Kubu Margherita sebuah tanda mercu di Kuching.

berakhir di tengah sungai. Kelemahan menepati sasaran itu telah mengakibatkan kemalangan kepada orang awam sejumlah dua puluh enam orang yang mati dan tujuh puluh tiga orang cedera parah.

Ramai penduduk Sarawak dahulu itu tentu mempunyai banyak ingatan yang nostalgik tentang bangunan lama yang luar biasa ini. Pada zaman itu, bangunan ini merupakan benda yang pertama kelihatan di Kuching bagi mereka yang baru datang, apabila kapal mereka menghampiri bandar. Siapa sahaja menjadi Rajah akan sentiasa menjaga kebersihan kubu ini dengan mengecatnya putih dan menebang pokok-pokok di sekitarnya supaya kelihatan menarik. Sekarang, dengan adanya perkhidmatan udara, keseronokan pandangan pertama terhadap Kuching itu tidak lagi dapat dirasakan oleh generasi sekarang.

Pada kali terakhir saya mengunjungi kubu itu beberapa tahun dahulu, masih terdapat meriam-meriam lama dan longgokan-longgokan peluru meriam serta peluru-peluru berantai yang disusun seperti bentuk piramid. Terdapat juga gudang senjata yang dipenuhi dengan senapang, lama dan baru, dan tidak ketinggalan terdapat bilik tahanan bagi banduan yang menerima hukuman mati. Ia digunakan sehingga yang barunya dibina kemudian di halaman tempat hukuman mati dilakukan berhampiran dengan padang tembak, hampir sebatu jauhnya. Sehingga masa Perang Dunia Kedua, terdapat sebuah tempat berkawal dan pengawal yang mundar-mandir di atas benteng sepanjang masa, siang dan malam sambil berteriak, "Semuanya baik!" pada setiap jam dari pukul 8.00 malam hingga 5.00 pagi. Teriakan ini biasanya disahut oleh pengawal di Astana, kemudian oleh pengawal di blok lama pejabat-pejabat kerajaan dan akhir sekali oleh pengawal di Perbendaharaan. Teriakan ini sangat jelas kedengaran pada waktu malam yang tenang. Teriakan-teriakan ini tentu sekali mempunyai sebab-sebab yang baik — untuk menentukan bahawa pengawal-pengawal tidak tidur kerana perbendaharaan pernah kecurian sekali pada waktu malam.

Sekarang ini tidak ramai orang yang mengetahui bahawa terdapat sebatang anak sungai mengalir di bawah Padang Sentral, perbendaharaan dan pejabat-pejabat lama kerajaan terus ke sungai. Dengan menggunakan maklumat ini, pada suatu masa dahulu

pencuri telah mengorek lubang di bawah bilik teguh perbendaharaan dan telah mendapat ganjaran yang lumayan daripada usaha mereka itu. Anak sungai itu telah ditemui kemudian apabila lantai perbendaharaan mula roboh.

Alasan mengapa Kubu Margherita tidak dibina sehingga kira-kira tiga puluh sembilan tahun selepas ketibaan Rajah yang pertama ialah mungkin terdapat lebih banyak kegiatan yang dijalankan di hulu sungai. Kubu yang pertama dibina ialah di Berlidah dan daripada kayu belian. Ia dibina di sebelah sungai berdepan dengan Siniawan, kira-kira separuh jalan di antara Kuching dengan Bau. Terdapat banyak pergaduhan di kawasan ini semasa pemerintahan Brooke pada peringkat awal, khususnya di atas Gunung Serembau yang terletak di belakang Siniawan dan sentiasa menerima serangan dari arah Sadong. Maka, tidak seperti Kubu Margherita, kubu di Berlidah ini sentiasa sahaja diserang.

Seyogianya diingat bahawa Kuching tidak sentiasanya menjadi ibu negeri Sarawak. Ibu negeri yang lama ialah di Lidah Tanah; lama sebelum penduduk Cina yang pertama tiba di Sarawak. Lidah Tanah terletak di kawasan Sungai Sarawak yang mencabang, kira-kira 12 batu ke hulu Kuching. Di sinilah tempat kediaman orang-orang besar Melayu. Beberapa batang tiang belian yang lama masih dapat dilihat di sana. Satu lagi tempat yang boleh dianggap sebagai ibu negeri Sarawak ialah Santubong. Di sini terdapat ramai penduduk Melayu di bawah pimpinan Pengiran Mahkota yang dilantik sebagai Gabenor Sarawak oleh Sultan Brunei. Tetapi apabila Santubong diserang dan mereka yang bertahan ditewaskan oleh orang Saribas pada kira-kira tahun 1830 (sepuluh tahun sebelum ketibaan Rajah yang pertama), Pengiran Mahkota, setelah mendapati Santubong sangat mudah diserang dari laut dan Lidah Tanah pula mudah diserang oleh orang Sadong, membuat keputusan untuk menetap di Kuching. Pada waktu itu terdapat kira-kira lapan ratus orang Melayu dan beberapa orang pedagang Cina.

Pengiran Mahkota berada di Kuching apabila Rajah yang pertama tiba. Rajah, yang nampaknya menyukai tempat ini, juga menetap di Kuching. Pada mulanya, penulis-penulis lama merujuk Kuching (atau Sarawak seperti yang dikenali pada waktu itu) sebagai ibu negeri Brooke. Selepas itu, Kuching diterima sebagai ibu negeri Sarawak. Kemudian, nama tersebut ditukar menjadi nama

negeri Sarawak sebenarnya. Pada bulan Ogos 1872, Rajah yang kedua sekali lagi menukarnya kepada Kuching bersempena dengan nama teluk kecil yang dikenali sebagai *Sungai Kuching* yang mengalir dari tepi sungai di antara Dewan Perniagaan Umum Cina dengan stesen minyak Tan Boon Tien menghala ke Panggung Rex, sehingga ia tertimbus pada kira-kira tahun 1928.

Bagaimana anak sungai itu mendapat namanya telah menimbulkan banyak hujah pada masa lalu, tetapi pada pendapat saya hujah yang terbaik ialah, pertama, banyak kucing liar kelihatan di kawasan itu pada masa dahulu, dan kedua, bersempena dengan pokok mata kucing yang banyak terdapat di situ.

Pada pertama kali saya datang ke Sarawak, bukit yang sekarang ini dikenali sebagai Jalan Padungan, dulunya disebut *Bukit Pasu* kerana bentuknya seperti pasu bunga. Tetapi di sebalik bukit itu, iaitu di tempat terdirinya banglo Syarikat Borneo, ia biasanya dipanggil *Bukit Mata Kucing*, mungkin sempena nama buah mata kucing atau dari situ sungai kelihatan sangat jelas. Bukit ini sungguh perlu sebagai tempat berlindung daripada serangan musuh pada masa dulu. Sungguh menarik apabila kita ketahui dari rekod lama bahawa nama Kuching itu sudah wujud lama sebelum ketibaan Rajah yang pertama.

Dan apakah bendera-bendera yang telah dikibarkan di kubu-kubu Berlidah dan Margherita? Bendera yang pertama dikibarkan di Berlidah ialah St. George Cross (palang merah berlatarbelakangkan putih), iaitu bendera yang digunakan oleh Rajah pertama sehinggalah bendera Sarawak dinaikkan pada 21 September 1848. Untuk tujuan ini bendera tersebut berbentuk segiempat tetapi semua bot perang menggunakan bendera kecil. Kubu Margherita telah menggunakan tiga bendera yang berlainan di bawah empat buah pentadbiran yang berbeza. Pertama, bendera Sarawak di bawah pemerintahan Rajah, kemudian bendera Matahari Terbit di bawah pemerintahan Jepun, selepas itu Union Jack di bawah British dan sekarang kembali kepada bendera Sarawak apabila negeri ini mencapai kemerdekaan.

Pernahkah anda terfikir beberapa banyak bentuk hukuman mati dilaksanakan di Sarawak sejak ketibaan Rajah pertama sehingga sekarang? Sebenarnya ada tiga cara — dengan mengguna-

kan keris dari tahun 1840 hingga 1888, dengan tembakan (1889-1946) dan dengan menggantung, dari tahun 1946 hingga sekarang.

Apabila Rajah pertama, Sir James Brooke, tiba di Sarawak dengan kapalnya, *The Royalist*, beliau membawa bersama seorang ahli pelayaran Melayu bernama Subu. Orang ini dikatakan jauh lebih tinggi daripada orang Melayu biasa dan mempunyai kekuatan yang luar biasa, dan mahir menggunakan keris. Mungkin kerana alasan inilah Rajah memutuskan untuk menggunakan keris sebagai kaedah rasmi bagi menjalankan hukuman mati di negara ini.

Tidak lama setelah tiba di Sarawak, Subu yang mempunyai keperibadian yang luar biasa itu, mendapati dirinya sebagai orang penting. Dalam masa yang singkat, dia telah dilantik sebagai Pelaksana Hukuman Mati Negeri dan Pembawa Payung DiRaja — tugasnya yang kedua itu ialah untuk membawa sekaki payung besar diperbuat daripada kain satin berwarna kuning, tanda keturunan raja, untuk memayung Rajah dalam majlis-majlis rasmi. Tugas ini dilakukannya dengan penuh istiadat.


Tugas penting lain yang diberikan kepada Subu ialah untuk membacakan perisytiharan Rajah. Ini menjawab soalan bagaimana berita disebarkan pada masa dulu sebelum rakyat dihebankan dengan sebuah risalah kerajaan berjudul *Gazette*, dan kebetulan pula pada waktu itu, hanya segelintir penduduk Sarawak yang tahu membaca atau menulis.

Subu pernah dibawa dengan bot yang dipasangkan bendera Rajah dan dikendalikan oleh 20 orang pengayuh. Bot ini mundar-mandir di Sungai Sarawak dan singgah di setiap pangkalan kampung Melayu. Di sini Subu akan membacakan perisytiharan Rajah.

Subu dikatakan sangat disenangi dan mempunyai perilaku yang menonjol kerana dia sentiasa dapat dilihat memakai pakaian seragam rasmi yang berwarna-warni. Pakaian seragamnya setiap hari ialah jaket biru ditunen dengan benang emas, seluar hitam dengan bengkung berwarna emas dan kepalanya dililit dengan kain tudung yang berwarna-warni dengan fesyen yang menarik. Dua bucu kain tudung itu berdiri tegak pada telinga kirinya. Pakaian seragamnya sebagai pelaksana hukuman mati berwarna hijau dan emas.

Keris yang digunakan oleh Subu bukan jenis biasa berkelok-kelok yang sering kita lihat pada hari ini, tetapi mata keris ini

KUBU MARGHERITA DAN HUBUNGKAITNYA



Keris dan sarungnya. Keris ini digunakan untuk melaksanakan hukuman mati.

rata, iaitu dua mata yang lurus, lapan inci panjang serta hujung yang tajam. Keris ini ditikam ke dalam rongga bahu sebelah kanan orang yang dihukum mati dan menusuk melintangi badan menembusi jantung. Subu selalu mengatakan bahawa tidak ramai orang yang dihukum mati itu menunjukkan rasa takut kerana mereka sudah tahu ajal mereka telah sampai. Biasanya mereka merokok atau mengunyah sirih dan pinang sementara kubur mereka digali. Kemudian tanpa menggunakan cara biasa dengan mengikat kedua-dua belah tangan mereka di belakang dan menyuruh mereka melutut, Subu akan menyuruh mereka duduk di tepi kubur seolah-olah duduk di tepi katil. Orang yang dihukum tidak mengetahui maut akan menemuinya kerana Subu akan mendekatinya dari belakang dan dengan sekali tikam menggunakan keris si malang akan mati.

Apabila umurnya meningkat tua, Subu pernah berkata kepada Rancee Margaret, "Saya sudah tua, tetapi saya berharap Tuhan akan membenarkan saya menjalankan sepuluh hukuman lagi dengan keris sebelum Dia menghantar saya ke syurga."

Subu mati dalam bulan Februari 1873, dan telah digantikan oleh anaknya, Tomah. Pernah dilaporkan bahawa pada satu ketika apabila Subu jatuh sakit, Tomah, yang selalu melihat bapanya menjalankan hukuman, menawarkan diri untuk menggantikan bapanya. Walau bagaimanapun, usaha pertamanya ini tidak begitu berjaya sepenuhnya kerana Tomah mula menusuk keris pada bahagian yang salah. Namun demikian, kerana tidak mahu kecewa, ia mencabut semula keris itu sambil berkata, "Maaf!" lalu menikam pada bahagian kanan tanpa sungutan sedikit pun daripada si malang.

Tomah menjalankan tugasnya sehingga tahun 1888, tetapi pada tahun 1889, akibat daripada perbicaraan pembunuhan yang memeranjatkan, enam orang telah dihukum mati. Tugas kali ini terlalu berat bagi Tomah yang menggunakan keris. Oleh itu hukuman tembak telah dijalankan buat pertama kali oleh satu pasukan penembak 20 orang Renjer di bawah pemerintahan Komandan mereka, Major Day. Cara ini telah diterima sebagai kaedah menjalankan hukuman mati, dan tanggungjawab ini telah dipindahkan daripada Tomah kepada Komandan Renjer Sarawak. Sebaik sahaja cara penembakan ini diterima, hukuman mati biasanya dapat

dijalankan dengan segera. Misalnya, di tempat yang jauh dari bandar, kadang-kadang banduan yang didapati bersalah dibawa terus dari Mahkamah setelah beberapa minit sahaja dijatuhkan hukuman.

Sesetengah orang mungkin berpendapat bahawa menjalani hukuman tembak adalah suatu kematian yang mudah dan cepat. Tetapi daripada sumber seperti doktor, pembantu hospital dan pegawai-pegawai pasukan menembak kita ketahui bahawa selalunya seseorang banduan itu ditembak di seluruh badannya. Sebenarnya di merata tempat kecuali jantungnya. Apa yang sudah pasti ialah, ia menjadi tugas pegawai penyelia untuk memberi tembakan akhir di kepala banduan dengan *revolver* sama ada banduan itu memerlukannya atau tidak. Mungkin ada sesuatu yang lebih baik mengenai cara orang Jepun, yang digunakan semasa Perang Dunia Kedua, iaitu dengan menggunakan alas untuk senapang mereka bagi memastikan sasarannya tepat dan kematian si malang menjadi cepat dan pasti.

Terdapat suatu peristiwa yang terkenal apabila pegawai pengawas pengsan dan tiada siapa yang tahu apa yang hendak dibuat.

Pada keseluruhannya, dapat dikatakan bahawa hukuman mati pada zaman sebelum perang lebih berperikemanusiaan. Sebelum kawasan hukuman mati dibuka berdekatan dengan lapangan sasaran, orang yang malang itu ditempatkan dalam bilik kurungan di dalam kubu dan diberi apa jua makanan atau minuman yang dimintanya pada malam sebelum beliau menjalani hukuman. Pada awal pagi esoknya, ia dibawa ke suatu tempat di hilir sungai berhampiran Santubong. Di tempat ini tebing sungainya curam berlatar-belakangkan granit dan di sinilah hukuman mati dijalankan. Doktor atau pembantu hospital yang bertugas untuk mengesahkan kematian biasanya memberi suntikan kepada banduan itu untuk mematikan derianya dan pegawai pengawas biasanya membawa sebotol wiski untuk dirinya dan sebotol brandi untuk si malang. Akibatnya, apabila mereka sampai ke tempat hukuman, orang yang dihukum mati itu biasanya berkeadaan baik dan turut membantu menarik perahu ke tepian. Kemudian ia berdiri dengan tenang untuk ditembak.

Walau bagaimanapun, selepas Perang Dunia Kedua terdapat suatu pandangan yang berbeza tentang hukuman mati. Tiada lagi

suntikan atau botol brandi — keadilan perlu dilaksanakan sewajarnya.

Rajah ketiga, Sir Charles Vyner Brooke tidak bersetuju dengan hukuman mati dan berasa benci untuk menandatangani waran kematian. Tetapi, oleh kerana undang-undang negeri perlu dilaksanakan, biasanya ia akan bertugas di luar kota apabila perkara seperti ini hendak dijalankan. Penandatanganan tersebut diserahkan kepada pegawai tinggi kerajaan di Kuching.

Setelah Kubu Margherita dibina, pasukan pertama yang mendudukinya ialah Renjer Sarawak. Tetapi, sebelum saya memberi tahu apa-apa tentang sejarah Renjer Sarawak ini saya mesti memulakan dengan cerita pasukan bersenjata yang ditubuhkan oleh Rajah pertama, Sir James Brooke, pada tahun 1846, dan juga suatu peristiwa yang membuatnya menubuhkan Renjer Sarawak. Pasukan ini ialah *Fortmen* atau Pengawal Kubu. Mereka terdiri daripada kira-kira 30 orang yang tidak terlatih dan bertindak hanya sebagai pasukan polis bersenjata. Seperti nama yang diberikan, mereka bertugas mengawasi kubu dan kediaman Rajah. Mereka diawasi oleh seorang anak tempatan yang pernah berkhidmat dalam *Ceylon Rifles*. Sepanjang ingatan mereka, dia mungkin orang Melayu kerana terdapat masyarakat Melayu yang terbesar bilangannya di Colombo, Sri Lanka. Sebenarnya semasa Perang Dunia Kedua, sebuah Unit Melayu telah ditubuhkan di Sri Lanka; Pegawai Pemerintahnya anak bekas Renjer Sarawak yang mengajar berkawat dan penggunaan senjata. Ia dilahirkan di Kuching dan dipilih khas untuk jawatan itu kerana pengetahuannya dalam bahasa Melayu.

Fortmen atau Pengawal Kubu ini telah dipilih daripada kalangan anak dan anak-buah ketua-ketua orang Melayu dan Dayak dan kesetiaan mereka tidak perlu dipersoalkan. Kadang-kadang mereka ini terdiri daripada anak-anak Ketua Dayak yang tidak disenangi oleh Rajah kerana menjalankan kegiatan memburu kepala menyeberangi sempadan Belanda pada waktu itu. Mereka dibawa ke Kuching sebagai *Fortmen* di kediaman Rajah, pada waktu itu dikenali sebagai Rumah Kerajaan, sebagai jaminan tingkah laku masa depan bapa-bapa mereka.

Pakaian *Fortmen* terdiri daripada sehelai jaket biru tua dengan

sehelai selepang merah, seluar putih, tarbus merah dan berkaki ayam.

Anda mungkin berasa hairan bagaimana Rajah dapat mengawal keamanan dengan sebuah pasukan yang sebegitu kecil pada waktu itu. Jawapannya mudah. Terdapat sepasukan tentera rakyat terdiri daripada kira-kira 25,000 orang muda yang berada di sungai-sungai Batang Lupar, Saribas dan sungai-sungai lain. Dengan semangat peperangan mengalir dalam darah mereka sejak beberapa generasi, mereka ini dengan mudah sahaja menyahut seruan Rajah, terutamanya kemungkinan mendapat hadiah peperangan, yang paling berharga ialah kepala musuh.


Semuanya berjalan dengan baik selama sebelas tahun selepas



Fortmen ditubuhkan, kecuali satu peristiwa pada tahun 1850 di Skrang. Dalam peristiwa itu Rentap, Ketua Dayak yang mem-berontak, menewaskan pasukan kerajaan di bawah pimpinan Encik Brereton, Residen Betong, dan pembantunya, Encik Lee ter-bunuh. Walau bagaimanapun, Rajah mengalahkan Rentap empat tahun kemudian dan berjaya mengatasi segala kekacauan dalaman yang lain beberapa bulan selepas Pemberontakan Kongsi Lombong Emas Bau di Kuching dalam tahun 1857 apabila Rentap, yang tidak berpuas hati dengan kekalahannya, sekali lagi mengangkat senjata menentang Rajah. Peperangan ini adalah sia-sia kerana, walaupun Rentap berjaya, ia tidak mungkin dapat mengambil alih kerajaan negeri ini. Maka, peperangan ini sebenarnya menjadi suatu 'tuntut-an maruah'.

Dua kumpulan bersenjata kerajaan gagal menewaskan Rentap selepas ia membuat kubu di puncak Gunung Sadok, berhampiran dengan Betong. Kemudian, dalam keadaan yang terpaksa, Rajah merasakan perlu untuk menggunakan meriam yang pertama se-besar demikian dan satu-satunya yang terdapat di Sarawak. Meriam ini kemudiannya diberi nama *Bujang Sadok*. Ini dapat mempercepatkan penamatan penentangan Rentap sama seperti perekaan kereta kebal yang membantu mempercepatkan tamatnya Perang Dunia Pertama.

Meriam tembaga kuning yang lama ini menggunakan peluru 12



'Bujang Sadok'



Gunung Sadok, Tanda 'X' adalah kubu kuat Rentap.

paun dan beratnya kira-kira $6\frac{1}{2}$ pikul. Pada tahun 1861, Rajah menggunakan meriam ini dalam percubaan ketiganya dan berjaya menewaskan Rentap. Kubu Rentap di puncak Gunung Sadok ialah 2,700 kaki tinggi dan lukisan gunung ini memberi gambaran kepada anda betapa sukarnya untuk membawa meriam tersebut ke puncak gunung itu.

Pada mulanya, meriam ini ditarik oleh lima ratus orang Dayak sejauh $2\frac{1}{2}$ batu sehingga tidak dapat bergerak lebih jauh lagi. Kemudian ia digalas pada sebatang kayu panjang dan dipikul bergilir-gilir oleh enam puluh orang.

Berikutan ini, Rajah telah sedar bahawa, sungguhpun beberapa pasukan telah bersedia untuk berkhidmat kepadanya pada bila-bila masa, parang dan sumpit sudah menjadi ketinggalan zaman dan serangan-serangan bertambah sukar serta mengambil masa yang agak lama. Dalam tahun 1862, setahun setelah Rentap dikalahkan, Rajah menubuhkan Angkatan Tentera sebagai tambahan kepada *Fortmen*. Angkatan ini terdiri daripada kira-kira seratus dua puluh orang, hampir kesemuanya orang Dayak yang datangnya daripada dua kumpulan. Satu kumpulan dari pedalaman berpusat di Kuching, yang disebut oleh Rajah sebagai Renjer Sarawak, dan yang satu lagi dari pesisiran. Dalam tahun 1871, Rajah memberi mereka pakaian seragam hitam dan putih (lihat ilustrasi) tetapi sebagai tanda perbezaan, mereka yang datang dari pesisiran memakai balut kepala berwarna hitam, manakala mereka dari pedalaman memakai topi hitam. Pakaian untuk bersiar-siar ialah pakaian kebangsaan mereka yang berwarna-warni berserta dengan sebilah parang. Pernah pada suatu ketika, hal begini menyebabkan satu peristiwa yang tidak diingini berlaku apabila sekumpulan mereka keluar bersiar-siar di Kuching pada suatu petang men-

ceroboh sebuah dusun. Apabila pemilik dusun itu cuba menghalang mereka daripada mencuri buah-buahannya, mereka memenggal kepala pemilik dusun itu. Ini dengan serta-merta membuatkan kawasan-kawasan yang dibenarkan untuk mereka menghabiskan masa lapang dihadkan. Akhirnya, pakaian untuk bersiar-siar mereka juga ditukar daripada pakaian kebangsaan kepada pakaian yang rekabentuknya sama dengan pakaian seragam tetapi berwarna biru dan merah. Dua pasang pakaian seragam ini telah digunakan sehingga Renjer Sarawak dibubarkan pada tahun 1932.

Mejar Rodway, bekas pegawai Tentera British, telah diambil untuk mengawasi pasukan baru ini dan telah dilantik sebagai Komandan pertama. Tetapi Rajah dengan cepat telah mengenal pasti kebolehan luar biasa Mejar Rodway dan memindahkannya ke bahagian pentadbiran pada tahun berikutnya, 1863. Ia telah digantikan oleh Mejar Walter, yang dipecat setelah lapan bulan sahaja; kemudian oleh Kapten Bacchus yang terpaksa meletakkan jawatan selepas berkhidmat empat setengah tahun. Oleh itu, dalam tahun 1877, Mejar Rodway telah dilantik semula sebagai Komandan, jawatan yang dipegangnya sehingga ia bersara pada tahun 1883. Dalam tempoh ini, secara peribadi ia telah mengawasi pembinaan Kubu Margherita dan mendudukinya bersama-sama Pasukan Tenteranya apabila telah siap.

Kemudian, dalam bulan September 1879, Rajah mengeluarkan perintah menggabungkan kedua-dua kumpulan Pasukan Tentera dan *Fortmen* seperti "Renjer Sarawak". Dari mula hingga dibubarkan, orang yang menjadi Komandan biasanya bekas pegawai Tentera British, dan jurulatih sama ada bekas Tentera Darat atau Tentera Laut tetapi biasanya bekas Sarjan Tentera Darat. Renjer merupakan suatu pasukan yang sangat bijak oleh kerana Rajah sentiasa mengawasi gerak-geri mereka. Tiada seorang pun yang boleh mempermainkannya. Pengalamannya sewaktu di dalam Tentera Laut telah banyak mengajarnya tentang perkara-perkara ini. Mereka ini sentiasa kelihatan paling segar semasa perbarisan menyambut hari jadi Rajah.

Sekiranya anda melihat gambar Renjer, anda mungkin bertanya mengapa mereka sentiasa berkaki ayam. Alasannya cukup baik — untuk menjadikan kaki mereka tahan lasak apabila berada di hutan.

Mereka ini bersenjatakan rifel *Snider* dan senapang *Hotch-kiss* dan menyertai lebih dua puluh pengembaraan dan satu rusuhan di Miri dalam tahun 1923. Pengembaraan terakhir mereka adalah menentang pemberontak, Asun, di Entabai dalam tahun 1932, apabila mereka diketuai oleh Tuan Muda sendiri. Walau bagaimanapun, sebelum peristiwa Asun dapat ditamatkan, Sarawak terpaksa mengalami zaman kemerosotan ekonomi yang amat teruk pernah dialaminya dan sebahagian besar perbelanjaan terpaksa dipotong. Akibatnya, Renjer dan Polis dibubarkan dan dibentuk semula sebagai sebuah pasukan yang lebih kecil dengan nama Konstabulari Sarawak. Ini menyebabkan rasa malu kepada Kerajaan kerana hanya sebilangan kecil orang Renjer yang dapat dipujuk untuk menyertai pasukan baru itu. Sebelum itu, mereka beranggapan bahawa mereka adalah yang terbaik dalam pasukan bersenjata Rajah dan merasakan bahawa menganggotai pasukan Konstabulari bererti merendahkan status mereka. Oleh itu, ramai orang muda kembali ke rumah panjang. Terlatih dalam menggunakan senjata, tanpa sebarang pekerjaan serta diceloteh oleh kaum wanita, kebanyakan daripada mereka bersekutu dengan pemberontak Asun.

Dengan permulaan perang dengan Jepun pada tahun 1941, 'Pasukan B' telah dibentuk daripada pasukan simpanan. Pakaian seragam mereka hanya baju dan seluar pendek daripada pakaian khaki dan bakul barang gaya-Dayak pada belakang mereka. Mereka mengadakan suatu perbarisan pengambilan orang baru yang amat baik. Selepas itu mereka lenyap sehingga perpindahan kakitangan Syarikat Minyak Shell dari Miri yang telah menjalankan 'skim penafian' dengan menyumbat telaga-telaga minyak. Mereka meninggalkan Miri dengan kapal layar, *Maimuna*, kepunyaan Rajah, dan mengiringi *Lipis* yang membawa kakitangan telaga minyak dan beberapa orang askar Punjab. Kira-kira setengah jalan ke Kuching, kapal-kapal itu diserang oleh sebuah kapal terbang Jepun. Para Renjer melawan berhabis-habisan — rifel dan senapang empat-inci digunakan sepenuhnya. Mereka berjaya mengusir kapal terbang tersebut tetapi ia menyerang *Lipis* pula. Di atas *Lipis*, pengguna mesingan terbunuh. Selepas itu, Pegawai Pemerintah askar Punjabi di Sarawak mengambil alih dan ia juga terbunuh semasa membaiki mesingan yang sudah tersekat. Sungguh

menyedihkan apabila kedua-dua kapal ini masuk ke muara dan membelok berhampiran dengan Syarikat Borneo. *Maimuna* tidak terjejas sedikit pun tetapi *Lipis* mengekori dengan perlahan, benderanya separuh tiang dan kedua-dua sisinya penuh dengan kesan peluru. Enam orang dikebumikan di laut dan dua puluh enam orang cedera, termasuk kapten, dibawa ke Hospital Umum.

Peristiwa lain yang melibatkan 'Pasukan B' ialah pengeboman Bukit Siol oleh kapal terbang Jepun yang melindungi kemaraan askar-askar Jepun dari tempat pendaratan mereka di Sibu Laut ke Kuching melalui Jalan Lundu dan Sungai Sarawak. Kemudian, pada hari sebelum Krismas 1941 yang malang itu, apabila Kuching secara rasmi diserahkan kepada orang Jepun pada pukul 5.00 petang, dengan kekalahan serta tanpa harapan, mereka dibubarkan dan dengan perasaan sedih perlahan-lahan mereka kembali ke kampung masing-masing di pedalaman.

Suatu tugas luar biasa yang dilakukan oleh para Renjer dari semasa ke semasa pada waktu itu ialah untuk menyejukkan tetamu yang menghadiri jamuan makan malam di Istana.

Sebelum ada kipas angin, ini dilakukan di kebanyakan rumah dan pejabat di Timur dengan menggunakan *punka*. Ini ialah sebuah kipas besar digantung pada siling untuk menghasilkan arus udara apabila digerakkan. *Punka* menjadi suatu institusi yang besar di Timur. Misalnya, istilah *di bawah punka* bermaksud bahawa anda dimaklumkan sesuatu secara sulit. Walau bagaimanapun, Istana tidak pernah menggunakan *punka*. Sebenarnya, satu-satunya rumah di Kuching yang saya rasa ada menggunakan *punka* ialah di banglo Syarikat Borneo di Bukit Mata Kuching. Di sini terdapat banyak kegiatan sosial pada masa lampau di samping Istana yang merupakan tempat utama. Di banglo tersebut, seorang jaga Sikh duduk di sebalik pintu dan dengan perlahan-lahan menarik seutas tali untuk menggerakkan *punka*. Kadang-kadang, apabila ia letih, ia akan mengikat tali itu pada ibu jari kaki dan dengan perlahan menggerakkan kakinya ke depan dan ke belakang. Selalunya ia akan tertidur. Tugas watak *punka* dikatakan yang paling malas di Timur. Sekiranya tiada *punka*, Istana terpaksa mencari kaedah lain untuk menyejukkan para tetamu. Oleh itu, seorang Renjer akan berdiri di setiap sudut meja (atau lebih banyak jika jamuan besar) memakai pakaian seragam malam berwarna biru dan merah dan

dengan perlahan-lahan menghayun daun palma yang besar sepanjang waktu makan.

Pada tahun 1872, Rajah kedua, Sir Charles Brooke, mempunyai ide yang aneh. Ia membahagikan semua Pegawai Kerajaan Eropah dan ketua-ketua masyarakat kepada tiga jenis dan memberikan hormat yang tersendiri.

Ini menyebabkan suatu keadaan yang memalukan kepada se-setengah orang dan mengecewakan yang lain, terutamanya kaum wanita, kerana ini menetapkan kedudukan mereka di dalam majlis-majlis negeri dan sosial secara muktamad. Sebenarnya, ini hampir membawa kepada suatu macam sistem kasta di kalangan orang-orang Eropah kerana orang-orang tempatan mengenali mereka sebagai orang-orang Eropah kelas satu, dua dan tiga dan bukan sebagai Pegawai Kerajaan. Malahan seorang penulis tua merujuk kepada seorang wanita Eropah di Kuching pada waktu itu sebagai orang Eropah kelas dua.

Tabik hormat yang diberikan oleh pengawal-pengawal Renjer Sarawak ialah; kelas pertama, 'tanpa mengangkat senjata'; kelas kedua, tangan menyilang badan pada buntut senapang; dan kelas ketiga, hanya 'sedia'.

Paderi mengetuai senarai mereka yang layak menerima tabik hormat kelas satu, diikuti oleh anggota-anggota Majlis Tertinggi berbangsa Eropah, kemudian Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, Datuk Bandar dan para Konsul.

Mereka yang layak menerima tabik hormat kelas dua ialah Residen Kelas Dua, berbagai-bagai Pegawai Kerajaan pangkat yang lebih rendah, Paderi Kerajaan, Anggota Bumiputera Majlis Tertinggi dan Timbalan Konsul. Tabik hormat ketiga adalah untuk semua Pegawai Rendah dan Kadet.

Anda mungkin berasa hairan bagaimana pengawal-pengawal itu ingat jenis tabik yang mana dan untuk siapa. Tetapi ini tidaklah sesukar yang anda fikir kerana hanya ada sembilan orang Pegawai Kerajaan Eropah di Kuching dan sembilan belas di luar Kuching pada waktu itu. Kesemuanya amat dikenali oleh para pengawal. Sistem tabik seperti ini dimansuhkan pada zaman Rajah Ketiga.

Apa juga yang disebut tentang Renjer Sarawak tidak akan lenyap tanpa penjelasan mengenai pancaragam Filipino mereka.

Terdapat bermacam-macam pancaragam Renjer tetapi mutu-

nya tidak tinggi. Oleh kerana Rajah kedua sangat menggemari muzik dan Rancee dengan nama peribadi *Lady de Windt*, telah diiktiraf sebagai pemain piano amatur di seluruh Perancis, maka tidak menghairankan bahawa pada tahun 1888 Rajah membuat lawatan khusus ke Manila dengan hanya satu tujuan untuk mendapatkan sebuah pancaragam Filipino.

Dengan ketelitian seperti biasa, Rajah sendiri menguji bakat dan memilih pemain-pemain pancaragam. Semuanya berjalan lancar sehingga ketua pancaragam telah dipikat oleh orang lain dengan tawaran yang lebih baik. Sungguhpun begitu, pancaragam ini tiba di Kuching pada bulan Mei, 1888 diiringi oleh ketua pancaragam pertama, Polycorpo. Dia telah digantikan oleh Reyas, Labarinto, Julian de Vera dan akhir sekali Pedro Salosa yang menjadi ketua Pancaragam apabila pancaragam berkenaan dibubarkan pada masa yang sama dengan pembubaran Renjer pada tahun 1932, setelah wujud selama empat puluh empat tahun.

Anggota-anggota pancaragam dibayar \$15 hingga \$20 sebulan dan ketuanya \$20.00 hingga \$25.00.

Rajah membuat peraturan bahawa pancaragam yang asal tidak melebihi dua belas orang tetapi akan ditambah secara perlahan sehingga menjadi dua puluh orang.



Pancaragam Renjer Sarawak.

Setibanya di Kuching, anggota-anggota pancaragam diarah supaya digabungkan ke dalam Angkatan Tentera tetapi mereka tidak perlu mengadakan latihan kawat atau membuat kawalan. Mereka perlu tinggal di berek dan dikenakan disiplin sama seperti Renjer. Kemudian, arahan itu diubah dan mereka harus tahu berkawat dan membuat kawalan apabila diperlukan.

Pakaian seragam pertama mereka adalah sama dengan yang dipakai oleh Renjer kecuali mereka ini menggunakan topi merah, tali pinggang dan selepang pada kedua-dua lengan. Tidak lama kemudian mereka diberikan pakaian seragam sendiri.

Mengikut peraturan, pancaragam ini dikehendaki bermain untuk tujuan-tujuan ketenteraan apabila diperlukan, berlatih setiap pagi dan membuat persembahan di Istana dan di tapak pancaragam dua hari seminggu.

Rajah, Renjer dan penduduk Kuching sangat bangga dengan pancaragam mereka, yang pada waktu itu dianggap yang terbaik. Tetapi mutunya tidak dapat dibandingkan dengan yang ada pada masa ini.

Rajah mengambil berat tentang pancaragam ini. Dia berkeras supaya program-program hendaklah dipilih dengan teliti dan jika persembahan tidak sampai ke tahap yang tinggi, ketuanya dimarahi. Pernah tercatat bahawa setelah suatu persembahan untuk umum, Rajah memanggil Komandan dan memberitahunya bahawa persembahan pancaragam semakin merosot. Dia tidak dapat menerimanya lagi. Oleh kerana ketua pancaragam de Vera sudah tua, dia minta supaya de Vera dibersarakan saja dengan bayaran pencen \$6.00 sebulan.

Tidak berapa lama, pancaragam ini tidak lagi dianggotai oleh orang Filipino keseluruhannya kerana pemain gendang dan peniup bugel selalunya diambil daripada orang-orang tempatan. Pada tahun 1897, Rajah memperbesarkan pancaragam ini dengan mengambil tujuh orang dari Perak, Malaysia Barat. Mereka ini pernah menganggotai pancaragam Pemandu Negeri-Negeri Melayu.

Persembahan untuk orang ramai diadakan dua hari dalam seminggu dan Rajah, dengan ketelitian seperti biasa, memerintahkan bahawa sekiranya hujan pada hari persembahan tersebut, persembahan akan dilangsungkan pada hari esoknya. Persembahan ini diadakan di atas pentas pancaragam yang pada waktu itu disebut

sebagai *Esplanade* (sekarang dinamakan *Central Padang*). Pada waktu itu, taman ini merupakan tempat bersiar-siar. Pada masa itu, persembahan-persembahan pancaragam ini sangat digemari oleh Rajah yang tua itu tetapi tidak begitu popular di kalangan orang lain. Telah dikatakan bahawa apabila ia semakin tua, pendengarannya semakin kurang dan kadang-kadang ia sendiri tidak mengerti muzik apa yang dimainkan. Dia sangat suka dikerumuni wanita-wanita cantik daripada semua kaum dan apabila pancaragam telah bermula, tiada seorang pun yang berani berbisik tanpa jelingan marah daripadanya. Bagi pegawai-pegawai kerajaannya, kedatangan dimestikan kerana, pada waktu itu, tidak ada apa yang disebut sebagai kenaikan gaji tahunan dan Rajah hanya memberi kenaikan apabila ia teringat akan mereka. Oleh itu, kecuali ia nampak mereka, ia akan lupa mereka. Dengan kata lain, tidak datang ke persembahan pancaragam bermakna tidak ada kenaikan gaji.

Kemuncak kemegahan pancaragam Filipino ini ialah pada tahun 1922 apabila diadakan Pameran Borneo - Malaya di Singapura yang dihadiri oleh Putera Wales. Dalam persaingan dengan pancaragam-pancaragam Tentera dan Polis seluruh Singapura dan Malaya, mereka mendapat tempat kedua, tewas kepada pancaragam Tentera British. Hadiahnya ialah sebuah pingat perak diameter tiga inci dengan kepala Putera Wales di sebelah muka pingat ini dan tulisan pada sebelah yang lain. Pingat ini sentiasa dipamerkan di pejabat Komandan Renjer Sarawak dan setelah Renjer dibubarkan, ia dipamerkan di pejabat Pesuruhjaya Polis sehingga pendudukan Jepun. Seperti kebanyakan barang yang lain, pingat ini juga hilang.

Pancaragam Filipino ini dibubarkan bersama-sama dengan Renjer kerana alasan-alasan ekonomi semasa keruntuhan perdagangan pada tahun 1932. Beberapa orang anggotanya kembali ke tanahair mereka tetapi beberapa orang lagi tinggal dan menganggotai Polis Sarawak yang baru saja ditubuhkan. Mereka ini membantu menubuhkan nukleus sebuah pancaragam sambilan di bawah pimpinan ketua pancaragam yang terakhir Gregory anak Pedro Salosa, yang merupakan seorang inspektor dalam Polis Sarawak. Kegiatan mereka diteruskan sehingga peperangan dengan Jepun tercetus dalam bulan Disember, 1941.

BAB 2

KEDIAMAN RAJAH SARAWAK

RAJAH Sarawak membina kesemuanya tiga buah tempat kediaman di Kuching. Yang pertama, pada tahun 1842, musnah terbakar dalam Pemberontakan Rakyat dalam bulan Februari 1857, dan yang kedua, dibina segera selepas itu untuk menggantikan yang pertama. Kediaman kedua ini telah dirobohkan selepas dua belas tahun, iaitu pada tahun 1869, supaya dapat dibina kediaman yang ketiga yang merupakan Istana yang ada sekarang.

Semuanya ditempatkan di atas tapak di puncak bukit tempat para Rajah Brunei pernah bersemayam. Di sini juga masih dapat dilihat makam mereka.


2.1 KEDIAMAN BROOKE

Kediaman pertama, yang didiami oleh Rajah pertama, Sir James Brooke, selalunya dirujuk oleh penulis-penulis lama sebagai "Kediaman Encik Brooke". Strukturnya sederhana seperti yang dapat dilihat dalam ilustrasi, yang dihasilkan semula dari sebuah sketsa pada tahun 1848. Keseluruhannya dibina dengan menggunakan kayu di atas tiang dan luasnya lima puluh empat kaki persegi. Ada empat bilik tidur, setiap satu di penjuru, dan sebuah bilik rehat yang besar di tengah, dengan sebuah bilik untuk Rajah di belakang.

Bilik rehat yang besar itu sangat berguna kerana sudah menjadi adat Ketua-ketua Melayu mengunjungi Rajah Sarawak pada sebelah petang dan duduk berbual-bual sehingga larut malam. Dengan cara begini dia dapat mengetahui apa yang berlaku di sekelilingnya. Ini sangat penting pada masa yang bergolak itu.

Kelihatan bentuk bumbung bangunan ini tinggi dan berangin sama seperti yang digunakan untuk Istana sekarang. Bentuk kediaman Rajah Sarawak yang luar biasa ini, walaupun tidak begitu menyenangkan mata memandang, memberi suatu suasana yang sejuk dan selesa di dalamnya. Dikatakan bahawa Rajah Sarawak pertama menirunya daripada banglo-banglo yang pernah didiaminya semasa ia bertugas dengan Syarikat India Timur.

Terdapat satu perkara yang menjadikan kediaman ini terkenal iaitu perpustakaananya. Setelah beberapa tahun, Rajah ini telah dapat mengumpulkan sejumlah besar buku yang meliputi berbagai-bagai perkara, kebanyakannya tidak dapat diterima oleh Biskop. Malangnya, semua ini telah musnah apabila kediaman itu terbakar. Puan McDougall, isteri Biskop McDougall, yang menyaksikan kebakaran itu dari Rumah Biskop, menyatakan, "Sungguh menyedihkan, perpustakaan telah dibakar oleh para pemberontak. Ini adalah harta karun di dalam hutan dengan buku-buku yang berbagai-bagai perkara yang dibalut dengan kulit yang



Kediaman Pertama (1842-1857)

amat menarik. Perpustakaan ini amat kami sayangi kerana kami diberi kebenaran untuk melihatnya. Saya nampak timbunan buku menyala kemerah-merahan seperti relau, lama selepas api membakar rumah kayu itu. Kebakaran itu berterusan selama dua hari.”

Sebaik saja berita ini sampai di England, rakan-rakan sekolah lamanya membeli dan menghantar sejumlah besar buku untuk menggantikan buku-buku yang telah musnah. Universiti Cambridge juga memberi sedikit sumbangan tetapi koleksi kedua itu tidak dapat menggantikan yang pertama itu.

Cerita mengenai malam yang bersejarah pada 18 Februari 1857 itu sungguh amat terkenal bagi saya untuk memperincikannya di sini. Setelah kediaman itu diserang oleh pemberontak-pemberontak, Nicholetts yang hanya berumur tujuh belas tahun, telah dibunuh. Kerana disangka ia adalah Rajah Sarawak, kepalanya dipenggal dan diarak keliling bandar di hujung sebatang kayu. Rajah dapat menyelamatkan dirinya dengan berenang menyeberangi anak sungai di tepi banglonya. Selepas itu semuanya berakhir setelah berlaku kebakaran.

2.2 RUMAH KERAJAAN

Kediaman kedua yang dibina segera untuk menggantikan yang pertama, dikenali sebagai Rumah Kerajaan. Rumah ini juga dibina



Dengan ihsan Mazium Sarawak

daripada kayu tetapi pengalaman daripada pemberontakan dahulu itu membuatkan Rajah mendirikan sebuah binaan seperti kubu yang disebut *The Tower*. *The Tower* dibina sebahagian daripada kediaman dan di sini juga merupakan tempat berlindung jika berlaku kecemasan.

Tidak banyak dirakamkan tentang kediaman ini kecuali mengenai nasib buruk Kapten Brooke Johnson, Rajah Muda, yang kematian isteri pertamanya Annie, anak lelakinya Francis dan isteri keduanya Julia. Semua ini berlaku dalam tempoh masa tiga setengah tahun. Kesemuanya meninggal di rumah ini dan dikebumikan di tanah perkuburan Brooke di tepi sungai yang berhampiran.

Oleh itu, setelah kematian Rajah Sarawak yang pertama pada tahun 1868, Rajah kedua, yang akan berangkat ke England dengan tujuan untuk berkahwin, merobohkannya. Kerja-kerja membina bangunan baru bermula pada tahun 1869. Apabila Rajah kembali dari England dengan isterinya pada tahun 1870, sebuah bangunan batu yang lebih cantik serta sesuai sebagai kediaman seorang Rajah dan sesuai dengan nama Istana sudah sedia menantinya.

2.3 ISTANA

Kediaman ketiga telah didiami oleh Rajah kedua selama empat puluh tujuh tahun sehingga kematiannya pada tahun 1917 dan oleh Rajah ketiga selama dua puluh tujuh tahun, kecuali semasa pendudukan Jepun.

Pada waktu mula dibina, kediaman itu dinamakan Rumah Kerajaan tetapi selepas beberapa tahun, nama itu ditukar kepada Istana. Sungguhpun bangunan itu telah siap apabila Rajah dan Permaisuri Margaret tiba pada tahun 1870, hanya terdapat sedikit perabot. Oleh itu, mereka terpaksa tinggal dengan keluarga Crookshank di banglo berhampiran dengan Kubu Margherita. Ini menyebabkan rasa malu kepada Permaisuri kerana isteri Residen Crookshank sehingga waktu itu telah menganggap dirinya sebagai wanita utama di negeri ini dan menolak kedatangan 'budak perempuan kecil dari biara' itu. Pada masa itu Permaisuri berusia dua puluh tahun; Rajah empat puluh tahun.

Pada suatu masa dulu, terdapat sebuah ladang pokok pinang di

belakang Istana. Rajah menanamnya bagi kegunaan rakan-rakan Dayaknya yang kadang-kadang datang berjumpa dengannya untuk mengambil buah pinang ini apabila mereka ingin mengadakan kenduri besar. Ia akan memberi mereka buah pinang ini dalam balang-balang yang murah harganya untuk dibawa pulang. Beberapa buah balang ini masih terdapat di kampung-kampung Dayak dan sangat dihargai oleh mereka yang memilikinya. Kebiasaan mengunyah pinang pada masa ini sudah berkurangan.

Istana ini dibina dengan rekabentuk yang agak ganjil. Sebenarnya, ia dibina dalam bentuk tiga buah rumah, ditopang dengan tiga batang tiang batu bata yang tebal kira-kira dua puluh kaki tinggi. Laluan masuknya terdiri daripada sebuah menara yang kelihatan lama dengan bentuk kubu di bumbungnya. Sama seperti kediaman kedua, menara ini juga dibina sebagai tempat berlindung jika berlaku darurat. Sungguhpun pada masa ini menara itu digunakan untuk tujuan lain, tidak lama dulu terdapat berbaris-baris senapang disandarkan pada dinding di sekelilingnya.

Sebaik saja Istana itu dibina, hadiah-hadiah mula mencurah-curah daripada pedagang-pedagang Cina. Yang mula-mula, hadiah yang merupakan dua belas pasang lampu Cina, telah di-hadiahkan oleh Encik Law Kian Huat dan rakan kongsinya, Encik Sim Ah Nio dari Ghee Soon dan Syarikat.

Tidak berapa lama setelah Permaisuri mendiami Istana itu, dia mula membina keluarga yang besar. Pertama, seorang perempuan, Ghita, dilahirkan dalam bulan September pada tahun yang sama, 1870, dan selepas itu anak lelaki kembar, James dan Charles, dalam bulan Februari 1872. Ketiga-tiganya meninggal dunia dalam perjalanan pulang ke England pada tahun 1873. Kemudian anak lelaki dalam kandungan meninggal selepas Permaisuri terjatuh di atas kapal. Yang kelima, yang menjadi Rajah ketiga, dilahirkan di England sewaktu Rajah dan Permaisuri bercuti. Tetapi anak keenam dan ketujuh, Tuan Muda dan Tuan Bungsu, dilahirkan di Istana. Orang-orang Melayu Kuching menyanjung tinggi Tuan Muda kerana mereka menganggapnya sebagai seorang bumi-putera.

Rajah kedua, yang memerintah negerinya seperti sebuah ladang Ingeris, sentiasa berdiri di beranda Istana dengan sebuah teleskop dan memerhatikan pegawai-pegawainya tiba di pejabat.



Dengan Hiasan Muzium Sarawak

Istana

Sekiranya ada yang datang lewat, sepucuk nota akan tiba beberapa minit kemudian, mengingatkan mereka tentang waktu pejabat.

Ada satu peraturan tetap yang dipatuhi oleh Rajah kedua. Semua orang di Istana bangun apabila kedengaran tembakan meriam pukul lima pagi dan makan malam apabila kedengaran tembakan meriam pada pukul lapan malam.

Rajah ketiga dan Permaisuri Sylvia, yang jauh lebih muda daripada Rajah yang lalu, sentiasa mengadakan jamuan besar-besaran, terutamanya apabila tiga orang anak perempuan mereka berada di Sarawak. Rajah membina sebuah kolam renang kecil di belakang Istana untuk kegunaan mereka. Ramai orang berasa iri hati terhadap kolam ini selama beberapa tahun.

Hiasan dalam Istana banyak berubah sekarang. Pada suatu masa dulu ia kelihatan seperti sebuah muzium. Misalnya, pandangan pertama Permaisuri Sylvia apabila ia mula-mula memasuki Istana pada tahun 1916: "Sungguh menakjubkan dalam keindahan beraneka rupa yang mengecewakan. Kulit luarnya seperti sehelai kain cantik yang diletakkan di atas bahu perempuan yang hodoh."

Rekabentuk yang cantik pada siling di bilik melukis adalah hasil pakar-pakar Cina yang dibawa khas dari Hongkong pada kira-kira tahun 1930. Kerja-kerja itu telah dilakukan semasa Rajah bercuti. Sekembalinya ia dari bercuti, pada mulanya ia tidak suka dan memecahkannya dengan tongkat. Selepas itu, fikirannya berubah dan memaksa mereka membuatnya semula.

Dayang Anne, anak perempuan Tuan Muda, yang selalu menemani bapanya melawat Sarawak, mengatakan bahawa ia banyak kali nampak hantu Rajah kedua dalam istana.

Kelapan-lapan Mesyuarat Majlis Negeri, yang berlangsung di antara tahun 1873 dengan 1906, telah diadakan di dewan santapan Istana sama seperti Majlis Berdamai di antara orang-orang Murut Trusan dengan orang Dayak Saribas, Kalaka dan Rejang dalam bulan Mei 1886.

Pada Malam Tahun Baru diadakan bankuet dan tari-menari yang dihadiri oleh kira-kira seratus orang tetamu. Mereka ini duduk di sebuah meja panjang dengan Rajah pada suatu hujung dan Permaisuri pada hujung yang lain.

Sebelum Perang Dunia Kedua, menara itu dilitupi apa yang suka kami sebutkan sebagai *ivy*. Sebenarnya ini ialah sejenis pokok menjalar. Walau bagaimanapun, terdapat satu kepercayaan bahawa menara tidak boleh disapu kapur atau pokok menjalar itu dibuang. Jika dilakukan, akan ditimpa kecelakaan. Semasa perang, Putera Maeda dari Jepun menduduki Istana dan memotong pokok menjalar itu. Tiga hari kemudian dia terbunuh apabila kapal terbang yang dinaikinya jatuh terhempas di laut berhampiran Bintulu.

Tidak ada tulisan oleh mereka yang tinggal di Istana kecuali biografi oleh Permaisuri Sylvia kira-kira empat puluh tahun lalu. Banyak peristiwa bersejarah mengenainya kini sudah hilang. Apabila penyerahan hak berlaku pada tahun 1946, itulah saja harta yang dikekalkan oleh Rajah di Sarawak. Tetapi sejak itu Istana diduduki oleh Gabenor-Gabenor Kolonial dan kini sejak kemerdekaan oleh Gabenor-Gabenor Sarawak sendiri.

BAB 3

TANAH PERKUBURAN KELUARGA BROOKE

SEKIRANYA anda memandang ke arah tepi sungai di Kuching kira-kira separuh jalan di antara Kubu Margherita dengan Istana, anda akan melihat sebidang tanah lapang dikelilingi oleh pagar kayu belian dicat putih dan rendah. Sungguhpun beratus, malahan mungkin beribu, orang melewatinya setiap hari, saya yakin tidak seberapa ramai orang mengetahuinya dan sudah pasti tiada seorang pun yang tinggal di Kuching pada masa ini mengetahui sejarahnya dengan lengkap.

Ia merupakan sebidang tanah kecil yang ditahbiskan oleh Uskup McDougall pada tahun 1850-an — lebih seratus tahun yang lalu — untuk digunakan sebagai tanah perkuburan Kristian bagi ahli keluarga Rajah. Daripada beberapa rekod yang ada menunjukkan bahawa terdapat empat buah kubur dan sebuah batu peringatan di situ.

Orang pertama yang dikebumikan di situ ialah Anne, isteri anak saudara Rajah pertama, Kapten Brooke. Dia meninggal pada 25 November 1858. Kapten Brooke adalah anak saudara yang dilantik sebagai pengganti Rajah, mula-mula dengan gelaran Tuan Besar dan kemudian Rajah Muda, tetapi ia melepaskan gelaran itu

dan kemudian melepaskan jawatannya kerana tidak bersetuju mengenai permintaan untuk perlindungan Sarawak di bawah Belgium tanpa pengetahuan Rajah. Anne berumur hanya dua puluh empat tahun apabila ia meninggal kerana demam selama dua belas hari selepas melahirkan anak yang kedua. Anak ini, Hope Brooke, banyak menyusahkan Rajah kedua kerana dari semasa ke semasa menuntut bahawa ia adalah Rajah Sarawak yang sah. Ini benar jika tidak kerana perkara yang tersebut di atas. Anne, yang dalam perjalanan ke Sarawak apabila pemberontakan berlaku dalam tahun April 1857, telah berkahwin tidak sampai dua tahun apabila ia meninggal. Kematianannya adalah 'satu kecelakaan besar kepada orang Kuching' (atau Sarawak pada masa itu). Selepas kematian Anne, kuburnya dijaga rapi oleh keluarga Brooke. Benih-benih bunga sentiasa dipesan dari England dan disemai di atas kuburnya serta kawasan di sekeliling yang juga rapi dan bersih.

Dua tahun setelah kematian Anne, anak lelakinya yang sulung Francis Basil Brooke, yang berumur hanya tiga tahun, juga meninggal pada 28 Oktober 1860. Ia disemadikan di sisi kubur ibunya. Kapten Brooke pergi bercuti ke England dan bertunang dengan isterinya yang kedua, Julia. Tetapi ia berasa tidak senang dengan pergeseran antaranya dengan bapa saudaranya, Rajah. Ia menulis kepada Julia untuk memansuhkan pertunangan itu. Walau bagaimanapun, surat itu tidak tiba pada waktunya kerana ia sudah bertolak ke Sarawak. Sebaik sahaja tiba di Kuching, dia berkahwin dengan Kapten Brooke dan akhirnya ia menerima surat setelah beberapa bulan kemudian.

Julia sentiasa mengambil berat untuk menjaga kubur Anne dan Francis tetapi ada yang mengatakan bahawa kesunyian kubur-kubur ini menyebabkan Julia terasa sungguh terharu. Nampaknya ia terasa seolah-olah ia akan menuruti mereka dalam jangka waktu yang singkat. Setelah berkahwin selama dua tahun, ia meninggal dunia pada 10 April 1862, berumur dua puluh lapan tahun. Ketika itu ia baru sahaja melahirkan seorang anak perempuan, Agnes, yang diserahkan di bawah penjagaan Harriette, isteri Uskup McDougall semasa ia sakit tenat. Dengan itu, ia menjadi orang ketiga keluarga itu yang dikebumikan di situ.


Sehingga itu Kapten Brooke mengalami nasib malang kerana kehilangan dua orang isteri dan seorang anak lelaki dalam tempoh

hanya tiga setengah tahun. Semua ini dan pertelingkahannya dengan Rajah Sarawak, melemahkannya dari segi fizikal dan mental. Ia meninggal dunia pada tahun 1868 iaitu enam tahun selepas kematian Julia. Ketika ia masih agak muda iaitu empat puluh tahun, kerana lumpuh.

Keluarga Brooke yang terakhir dikebumikan di situ ialah anak keempat Permaisuri Margaret. Permaisuri telah pergi ke Singapura dan dalam perjalanan pulang ke Kuching pada suatu malam, ia terjatuh ke dalam salah satu lubang di atas dek kapal yang terbuka. Akibatnya, anaknya yang belum cukup bulan dilahirkan dan meninggal. Persoalan timbul, di manakah ia patut dikebumikan. Doktor mencadangkan supaya bertanya kepada Uskup. Ini telah dilakukan tetapi Uskup memutuskan bahawa sebagai anak yang belum cukup bulan ia belum dibaptiskan, dan dengan itu tidak perlu dikebumikan di tanah yang ditahbiskan. Berita ini menyebabkan Permaisuri bersedih tetapi Datuk-Datuk Melayu, setelah mendengar berita itu, bertindak bersendirian. Mereka pergi ke Istana, letakkan jenazah budak kecil itu di dalam keranda dan mengusungnya ke tanah perkuburan kecil itu. Di sana, dengan menggunakan kata-kata Permaisuri sendiri, "mereka mengebumikannya dengan penuh penghormatan dan kasih sayang." Sungguhpun begitu, inilah pengebumian yang tidak termasuk dalam rekod Diosis.

Kemudian terdapat batu peringatan. Batu ini telah didirikan pada tahun 1874 untuk memperingati ketiga-tiga anak Permaisuri Margaret — Ghita, anak perempuan yang sulung; dan anak kembar lelaki, James dan Charles. Kesemua anaknya itu meninggal dunia di Laut Merah dalam bulan Oktober 1873, semasa dalam perjalanan ke England. Ibu mereka dan beberapa orang penulis mencatatkan bahawa mereka itu mati kerana menghidap taun. Tetapi bapa mereka, Rajah kedua, Sir Charles Brooke, menyokong penulis-penulis buku *The Two White Rajahs* yang mengatakan bahawa mereka mati kerana 'bahang apoleksi'.

Ghita hanya berumur tiga tahun dan budak-budak lelaki itu berumur hampir dua tahun. Ghita adalah kesayangan orang-orang Melayu. Sejak dilahirkan pada tahun 1871 sehingga hari ini, berbagai-bagai bot dan kapal telah diberikan nama ini. Nama ini juga popular di kalangan budak-budak perempuan di Kuching untuk beberapa tahun. Kemungkinan Kampung Gita, hanya di seberang



Tanah perkuburan keluarga Brooke.

jambatan gantung Satok, dinamakan sempena nama budak itu. Di sini, orang-orang Melayu dari Kampung Jawa ditempatkan. Setengah-setengah orang berpendapat bahawa bot dan kapal diberi nama Permaisuri Margaret tetapi yang lain tidak menyokong pendapat mereka kerana tidak ada sebuah buku pun tentang Sarawak yang ada menyebut nama 'Ghita'. Walau bagaimanapun, harus diingat bahawa 'Ghita' ialah nama timangan bagi Permaisuri Margaret dan orang lain tidak dibenarkan menggunakannya.

Ada orang percaya bahawa empat orang Eropah terbunuh semasa Pemberontakan 1857 juga dikebumikan di kawasan tanah ini. Mereka ialah Henry Nicholletes, berumur tujuh belas tahun yang dibunuh dan mayatnya disangkakan mayat Rajah Sarawak. Kepalanya dipenggal, dilekatkan pada hujung sebatang kayu dan diperagakan di bandar.

Selepas itu Richard Wellington yang berumur dua puluh satu tahun dan anggota Syarikat Borneo. Ia tinggal dengan keluarga

Middleton (Joseph Middleton adalah Ketua Konstabel atau Ketua Pegawai Polis). Ia dibunuh semasa cuba melindungi Puan Middleton dan dua orang anaknya dengan hanya sebilah pedang di tangannya.

Akhir sekali, dua orang anak Middleton, John, berumur enam tahun dan Charles, berumur empat tahun, yang dipaksa oleh pemberontak-pemberontak menunjukkan mereka di mana bapa mereka bersembunyi. Tetapi bapa mereka telah pun melarikan diri melalui bilik air di belakang rumah. Ibu mereka, yang berpendapat ia tidak mempunyai peluang untuk melarikan diri, bersembunyi di dalam sebuah tempayan besar. Kerana gagal menangkap bapa budak-budak itu, pemberontak-pemberontak itu menjadi berang. Mereka memenggal kepala budak yang lebih tua dan menyepak-nyepaknya sambil ketawa. Puan Middleton mengintai dari atas tempayan, dan melihat apa yang berlaku. Oleh sebab tidak berpuas hati, mereka membakar rumah itu dengan mencampakkan budak lelaki yang seorang lagi ke dalam api. Puan Middleton telah dijumpai hampir mati di halaman rumah tetapi ia pulih akhirnya.

Memandangkan bahawa jirat Kristian telah dibuat dalam tahun 1848, sembilan tahun sebelum pemberontakan, saya tidak dapat menyokong kepercayaan bahawa mangsa-mangsa ini dikebumikan di tanah perkuburan keluarga Brooke. Daftar pengebumian dalam Diosis Kuching mencatatkan keempat-empatnya dikebumikan pada 21 April 1857, kira-kira dua hari selepas mereka dibunuh. Tetapi daftar itu hanya mencatatkan pengebumian di Diosis dan tidak menjelaskan tempat sebenar. Misalnya, beberapa pengebumian yang dicatatkan dikatakan berlaku di laut. Oleh itu, saya tidak dapat membuktikan secara muktamad bahawa pengebumian itu tidak dilangsungkan di tanah perkuburan keluarga Brooke.

Dan apa telah berlaku pada kubur-kubur itu? Sekiranya anda menziarahi tempat ini, anda akan mendapati kubur-kubur itu dijaga dengan rapi — mungkin oleh orang-orang yang tidak mengetahuinya. Tetapi anda tidak akan dapat melihat batu nisan; kesemuanya telah roboh bertahun-tahun yang lalu dan akibatnya tiada apa pun yang menandakan tempat sebenar kubur-kubur itu. Hanya batu peringatan yang tinggal. Yang pasti, sudah tidak ada bunga, dan kubur-kubur itu tidak lagi diziarahi tetapi sedikit-tidak-

nya, kita tahu bahawa kubur-kubur itu tidak diabaikan dan dilupakan.

BAB 4

KUBU ALICE, SIMANGGANG (1864)

KUBU Alice, Simanggang (Sri Aman) mencapai tahun keseratus pada 24 Mac 1964. Tetapi kebanyakan strukturnya jauh lebih tua kerana ia pertama kali didirikan di Skrang, kira-kira lima batu ke hulu sungai, pada tahun 1849. Di sini, kubu itu dikenali sebagai Kubu James sempena Rajah Sarawak pertama, Sir James Brooke.

Dalam tahun 1864, Kubu James telah dirobohkan dan kebanyakan bahannya telah dipindahkan ke Simanggang. Di sini, kubu ini dibina semula dan kekal tidak bernama untuk beberapa tahun sehingga ketibaan Permaisuri Margaret di Sarawak pada tahun 1870, apabila akhirnya diberi nama Kubu Alice, sempena nama Kristiannya yang kedua.

Kubu Margherita di Kuching yang dibina pada 1879, dan Kubu Lili di Betong yang dibina pada 1858, adalah bersempena dengan nama Kristian Permaisuri yang kedua dan ketiga.

Kubu Alice adalah satu-satunya kubu jenis itu di negeri ini. Keseluruhan kubu ini dibina daripada kayu belian dan berbentuk segiempat dengan sebuah menara kecil di setiap penjuru. Cirinya yang agak berlainan ialah kubu ini mempunyai sebuah halaman terbuka di bahagian tengah, sejenis jambatan sorong atau tangga yang boleh diangkat sekiranya diserang atau, pada waktu malam, dan cerucuk besi di sekeliling luar kubu.

Pada peringkat awal terdapat beberapa pucuk meriam dan Rajah Sarawak menempatkan satu pasukan Renjer Sarawak yang kuat.

Rajah pertama mempunyai alasan yang kuat untuk membina sebuah kubu di Skrang, yang mempunyai kedudukan strategik dalam menyekat orang-orang Dayak Skrang yang gagah itu menghirir ke laut dan bergabung dengan rakan-rakan mereka, iaitu Dayak Saribas, dalam serangan-serangan ke atas kapal-kapal yang belayar di pesisir pantai. Kota ini juga bertujuan untuk menyekat ekspedisi memburu kepala oleh orang-orang Dayak Skrang terhadap orang-orang Dayak Balan dan Sebuyau di hilir Batang Lupar.

Di sini juga tempat bertapak Kapten Keppel, dari kapal *Dido*, dalam ekspedisinya menentang lanun-lanun Skrang dalam tahun 1844. Beberapa orang askar Redcoat British terbunuh di situ. Ini kemudiannya menimbulkan kepercayaan di kalangan orang-orang Dayak bahawa monyet-monyet hidung panjang (rasung atau orang Belanda) adalah roh askar-askar itu.

Dengan susah payah Rajah menewaskan kumpulan-kumpulan lanun Skrang dan Saribas dan ia bertekad untuk mengawasi mereka. Pada 31 Julai 1849, dengan bantuan tiga buah kapal perang British, ia menyerang pada tengah malam di Beting Maru, sebuah tanjung pasir terletak di antara Sungai Saribas dan Sungai Kalaka. Dengan itu tamatlah keganasan mereka. Penggunaan kapal-kapal perang British ini telah menyebabkan kekecohan di Parlimen British.

Tidak lama selepas ini, Encik Crookshank telah dihantar untuk membina kubu ini di Skrang. Ia melakukannya dengan bantuan suku-suku kaum yang baik di daerah itu dan kubu itu diletakkan di bawah pengawasan Sharif Matusin, orang Melayu tua yang dipercayai oleh Rajah. Tetapi suku-suku kaum tempatan tidak mempercayainya dan oleh itu Encik Brereton, yang hanya berumur dua puluh tahun telah mengambil alih tugas. Kemudian ia telah dibantu oleh Encik Alan Lee.

Dalam tahun 1853, Rentap, Ketua Dayak Skrang yang terkenal kerana kejahatan dan gemar menyamun, berasa resah dengan kehadiran kubu itu kerana menghalangnya belayar ke laut untuk meneruskan amalan lamanya. Ia membuat keputusan untuk

menyerangnya. Sebelum ia dapat melakukannya, Encik Brereton, dibantu oleh Encik Lee, yang telah membawa sepasukan orang Dayak Balan dari Sungai Lingga, telah mudik ke hulu untuk menemuinya. Malangnya, Encik Lee telah terbunuh tetapi kubu itu tetap kukuh. Mulai hari itu hingga ke hari ini, tiada serangan berlaku ke atas kubu itu.

Setelah tiga kali ekspedisi barulah Rentap dapat ditewaskan. Selepas itu, sekali lagi kawasan itu aman.

Encik Brereton meninggal dunia pada tahun 1854 akibat penyakit cirit-birit dan Tuan Muda, yang kemudiannya menjadi Rajah kedua, telah dihantar untuk menggantikannya. Ia diikuti oleh Encik Watson yang bertanggungjawab apabila berpindah ke Simanggang.

Setelah kubu itu dibina di Skrang, dirasakan bahawa sebuah bandar akan muncul di sekelilingnya tetapi tapak itu tidak sesuai kerana tanahnya rendah dan mudah banjir. Ini membawa kepada keputusan untuk memindahkan kubu itu ke Simanggang. Di sini kubu itu didirikan semula di puncak sebuah bukit kecil berhampiran dengan tebing sungai tetapi cukup tinggi untuk menguasai pandangan yang sungguh luas ke arah desa. Di sinilah merupakan salah satu kawasan yang ramai didiami oleh Dayak Laut. Kubu ini juga mengawasi sepanjang-panjang sungai. Ini perlu untuk kedudukan kubu pada masa itu.

Pernah dikatakan bahawa Rajah kedua mempunyai minat yang mendalam terhadap kawasan desa di sini dan menghantar pegawai-pegawainya yang terbaik ke sana. Ia sendiri mengarahkannya dari 1854 hingga 1916 (enam puluh dua tahun) apabila ia menyerahkan kuasa kepada anaknya yang kemudiannya menjadi Rajah ketiga. Oleh sebab inilah maka tidak ada Residen kelas satu di Bahagian Kedua semasa pemerintahan Rajah kedua.

Dari tahun 1864 ke 1869, Kubu Alice di bawah Tuan Bongsu, Encik Henry Stuart Johnson, adik lelaki Rajah kedua, yang menjadi Residen Batang Lupar dan Saribas yang berpusat di Kubu Lili, Betong sehingga Encik James Brooke Crookshank dilantik sebagai Residen pertama Simanggang. Tetapi Kubu Alice sentiasa bernasib baik kerana mempunyai Pegawai Bumiputera yang sangat cekap iaitu Abang Aing, datuk kepada Datuk Abang Hj. Zin, yang boleh mengambil alih apabila perlu. Encik Crookshank mewujudkan



Kubu Alice

suatu suasana yang sungguh baik di kalangan orang-orang Dayak di daerah itu dan apabila ia dipindahkan ke Sibu, ramai di kalangan mereka cuba membawa kes-kes mahkamah mereka ke sana. Namanya masih diabadikan oleh mereka dalam lagu-lagu yang merujuknya sebagai orang bangsawan. Residen-Residen lain yang terkenal yang mengikutinya — Maxwell, Deshon, Bailey, Page-Turner dan Archer — juga diingati dalam lagu-lagu mereka tetapi Deshon dan Bailey lebih banyak daripada yang lain-lain kerana nama-nama mereka lebih mudah diiramakan dengan kebanyakan kata Dayak.

Permaisuri Margaret tidak akan lupa lawatan pertamanya ke Kubu Alice. Semasa sebuah tarian Dayak yang dipersembahkan di Kubu itu sebagai penghormatan kepadanya, buat pertama kali ia melihat kepala-kepala manusia digunakan. Dengan serta-merta ia berlari ke biliknya dan pengsan, dan terpaksa dikecualikan untuk sepanjang malam itu.

Inilah Stesen pertama tempat Rajah ketiga melangsungkan latihan kadet ketika berumur tujuh belas tahun di bawah Encik Bailey pada tahun 1981.

Ekspedisi Taun yang membawa malapetaka bermula dari

Kubu Alice pada tahun 1902 apabila dua ribu orang daripada sepasukan dua belas ribu askar mati tanpa melihat musuh.

Penulis terkenal, Somerset Maugham, menghabiskan masa beberapa hari di Simanggang pada tahun 1921 dan menggunakannya sebagai latar untuk beberapa buah cerpennya; menggelikan hati tetapi tidak semestinya benar. Misalnya, ada Residen, sungguhpun tinggal seorang diri, memastikan ia berpakaian lengkap untuk makan setiap malam. Ia juga mahu supaya akhbarnya, *London Times* diletakkan di atas meja sarapan setiap pagi sungguhpun akhbar-akhbar itu biasanya sampai dalam kumpulan dua minggu sekali dan kira-kira dua bulan berlalu apabila ia menerimanya. Ia tidak akan membacanya sehingga hari sebenar dalam minggu itu tiba.

Ada diperkatakan bahawa mereka yang disebutkan dalam buku Somerset Maugham berpura-pura marah dan mereka yang tidak disebutkannya sangat cemburu. Namun begitu, apabila Somerset Maugham memberitahu Rajah beberapa tahun kemudian bahawa ia bercadang untuk mengunjungi Sarawak buat kali kedua, ia menerima jawapan yang amat beradab bahawa kedatangannya tidak disenangi.

Beberapa tahun lalu, Kubu ini adalah sebuah stesen lengkap. Di samping bertindak sebagai sebuah kubu, ia juga adalah Rumah Pegawai, Pejabat Kerajaan, Mahkamah dan Balai Polis. Berikutan dengan perkembangan pesat jabatan-jabatan kerajaan, bangunan-bangunan baru muncul untuk memenuhi keperluan ini dan Kubu itu secara perlahan ditinggalkan.

Di Kubu Alice ada satu tradisi lama yang dipatuhi untuk selama seratus tahun sehingga 1964. Ini ialah teriakan malam pada pukul lapan apabila biasanya Residen makan malam dan jambatan sorong ditarik untuk malam itu. Teriakan ini dibuat oleh anggota polis setelah ia telah memukul gong pukul lapan.

Teriakan asal telah diubah sedikit sebanyak dua kali tetapi maksudnya kekal.

Teriakan

Oh Ha! Oh Ha! Oh Ha!
Jam sudah pukul lapan,

*Tangga sudah ditarik,
Pintu sudah ditutup,
Orang dari hulu,
Orang dari hilir,
Tidak dibenarkan naik ke kubu lagi.*

BAB 5

DUA KEBAKARAN BESAR DI SIBU

BAZAR Sibu telah musnah dalam dua kebakaran, pertama pada tahun 1889 dan sekali lagi pada tahun 1928 dan bazar itu mungkin mengalami nasib yang sama pada tahun 1902 jika tidak kerana tindakan pantas oleh Kadet Hugh Lewis Owen, berumur 20 tahun, yang anehnya adalah Residen Bahagian Ketiga, dan berpangkalan di Sibu 26 tahun kemudian apabila kemusnahan pada tahun 1928 berlaku.

5.1 KEBAKARAN 1889

Sibu, yang dibuka pada tahun 1862, telah menjadi sebuah bandar kecil yang kaya-raya menjelang 1880-an. Tetapi bangunan-bangunan kayu yang berselerak tidak mencukupi. Oleh itu pada tahun 1884, kerajaan dan pemimpin-pemimpin masyarakat Cina bertemu dan hasilnya dipersetujui dibina sebuah bazar untuk kemajuan masa depan bandar itu dan manfaat untuk semua. Dan dengan itu terdirilah sebuah bazar di Sibu yang mula dibina pada tahun 1885 dan siap pada tahun 1887. Bazar kemegahan penduduk-penduduk bandar ini terdiri daripada 60 buah kedai sebaris terletak di Jalan Channel pada hari ini. Hampir keseluruhan kedai itu diperbuat

daripada kayu belian dan disambung kukuh. Malahan, terlalu kukuh seperti yang terbukti dalam peristiwa selanjutnya.

Pada malam 10 Februari, semasa musim landas tahun 1889, Sibu hujan, sejuk dan sunyi. Bandar itu telah nyenyak tidur dengan pintu dan tingkap diselak. Tetapi kesunyian malam tidak berpanjangan kerana tepat pukul 1.30 pagi, penghuni-penghuni bandar itu telah dikejutkan oleh pukulan gong yang kuat dan bertalu-talu — isyarat kecemasan pada waktu itu — dan jeritan "Api!" berkali-kali.

Asap telah dikesan bermula dari bazar di hulu sungai. Belian, sungguhpun sukar dibakar, apabila terbakar akan marak. Dalam masa setengah jam sahaja seluruh bahagian besar di hulu sungai itu hangus. Walau bagaimanapun, dengan angin bertiup ke arah hulu sungai diharapkan kebakaran itu dapat dikawal. Tetapi ini tidak berlaku, kerana dengan tiba-tiba angin berubah dan Residen C.A. Bampfylde serta pasukan Polis dan Renjer Sarawak tidak berdaya untuk melawan kuasa alam. Kayu, api dan angin sungguh kuat bagi mereka.

Kebanyakan peniaga berasa hampa dan hanya memberi tumpuan untuk menyelamatkan barang-barang mereka. Dengan pertolongan orang-orang Melayu dan Dayak, percubaan dibuat untuk mengawal kebakaran dengan merobohkan beberapa buah kedai tetapi percubaan ini gagal oleh sebab bahang panas dan kesukaran merobohkan kedai-kedai itu. Menjelang pukul 6.00 pagi, api itu pun padam dengan sendirinya setelah meranapkan bazar dan Balai Polis berhampiran.

Dalam beberapa kes, pekedai-pekedai tiada masa untuk menyelamatkan harta benda mereka. Malahan kebanyakan barang yang dapat diselamatkan dan dilonggokkan di atas jalan, musnah terbakar.

Kerugian ke atas bangunan dan barang dianggarkan \$150,000, suatu jumlah yang agak besar pada waktu itu.

Kebakaran itu berpunca dari kedai tempat menghisap candu, yang dijelaskan pada waktu itu sebagai "... punca menyebabkan banyak masalah". Candu, penahan sakit, boleh dianggap sebagai rahmat dan celaka. Sebuah lampu, yang tidak sengaja dilanggar oleh seorang penghisap yang kepeningan, menyebabkan kebakar-

an ini. Sungguhpun begitu, agak aneh juga, tiada kehilangan nyawa berlaku.

Peniaga-peniaga itu berharap dapat membina sebuah bazar baru daripada batu bata tetapi kemewahan ini terpaksa dilupakan sahaja kerana mereka akan mengambil masa yang lama untuk memulihkan perniagaan mereka. Dan dengan itu sebuah bazar kayu telah dibina dan inilah punca utama yang membawa kepada berulangnya sejarah dengan kebakaran besar di Sibu 39 tahun kemudian.

5.2 KEBAKARAN 1928

Pada 27 Mac 1928, Bazar Sibu sekali lagi musnah dalam kebakaran di antara pukul satu dengan pukul empat pagi.

Sibu telah menjadi semakin besar sejak kebakaran pertama berlaku pada tahun 1889. Penduduknya telah bertambah dengan pesat berikutan kedatangan orang-orang Foochow dari China pada tahun 1901 dan 1902, dan kesesakannya serius.

Api, yang bermula dari belakang sebuah kedai, tidak dapat dikesan dari Bazar Besar sehingga api menjulang ke atas bumbung. Sudah dua minggu tiada hujan dan bangunan-bangunan kayu itu dalam keadaan mudah terbakar.

Tidak ada kehilangan nyawa. Ini suatu nasib yang baik memandangkan bukan sahaja bazar kayu itu musnah tetapi juga bangunan-bangunan batu bata dan longgokan-longgokan arang batu di hujung bazar untuk kapal-kapal Cina habis terbakar kerana api itu cukup besar dan merebak dengan cepat.

Api itu dilaporkan telah bermula daripada penyambungan alat-alat elektrik oleh orang-orang tertentu kepada wayar elektrik yang bertujuan untuk mengurangkan penggunaan kuasa elektrik. Sekali lagi, seperti dengan kebakaran yang lalu, apabila sahaja kebakaran bermula, tiada siapa dapat memadamkannya sungguhpun pada waktu itu, Sibu telah mempunyai sebuah kereta bomba.

Oleh sebab perubahan angin ke arah timur secara tiba-tiba, kampung-kampung Melayu terselamat. Tetapi, sepanjang tempoh tiga jam kebakaran, keseluruhan bazar yang terdiri daripada 230 buah kedai telah musnah dan akibatnya, ramai peniaga kehilangan

rumah dan harta benda. Seluruh kemusnahan dianggarkan berjumlah empat juta ringgit.

Jumlah yang cedera empat orang. Dua orang melecur semasa kebakaran berlaku. Kemudian, setelah kebakaran reda dan operasi mencari sedang dilakukan, seorang buruh jatuh dari tingkat satu bangunan yang sedang runtuh. Ia cedera di kepala. Kecederaan yang keempat berlaku secara tidak langsung. Seorang Cina yang dalam keadaan tidak sedarkan diri dan dibawa dari hulu, terjun ke dalam bara api sebelum dapat dihalang oleh rakan-rakannya.

Pesanan melalui radio dihantar segera ke semua stesen yang berhampiran untuk mengumpulkan atap dan kajang. Banyak telah tiba pada petang itu juga, sementara orang-orang Dayak membawa kayu supaya beberapa buah pondok dapat dibina dan didiami menjelang malam. Sebilangan besar mangsa kebakaran itu dipindahkan ke kebun-kebun di hilir sungai.

Tetapi kemusnahan disebabkan oleh dua kebakaran besar itu mungkin menjadi lebih dahsyat lagi. Sejumlah 290 buah rumah kedai telah musnah sama sekali tanpa kehilangan nyawa.

BAB 6

KEBAKARAN BESAR DI KUCHING

SEJURUS selepas pukul satu pagi Ahad, 20 Januari 1884, seluruh bandar Kuching telah dikejutkan oleh berita bahawa sebuah rumah di sudut Jalan Carpenter dan Jalan China (sekarang ini tapak Restoran Chia Heng) didapati terbakar. Kereta Bomba, yang ditangani oleh Polis, telah berada di tempat kebakaran sebaik sahaja menerima panggilan kecemasan. Tetapi pada waktu itu, api sudah menjulang naik melalui bumbung rumah dan mula merebak dengan cepat, yang dibantu oleh tiupan angin, ke sebelah Jalan China dan terus ke Bazar Besar. Berhadapan dengan Jalan China ialah kedai-kedai judi yang diperbuat daripada kayu. Sangat mudah bagi api yang marak itu menyeberangi jalan yang sempit dan terus menjilat bangunan-bangunan di kedua-dua belah jalan.

Orang-orang Eropah, termasuk anggota-anggota gereja Kristian; beratus-ratus orang Melayu di bawah Datu-Datu mereka; dan pekedai-pekedai Cina dengan segera membantu Kereta Bomba dengan menghulur air di dalam baldi.

Telah kelihatan bahawa tiada suatu pun yang dapat menghalang merebaknya kebakaran kerana api terus marak menuju ke arah Bazar Besar yang terdiri daripada rumah-rumah kedai yang besar dan agak baru, tidak seperti rumah-rumah papan yang sedang

terbakar itu. Kedai-kedai yang diperbuat daripada batu ini hanya dibina 12 tahun yang lalu iaitu pada tahun 1872 dan kedai-kedai ini adalah kedai-kedai yang pertama di Kuching yang mempunyai kaki lima. Di sini, pekedai-pekedai dan peniaga-peniaga yang kaya mencampakkan barang-barang mereka ke jalan di tepi sungai dan, seperti yang dapat dibayangkan, kecurian pun berlaku dengan serta-merta. Cara pencuri-pencuri itu mencuri ialah dengan menawarkan khidmat untuk mengangkat barang-barang dari kedai-kedai yang terbakar dan yang diancam kebakaran itu; kemudian dengan pantas mereka membawa barang-barang itu ke sungai dan melarikannya dengan perahu mereka.


Dengan serta-merta, angin berubah dan api merebak semula ke Jalan Carpenter. Di sana, ia merebak ke kedua-dua belah jalan, ke Jalan Rock dan ke arah lain menuju ke Jalan Bishopgate. Di sebelah kiri, memasuki Jalan Carpenter dari hujung Jalan Rock, beberapa buah bangunan batu baru sahaja didirikan oleh Encik Law Kian Huat, seorang tokoh perniagaan, yang datang ke Kuching pada tahun 1852 dan salah seorang pengasas Ghee Soon & Company. Kebanyakan bangunan itu adalah salun biliard dan restoran. Keadaan menjadi lebih serius lagi apabila api merebak melewati kedai-kedai batu itu. Kemudian api merebak terus ke Jalan Rock, berhadapan dengan Pejabat-pejabat Kerajaan. Di sini, api telah membakar kedai Tetuan Ghee Soon & Company, firma Cina yang terbesar di Kuching dan memonopoli perniagaan candu, arak dan judi tanpa henti semenjak tahun 1867. Kedai ini telah muntahkan pelbagai jenis barangan yang aneh. Bebola candu, berpeti-peti *champagne*, berkotak-kotak duit (pada masa itu tiada bank) dan berbagai-bagai barang lain yang diletakkan bersebelahan dengan gudang Steamship Company. Di sinilah kira-kiranya terletak kedai itu pada hari ini.

Pada satu ketika, api masih marak dan dicadangkan sebuah rumah kedai diletupkan supaya terdapat suatu jurang. Ini didapati tidak perlu kerana, dengan tiba-tiba hujan turun dengan lebat. Api pun padam dan segala bahaya telah tamat di Jalan Rock. Tetapi rumah-rumah di persimpangan Jalan China dan Bazar Besar, dan Jalan Bishopgate dan Bazar Besar (Jalan Ong Ewe Hai belum ada lagi) masih terbakar. Pada waktu ini nampaknya seluruh Bazar Besar akan terbakar apabila dengan tiba-tiba satu lagi perubahan

angin berlaku dan hujan terus turun dengan lebat sehinggakan api padam dengan perlahan. Waktu sekarang pukul 6.00 pagi, oleh itu dalam tempoh enam jam sahaja, api yang mengganas telah membuatkan hampir seluruh bandar Kuching menjadi abu; hampir semua bangunan yang musnah dibuat daripada kayu. Pada akhirnya, kerosakan rasmi ialah 190 buah rumah kedai musnah sama sekali dan enam buah musnah sebahagiannya.

Semua bangunan yang musnah telah didirikan semula beransur-ansur dalam masa dua tahun — 70 buah pada tahun 1885 dan selebihnya pada tahun 1886. Pada waktu yang sama, Kerajaan membina rumah-rumah atap sementara untuk mereka yang tidak berumah.

Jalan Ong Ewe Hai telah dibina pada tahun 1885, setahun selepas kebakaran itu, dan terdiri daripada 40 buah rumah kedai.



Pelan bandar Kuching. 'X' menandakan tempat kebakaran bermula. Bahagian hitam menunjukkan bahagian yang hangus.

Ekoran daripada kebakaran itu, polis telah menghabiskan banyak masa menangkap pencuri-pencuri dan banyak telah dihukum. Satu penangkapan yang bijak berlaku di atas kapal *S.S. Rane*, sepuluh hari selepas kebakaran. Pemilik kedai pajak melaporkan kepada Kerajaan bahawa semua barangnya musnah dalam kebakaran itu. Walau bagaimanapun, gaya kehidupannya serta rakan-rakan kongsinya menimbulkan syak. Apabila didapati bahawa mereka bercadang untuk pergi ke Singapura dengan *S.S. Rane*, kira-kira 20 orang anggota polis bersembunyi di atas kapal itu sehingga ia meninggalkan jeti pada pukul 5.30 pagi. Kemudian mereka keluar dan menggeledah kapal itu dan menjumpai emas, perak dan barang-barang kemas tersorok di dalam peti-peti dan bungkusan-bungkusan di bawah timbunan buah durian. Sebuah bot, yang telah diaturnya, membawa pemilik kedai pajak gadai itu dan rakan-rakannya balik ke Kuching dari muara sungai dan dihukum sewajarnya.

Berikutan kebakaran itu, rumah-rumah kedai tidak dibenarkan lagi dibina daripada kayu dan Rajah yang kedua, Sir Charles Brooke, kemudiannya mengeluarkan perintahnya yang popular, "Pada masa depan, semua rumah kedai kayu akan dibina daripada batu."

Terdapat ekoran daripada cerita yang tersebut di atas. Untuk maklumat yang akan saya berikan kepada anda, saya terhutang budi kepada dua orang tokoh yang terkenal dan menarik di Kuching iaitu, Encik C.P. Law dan Encik Ong Kwan Hin.

Pertama, Encik C.P. Law. Beliau memberitahu saya bahawa Encik Law Kian Huat, yang dimaksudkan di atas, yang mempunyai banyak keturunan yang terkenal di Kuching seperti beliau sendiri, dan Encik Denis Law, Editor *Sarawak Tribune*, datang dari daerah Swatow di China. Di sana dewa kuilnya adalah seekor harimau. Mereka yang berhijrah dari daerah ini membawa bersama-sama mereka suatu lambang dari kuil tersebut yang biasanya sehelai bendera hitam. Encik Law Kian Huat sentiasa menyimpan benderanya di kedainya, Ghee Soon & Company, dan inilah alasan yang diberikan mengapa kebakaran berhenti dan tidak merebak seterusnya apabila api sampai di kedainya.

Sekarang untuk Encik Ong Kwan Hin. Encik Ong meriwayatkan cerita berikut.

"Saya telah dimaklumkan oleh mendiang nenek saya bahawa ia dan beberapa orang telah melihat seorang budak lelaki memakai barut (kain alas dada) berwarna merah dan mengibarkan bendera hitam berdiri di atas bumbung rumah-rumah atap di Jalan Ong Ewe Hai seperti yang diketahui pada hari ini. Dengan itu, api tidak merebak ke sana."

Pada waktu itu angin berubah dengan serta-merta dan bahagian bandar yang lain terselamat.

Kuil di persimpangan Jalan Ong Ewe Hai dan Jalan Wayang pada satu ketika dahulu kecil sahaja dan jarang dikunjungi orang. Tetapi setelah dewa budak lelaki itu menyelamatkan rumah-rumah di jalan itu, orang-orang di situ, yang ingin supaya ia terus menetap dan melindungi mereka, membina semula kuil itu pada tahun 1897 dan menjadikan dewa budak lelaki itu sebagai dewa utama kuil itu. Terdapat dewa yang kedua, iaitu dewa kelahiran dan kematian. Patungnya sentiasa diberi pakaian warna hitam.

Nama dewa budak lelaki itu ialah Kuek Seng Ong. Ada dua perayaan kuil yang disambut setiap tahun untuk memperingatinya. Satu ialah hari jadinya dan yang satu lagi ialah hari pemergian (hari yang dikatakan ia kembali ke syurga).

BAB 7

LEGENDA


7.1 BATU DI JALAN ROCK

SEKIRANYA anda melalui Jalan Rock dan dengan teliti melihat ke sebelah kanan di kira-kira batu dua (dari arah bandar), anda akan nampak, sebuah batu besar berwarna perang gelap kira-kira 20 kaki tinggi dan 80 kaki panjang; sebahagiannya terlindung oleh semak dan lalang dan batu ini hanya beberapa kaki dari tepi jalan. Inilah batu bersempena dengan nama Jalan Rock. Nama sebenar dalam bahasa Melayu ialah *batu kinyang*, walaupun selalu disalah sebut sebagai *batu kenyang*, yang sama sekali berbeza maksudnya. Sesetengah orang mengatakan bahawa *kinyang* bermakna kudus manakala *kenyang* bermakna tidak lapar. Walau bagaimanapun, saya dapat mengatakan bahawa batu itu ialah batu pasir; tetapi agak aneh kerana batu itu seolah-olah dilitupi dengan sejenis kulit kira-kira satu inci tebal yang boleh tanggal atau mengelupas. Ada dua lagi batu seperti ini di Kuching; satu di tapak kolam renang dan satu lagi di atas bukit memasuki Jalan William Tan, berhampiran padang lumba kuda.

Batu seperti ini biasanya dianggap keramat oleh orang-orang bukan Kristian di Sarawak. Orang-orang Melayu khususnya, yang

telah berada di Sarawak lebih 25 generasi atau kira-kira 600 tahun, menganggap batu ini mempunyai kuasa mukjizat untuk sekian lama sehingga tiada seorang pun tahu bila mulanya.

Apabila Rajah pertama tiba di Sarawak pada tahun 1839, hanya ada 800 orang Melayu dan 20 orang Cina di Kuching dan seluruh bandar ini terdiri daripada satu baris rumah atap sahaja, bermula separuh jalan dari apa yang dinamakan Bazar Besar pada hari ini sehingga kira-kira separuh jalan ke Jalan Gambier. Tetapi sudah terdapat sebatang laluan hutan dari bandar ke kampung-kampung Dayak yang lebih jauh melalui batu itu.



Jalan Batu Kinyang apabila diterjemahkan ke bahasa Inggeris menjadi "Stone-crystal Road", tetapi dengan mudah disebut "Rock Road".

Ada kepercayaan di kalangan orang-orang Sarawak bahawa batu jenis ini boleh membesar. Sungguhpun sains mungkin mengatakan Tidak, generasi-generasi yang memerhatikannya mengatakan Ya!

Untuk menyokong kepercayaan bahawa batu ini membesar,

banyak orang merujuk kepada kes kolam renang Kuching. Sebelum Perang Dunia Kedua, tapak kolam renang itu menempatkan astaka Kelab Lumba Kuda Sarawak, yang telah dibina di atas batu yang sama seperti batu di Jalan Rock itu. Saya selalu nampak di atasnya lilin bernyala dan kadang-kadang pemberian yang berupa makanan diletakkan di bawah. Batu ini telah dipecahkan bagi meratakan tapak untuk kolam renang yang baru. Tetapi apa telah terjadi? Selepas beberapa minggu, rantai kolam itu didapati pecah dan terpaksa dibaiki. Dengan kata lain, batu kinyang telah membesar dan memecahkan jubin rantai di bahagian bawah kolam itu. Banyak orang yakin bahawa ini akan berlaku berulang kali. Oleh itu, jika ini berlaku, jangan katakan bahawa saya tidak memberitahu anda.

Baru-baru ini, satu laporan tersiar di akhbar-akhbar Singapura bahawa sebahagian granit telah tumbuh secara serta-merta di puncak Gunung Kinabalu di Sabah, tetapi 'serta-merta' kepada seorang ahli geologi bermaksud sejuta tahun. Walau bagaimanapun, ini menunjukkan bahawa batu membesar.



Sebuah dangau di atas batu.

Berhubung dengan batu di Jalan Rock, saya pernah menyatakan pendapat bahawa mungkin tanah di sekelilingnya telah hakis dalam tempoh sekian lama. Oleh itu, lebih banyak bahagian batu itu terdedah yang nampaknya seolah-olah batu itu telah membesar. Tetapi saya belum pernah pun bertemu dengan rakan-rakan bangsa Asia yang boleh menyokong saya dalam hal ini. Saya pernah mendengar pendapat bahawa oleh sebab batu ini batu pasir, maka ia poros dan berdaya resap dan apabila basah ia mengembang seperti span. Dengan cara ini ia 'membesar'.

Pondok kecil yang didirikan di atas batu itu asalnya telah dibina pada kira-kira tahun 1897 oleh ibu Encik Ong Kwan Hin sebagai tanda syukur setelah ia pulih daripada penyakit serius semasa ia kecil. Tujuannya ialah untuk mengadakan tempat berteduh bagi mereka yang pergi ke sana untuk bersembahyang.

Semasa pendudukan Jepun, pondok yang pada waktu itu sudah berusia 50 tahun, sudah mulai roboh. Kemudian, suatu perkara yang aneh berlaku. Pada suatu hari, Encik Ong yang sedang menungguang basikal, telah dilanggar oleh kereta pegawai Jepun. Kereta ini dipandu sangat laju dan sedang cuba memotong sebuah lori tidak jauh dari batu itu. Encik Ong telah diangkat dan dibawa ke Hospital Besar. Di sana ia disangkakan sudah mati tetapi nasibnya baik ia terselamat. Selepas itu, ada orang mengatakan kepadanya mungkin kemalangan itu berlaku oleh kerana batu itu marah sebab keadaan pondok yang begitu buruk. Selepas itu ia membina semula dan inilah pondok yang dapat anda lihat pada hari ini.

Hukuman bunuh dengan keris telah dijalankan berhampiran dengan batu itu pada waktu dulu. Apabila bandar Kuching membangun semasa Rajah kedua, batu perlu dicari untuk membuat jalan. Rajah mencadangkan supaya batu itu diletupkan untuk tujuan itu tetapi kebetulan pada waktu yang sama penyakit taun sedang merebak di Kuching. Orang-orang Melayu berjaya merayu supaya beliau mengubah fikiran.

Sumber bekalan batu yang lain hanya di Sejingkat, berhampiran muara Sungai Sarawak, yang digunakan akhirnya. Batu itu dibawa ke Kuching dengan tongkang dan dipecahkan dengan pemecah batu di tepi sungai di atas tapak yang sekarang ini menempatkan Dewan Perniagaan Umum Cina.

Pada tahun 1912, suatu kesilapan besar telah berlaku apabila

Kerajaan membina rumah sembelih yang ada sekarang, yang agak dekat dengan batu itu. Oleh sebab babi disembelih di situ, banyak kesusahan telah dihadapi oleh orang-orang Melayu, yang sertamerta mengisytiharkan bahawa semua kesucian telah lari daripada batu itu dan mereka tidak dapat lagi menganggapnya sebagai keramat. Walau bagaimanapun, saya mendapati bahawa orang-orang Melayu masih mengunjunginya. Sekiranya anda perhatikan sekarang, anda akan mendapati bekas lilin, bunga dan makanan di situ, dan kata-kata Cina dan Melayu dicat dan diguris di atas permukaan batu itu termasuk permintaan-permintaan yang menyedihkan seperti "Harap bantu Bujang yang sedang menghidap batuk kering".

7.2 BATU KEMBAR

Ada satu lagi batu keramat di Kuching. Batu ini dianggap sebagai batu kembar daripada batu yang terdapat di batu dua Jalan Rock. Kedua-duanya sama jenis yang dikenali sebagai batu kinyang yang sentiasa dianggap oleh banyak orang sebagai batu hidup yang membesar.

Batu ini lebih kecil daripada batu di Jalan Rock, tetapi ia mudah dilihat kerana terletak hanya kira-kira 20 ela di sebelah kiri Jalan Ong Kee Hui, dekat dengan pagar yang memisahkan tanah Radio Sarawak daripada sebuah kebun getah.

Seperti batu-batu yang sejenisnya, ia mempunyai sekelompok air jernih di sisinya.

Apabila saya mengunjunginya, saya mendapati tiga pemberian yang baru sahaja diletakkan di situ kira-kira sejam sebelum saya tiba kerana beberapa batang lilin dan kayu colok masih menyala.

Saya tidak mendapati sebarang permintaan bertulis seperti yang saya lihat pada batu di Jalan Rock. Tidak ada apa-apa tulisan pada batu itu kecuali sebuah piring besi catatan yang pernah digunakan sebagai tapak ukur.

Saya berjalan ke puncak batu itu tetapi rakan India saya, yang membawa saya ke situ, amat berhati-hati supaya saya tidak melintasinya dan sebagai menghormati kesuciannya.

Saya tidak terfikir bahawa batu itu dikunjungi oleh kaki judi



Batu Kembar.

dan orang sakit kerana kuasanya ialah untuk memberi anak kepada wanita-wanita yang mandul. Saya difahamkan perkara ini jarang mengecewakan.

Di sini disenaraikan beberapa barang yang saya temui dalam pemberian itu. Ada lilin, ikatan-ikatan sirih yang kecil semuanya tersedia untuk dikunyah, ikatan-ikatan dalam rokok, kayu-kayu colok, beberapa jenis bunga, dan dalam satu kes, dua keping satu-sen syiling tembaga zaman Rajah ketiga.

Semasa Perang Dunia Kedua, Jalan Ong Kee Hui belum lagi dibina dan masih merupakan sebahagian daripada jalan keretapi. Satu daripada enjin keretapi telah ditinggalkan di atas landasan berhampiran dengan batu ini dan berulang kali ditembak dengan mesingan oleh kedua-dua kapal terbang Jepun dan Bersekutu. Apabila serangan berlaku, orang-orang yang tinggal di sekitarnya dengan serta-merta berlindung di batu itu. Di sini, sama ada mereka duduk di atas atau di sekelilingnya dan, sungguhpun tidak ada tempat lain untuk mereka berlindung, tiada seorang pun tercedera.

7.3 LEGENDA BATU KAWA

Legenda Batu Kawa adalah salah satu legenda tertua dalam sejarah orang-orang Melayu Sarawak tetapi mungkin banyak orang yang tidak tahu tentang perinciannya.

Ini adalah cerita tentang seketul atau beberapa ketul batu. Saya telah menceritakan sebuah cerita tentang batu kinyang di batu dua Jalan Rock, Kuching. Sekarang, tentang seketul batu lain, batu kawa. Untuk ini, seseorang mesti pergi kira-kira enam batu lagi melalui Jalan Rock dan Jalan Batu Kawa ke Kampung Batu Kawa. Kampung dan jalan itu mendapat nama daripada batu ini.

Saya perlu membahagikan cerita saya kepada dua bahagian — pertama, bagaimana Batu Kawa mendapat namanya dan, kedua legenda bulatan batu di tepi sungai di sebelah hilir kampung itu berada di situ.

Perkataan kawa, atau lebih tepat dieja 'kawah' mengikut kaedah moden mengeja kata bahasa Melayu yang diterima, bermaksud sebuah periuk besar untuk memasak nasi bagi sejumlah orang yang besar. Kawa batu bermakna 'periuk batu', tetapi dalam hal ini perkataan batu didahulukan. Maka, batu kawa bermaksud periuk yang dibuat daripada batu.

Apabila saya siasat perkara ini beberapa tahun lalu, saya diberitahu oleh seorang tua bahawa perkara ini agak benar; adalah menjadi suatu adat di kampung itu untuk menggunakan batu-batu di tepi sungai itu bagi membuat kawah dengan menaruh batu-batu itu, dan semua kawah ini sentiasa digunakan dalam majlis-majlis yang besar seperti kenduri kahwin apabila nasi perlu dimasak untuk banyak orang. Oleh itu, daripada adat yang aneh ini, kampung ini mendapat nama Batu Kawa.

Ini ialah versi Melayu tentang legenda batu-batu itu. Oleh kerana ada sebuah kuil Cina didirikan di atas batu-batu itu, mungkin juga ada versi Cina.

Sekiranya anda pergi ke Batu Kawa dan memandang ke seberang sungai menghala ke kampung, anda akan dapat melihat satu lingkaran batu di tepi sungai dengan sebuah kuil Cina di sebelah hulunya. Inilah batu-batu yang saya sebutkan itu dan cerita saya ini juga akan menjelaskan mengapa orang Melayu sentiasa berbuat baik terhadap kucing dan tidak akan mencederakannya.

Waktu saya mula-mula berada di Sarawak, saya pernah diberikan seekor anak kucing yang saya bawa pulang dan menyerahkan kepada orang gaji saya, iaitu seorang lelaki Melayu, untuk memeliharanya. Dengan segera ia bertanya sama ada anak kucing itu jantan atau betina. Setelah diberitahu anak kucing itu betina, sekali lagi ia bertanya apa yang akan saya lakukan dengan anak-anak kucing itu apabila ia beranak nanti. Saya menjawab bahawa adalah terlalu awal untuk memikirkan perkara itu dan cuba meyakinkannya bahawa dia tidak perlu bimbang kerana saya akan mengatasi masalah itu kelak. Tetapi dia tidak puas hati dengan penjelasan saya dan nampaknya dia bimbang dengan cara yang akan saya lakukan untuk membuang anak-anak kucing itu nanti. Apabila ia mengetahui bahawa apa yang saya maksudkan ialah saya mungkin membuang anak-anak kucing itu ke dalam sungai, ia kelihatan cemas dan takut serta berkata, "Apa, membunuh anak-anak kucing itu dalam sungai? Anda tidak boleh berbuat demikian! Setidak-tidaknya, kita perlu membina sebuah pondok di taman rumah ini untuk anak-anak kucing itu."

Pada waktu itu, saya tidak fikir sangat tentang perkara itu tetapi kerana kebimbangannya agak luar biasa saya bertanya kepadanya mengapa dia takut sangat saya akan menganiaya kucing itu. Dia menjawab dengan bertanya kepada saya sama ada saya pernah mendengar cerita tentang Batu Kawa. Setelah digesa, saya memintanya menceritakan peristiwa yang berikut.

Beberapa tahun dahulu, sebuah majlis perkahwinan telah diatur untuk anak lelaki dan anak perempuan dua buah keluarga yang berpengaruh di daerah Batu Kawa. Hari perkahwinan mereka akhirnya tiba dan oleh kerana majlis itu penting, banyak tetamu diundang dan berhimpun untuk menyaksikannya. Acara bermula dengan pengantin lelaki dan perempuan bersanding di atas pelamin dan saudara-mara serta sahabat-handai duduk di bawah mengelilingi mereka.

Sebentar kemudian seekor kucing masuk ke dalam bilik itu dan dengan serta-merta ditangkap oleh salah seorang tetamu dan dibakar ekornya. Kucing yang ketakutan dan kesakitan itu merontaronta dan berjaya melepaskan diri dan berlari ke sana ke mari dalam bilik itu. Ia tidak dikasihani langsung, malah ia ditertawakan dan ditendang terajang.



Selepas itu, seorang tua bangun berdiri-dengan mengangkat kedua-dua belah tangannya dan meminta mereka yang hadir diam. Ia merayu supaya mereka berhati-hati kerana takut bencana akan menimpa mereka sekiranya mereka terus menyeksa kucing itu; tetapi kata-katanya itu membuatkan orang-orang yang hadir itu ketawa lebih lagi dan menyeksa kucing itu.

Walaupun bagaimanapun, tidak beberapa lama kemudian terdapat tanda-tanda bahawa kata-kata orang tua itu tadi akan menjadi kenyataan, kerana dalam beberapa minit sahaja angin kencang bertiup dan bertukar menjadi ribut petir sehinggakan tingkap-tingkap dan pintu-pintu rumah tidak dapat ditutup. Tiada satu apa pun yang dapat didengar dalam keadaan ribut itu. Ini diikuti dengan bunyi guruh yang sangat kuat dan pada ketika itulah semua yang berhimpun di situ bertukar menjadi batu sebagaimana keadaannya mereka duduk. Itu sebabnya batu-batu itu tersusun dalam bentuk bulatan dengan dua ketul yang lebih besar di tengah-tengah menggambarkan pengantin lelaki dan perempuan.

7.4 LEGENDA BATU KITANG, LANDEH DAN TANJUNG DATU

Sudah menjadi kebiasaan di kalangan orang-orang Timur bahawa sesuatu legenda yang turun-temurun daripada bapa kepada anak bagi beberapa generasi akhirnya akan menjadi suatu fakta dan diterima oleh semua orang. Demikianlah keadaannya dengan orang-orang Melayu Kuching. Malangnya, banyak di antaranya telah membingungkan kerana terdapat banyak versi bagi setiap cerita. Tidak lama lagi semua ini akan lenyap kerana sangat sedikit yang telah ditulis mengenainya.

Apabila pertama kali saya datang ke Sarawak, amat sedikit orang Melayu tahu membaca dan menulis. Pada waktu sebelum adanya lampu elektrik di kampung-kampung, sudah menjadi kebiasaan bagi mereka berkumpul pada waktu malam dan bercerita tentang cerita-cerita lama. Tetapi apabila mereka sudah tahu menulis, mereka masih tidak mencatatkan legenda-legenda lama. Alasannya adalah sama seperti yang kita selalu dengar pada masa lalu, "Semua orang tahu". Tetapi sekarang masanya telah tiba apabila sangat sedikit yang masih diingat.

Selepas legenda Batu Kawa, sekarang saya akan membawa anda jauh sedikit ke sebelah kiri Sungai Sarawak ke Batu Kitang.

Batu Kitang mempunyai sebuah legenda yang sangat lama, tetapi sekarang hampir dilupakan.

Sungguhpun beberapa orang Melayu kawan lama saya telah berjanji untuk membantu saya, saya masih tidak dapat memperoleh cerita sepenuhnya. Walau bagaimanapun, saya dapat mengatakan bahawa ini adalah cerita tentang serangan oleh ikan ke atas orang-orang di situ.

Batu Kitang dikatakan mendapat namanya daripada batu dan kitang atau ikan kitang. Oleh itu, nama tersebut bermakna batu tempat ikan kitang hidup. Atau, mungkin ada seketul batu di situ pada satu ketika dulu yang menyerupai ikan kitang, sama seperti Batu Buaya di pantai Santubong yang dinamakan demikian kerana batu itu dikatakan menyerupai bentuk kepala seekor buaya. Perkataan 'batu' boleh juga bermakna seketul batu jalan tetapi ini tidak dapat diterima dalam hal ini kerana tidak ada batu jalan di Sarawak apabila tempat itu mendapat namanya.

Ikan kitang yang bertompok-tompok mempunyai ridip belakang yang beracun. Oleh itu, ikan ini sangat berbahaya kepada mereka yang berkaki ayam. Biasanya, ikan ini tinggal di lopak-lopak air. Maka dengan itu orang Melayu mempunyai pepatah, "Di lopak air, ikan kitang menjadi tuan", yang bermaksud "Setiap orang mempunyai kawasannya sendiri".

Memandangkan bahawa ikan kitang biasanya tidak terdapat di sungai, maka adalah agak luar biasa jika dikatakan ikan-ikan ini datang dari laut untuk menyerang orang-orang Batu Kitang. Bagaimana serangan itu dipatahkan, saya masih tidak mengetahuinya tetapi saya difahamkan cerita ini hampir sama dengan legenda serangan ikan todak ke atas Singapura. Legenda ini mengisahkan bahawa apabila semua ikhtiar gagal, seorang budak menasihatkan Raja di Singapura menebang sebatang pokok pisang dan mencampakkannya ke dalam sungai. Ini dilakukan oleh Raja dan apabila ikan todak menyerang lagi, muncungnya terlekat pada batang pisang dan tidak bergerak lagi. Malangnya, budak itu dibunuh oleh Raja kerana ia bimbang budak itu akan menjadi lebih bijak daripadanya dan mungkin menjadi ancaman kepada takhtanya.

Apabila 24 buah pesawat pengebom Jepun tiba-tiba muncul di angkasa bandar Kuching tepat pada tengah hari, Jumaat 19 Disember 1941, semua orang bergegas dengan menggunakan apa sahaja yang beroda menghala ke Jalan Rock untuk ke mana sahaja asalkan jauh dari bandar. Tetapi ramai orang Melayu, termasuk kebanyakan Datu yang bimbang akan keselamatan mereka, menaiki sampan dan berdayung perlahan-lahan ke hulu sungai hingga ke Landeh yang dianggap keramat oleh mereka. Di sana ada sebuah makam yang mempunyai ruang di dalamnya dan di sana juga mereka tahu bahawa mereka terselamat daripada pengeboman selanjutnya.

Saya akan memberitahu anda tentang legenda bagaimana makam itu berada di situ dan bagaimana Tanjung Datu mendapat namanya.

Pada zaman dahulu, Datu Landi, ketua orang Melayu yang agung, tinggal di Landeh kira-kira lima batu ke hulu Batu Kitang. Pada suatu pagi apabila ia hendak bersembahyang, seorang Dayak berkayuh ke sisi pangkalan dan di dalam sampannya terdapat seekor kera yang telah mati ditikamnya dengan sebilah lembing. Apabila melihat kera itu berlumuran darah, Datu Landi meminta



Dayak itu supaya tidak membawa kera itu ke rumahnya dan menyuruhnya mengikat kera itu di dalam sampannya. "Tetapi ia sudah mati," kata Dayak itu. Walau bagaimanapun, Datu bersungguh-sungguh tidak mahu pangkalannya dicemar dengan darah kera itu. Dia sedang berdiri di dalam sungai, mandi sebelum mengambil air sembahyang, dan apabila arahnya tidak dipatuhi, dia merenjisikan air dari tangannya yang basah itu ke atas kera itu. Dengan tiba-tiba, kera itu hidup semula, melompat keluar dari sampan dan terus ke dalam hutan sederas mungkin dan gagal dikejar oleh Dayak itu.

Tidak beberapa lama selepas kejadian ganjil ini, Datu Landi dan isterinya pergi ke Sambas, sekarang ini di Kalimantan Indonesia, kira-kira 150 batu menyusur pantai dari Kuching dengan menaiki perahu. Di sempadan antara Sarawak dengan Indonesia, terletak apa yang disebut sekarang sebagai Tanjung Datu. Semua kapal yang datang dari Singapura mesti mengelilingi Tanjung ini yang kemudiannya menjadi mercu tanda yang terkenal. Mengikut ceritanya, dalam perjalanan pulang Datu Landi dan isteri singgah di tanjung ini — suatu kawasan tanah tebing yang cerun di penghujung dataran bukit yang panjang. Di sini mereka naik ke darat

dan pada pukul empat petang (waktu sembahyang) mereka membentangi sejadah di atas pantai. Semasa Datu dan isteri bersembahyang, orang-orang di perahu memanggil mereka berdua untuk kembali ke perahu kerana waktunya sudah tiba untuk meneruskan perjalanan. Tetapi semasa mereka berteriak, Datu Landi dan isterinya hilang dari pandangan mereka dan dipercayai bahawa mereka berdua telah masuk ke syurga.

Tidak berapa lama kemudian, sejadah dan kopiah yang digunakan oleh Datu Landi semasa ia menghilang, terapung-apung di Sungai Sarawak hingga ke Landeh, tempat kera dihidupkan semula itu. Setelah dijumpai oleh orang-orang di situ, sejadah dan kopiah itu ditanam dan diletakkan batu nisan di atasnya.

Hingga ke hari ini ramai orang Melayu berkunjung ke Landeh selepas sembuh dari penyakit atau selamat daripada bahaya untuk membayar nazar. Mereka percaya bahawa pemilihan tempat yang sedemikian yang telah terjadinya sesuatu mukjizat, akan membuatkan doa kesyukuran mereka lebih diterima oleh yang maha Esa.

Tanjung tempat Datu dan isterinya ghaib itu telah dikenali sebagai Tanjung Datu hingga sekarang.

BAB 8

MASJID BESAR, KUCHING

DIPERKATAKAN bahawa, apabila James Brooke mula-mula tiba di Sarawak pada tahun 1839, hanya terdapat sebuah masjid kecil di tebing sungai pada kaki bukit tempat terdirinya Masjid Besar sekarang.

Ini kerana, pada waktu itu bilangan orang Melayu yang tinggal di Kuching, atau Sarawak yang dikenali pada waktu itu, berjumlah hanya beberapa ratus orang sahaja. Golongan bangsawan Melayu masih tinggal di ibu negeri yang lama, Lidah Tanah, tempat Sungai Sarawak bercawang, iaitu kira-kira 10 batu ke hulu Kuching. Orang-orang kebanyakan masih menetap di Santubong, di muara Sungai Sarawak, kira-kira 30 batu ke hilir Kuching. Kemudian, setelah James Brooke ditabal menjadi Gabenor Sarawak pada tahun 1841 dan bermastautin di Kuching, kebanyakan orang Melayu ini berpindah berdekatan dengan James Brooke untuk mendapatkan perlindungan daripada serangan orang-orang Dayak Saribas dan Skrang. Dengan cara ini, mereka membantu dalam penubuhan bandar, sekarang ini bandaraya Kuching.

Dengan demikian, bilangan penduduk bandar ini meningkat dengan cepat dan dalam satu bancian mudah yang dibuat dalam tahun 1847 menunjukkan bahawa bilangan penduduk sudah me-

SARAWAK ZAMAN DAHULU



Sebuah pemandangan bandar Kuching ke arah Masjid Besar pertama dari Bangunan Mahkamah. Lukisan ini dibuat oleh Puan McDougall, isteri Bishop McDougall dalam tahun 1852.

tingkat sehingga 8,000. Ini menimbulkan suatu keadaan yang terpaksa dihadapi oleh orang-orang Melayu di Kuching dari semasa ke semasa dan yang masih mereka hadapi sekarang — masjid ini menjadi sempit untuk menampung kesemua penganut agama Islam yang hendak bersembahyang di situ.

8.1 KELUARGA DATU PATINGGI ALI

Orang-orang Melayu Kuching berasa terhutang budi kerana Masjid Besar pertama mereka didirikan boleh dikatakan hampir keseluruhannya atas usaha keluarga Datu Patinggi Ali. Keluarga tersebut terdiri daripada tiga orang anak lelakinya, Mohammed Lana, Bua Hassan dan Mohammed Aim (juga dikenali sebagai Mataim); anak menantunya, Haji Abdul Gapor, iaitu suami anak perempuannya yang kedua, Dayang Inda; dan seorang lagi saudaranya Haji Abdul Karim.

8.2 DATU BANDAR MOHAMMED LANA

Orang yang pertama cuba mengatasi kesukaran untuk mendirikan sebuah masjid yang lebih besar di Kuching ialah anak lelaki sulung Datu Patinggi Ali, iaitu Datu Bandar Mohammed Lana. Orangnya dikatakan pendiam dan sentiasa uzur, tetapi berani untuk berperangan. Dialah orangnya yang mengumpulkan orang-orang Melayu di Kuching semasa Pemberontakan tahun 1857 dan membantu mengusir pemberontak-pemberontak itu balik ke Hulu Sarawak dan menyeberangi sempadan tanah pemerintahan Belanda ke Sambas.

Pada tahun 1848, Datu Bandar Mohammed Lana mula merayu untuk mendapatkan wang, bukan sahaja untuk sebuah masjid kecil bagi menggantikan masjid yang sedia ada di tepi sungai itu tetapi juga untuk membina sebuah masjid besar di puncak bukit di sebelah atas masjid kecil itu. Masjid besar ini akan menjadi sebuah mercu tanda di samping menjadi sebuah lambang zahiriah Islam di Sarawak yang dapat dilihat oleh semua orang. Tetapi kehidupan amat sukar dan wang sangat sedikit. Hanya empat tahun kemudian, iaitu pada tahun 1852, barulah wangnya mencukupi dan pembinaan Masjid Besar yang pertama itu selesai.

Keseluruhan masjid itu dibina daripada kayu kerana pada waktu itu tidak dapat dielakkan; batu bata dan banyak lagi bahan binaan lain tidak mudah diperolehi di Kuching sehingga kira-kira pada tahun 1868. Ciri utama yang amat nyata pada masjid baru ini ialah sebuah kubah besar berwarna emas (lihat ilustrasi).

8.3 HAJI ABDUL GAPOR (1852-1854)

Apabila Datu Patinggi Ali yang berani itu dan Encik George Stewart gugur semasa bersama-sama bertempur di Patusan pada tahun 1844, Datu Patinggi Ali telah diganti oleh menantunya, Haji Abdul Gapor. Di samping mendapat gelaran Datu Patinggi, beliau juga menjadi Imam pertama Masjid Besar yang baru itu dan menjawat jawatan ini dari tahun 1852 hingga 1854 apabila beliau disingkir oleh Rajah kerana berniat jahat terhadapnya. Alasan Haji Abdul Gapor bertindak demikian ialah, oleh sebab Kerajaan British tidak mengiktiraf James Brooke sebagai Rajah Sarawak, orang-orang Melayu juga seharusnya tidak mengiktirafnya. Beliau telah dihantar ke Mekah untuk menunaikan ibadat haji dengan harapan beliau akan berubah fikiran, tetapi setelah didapati pendiriannya tidak berubah apabila kembali ke Kuching, Rajah mengarahkan beliau dibuang negeri ke Melaka. Beliau meninggal dunia di sana.

8.4 HAJI BUA HASSAN (1854-1865)

Setelah Haji Abdul Gapor dibuang negeri oleh Rajah pada tahun 1854, tempat beliau sebagai Imam Masjid Besar telah digantikan oleh Haji Bua Hassan, anak kedua Datu Patinggi Ali. Walau bagaimanapun, beliau melepaskan jawatan itu sembilan tahun kemudian semasa kematian abangnya, Datu Bandar Lana pada tahun 1865. Beliau sendiri mewarisi gelaran Datu Bandar. Beliau adalah seorang daripada ketua yang amanah dan taat yang pernah terdapat dalam Kerajaan. Oleh kerana perkhidmatannya yang lama dan setia untuk lebih 50 tahun itu, beliau telah memperoleh penghormatan di kalangan mereka yang membantu dalam meletakkan asas-asas keamanan di Sarawak. Semua orang menyanjungi beliau dan beliau juga disegani. Beliau meninggal dunia dalam tahun 1906 pada umur lebih 106 tahun.

8.5 HAJI ABDUL KARIM (1865-1877)

Selepas Haji Bua Hassan melucutkan jawatannya sebagai Imam apabila mewarisi gelaran Datu Bandar, beliau telah digantikan oleh saudaranya, Haji Abdul Karim, yang menjadi Imam ketiga Masjid Besar.

Tidak banyak yang tercatat tentang Haji Abdul Karim kecuali beliau memegang jawatan Imam selama 12 tahun sehingga kematiannya pada tahun 1877.



Dengan izin Mazium Sarawak.

Masjid Besar selepas pengubahsuaian kedua, dengan kubahnya sehingga tahun 1967.

8.6 HAJI MOHAMMED AIM (1877-1898)

Imam keempat Masjid Besar ialah anak keempat Datu Patinggi Ali, Haji Mohammed Aim, lebih terkenal kepada orang Melayu


Sarawak sebagai Mataim. Beliau memegang jawatan itu selama 21 tahun sehingga kematiannya pada tahun 1898. Catatan rekod menyatakan bahawa beliau "disukai oleh semua orang kerana sifatnya yang baik dan tegas serta jujur". Dan "tidak ada lelaki yang lebih sopan daripadanya".

8.7 UBAHSUAI DAN PINDAAN

Ubahsuai pertama Masjid Besar telah dibuat kira-kira pada tahun 1880, apabila batu bata dan simen mudah diperolehi di Kuching. Bumbung yang baru telah dibina dan kebanyakan papan di sekelilingnya telah diganti dengan batu bata.

Pada tahun 1932, bumbungnya telah diganti dengan sebuah kubah yang masih dapat dilihat sehingga tahun 1967.


Tidak berapa lama kemudian, masjid baru telah dibina, menggabungkan sebahagian daripada masjid yang lalu seperti yang ditunjukkan dalam ilustrasi.



Model Masjid Besar yang baru.

KELUARGA DATU PATINGGI ALI

Datu Patinggi Ali (*terbunuh di Patusan, 1844*)



BAB 9

BANGUNAN MAHKAMAH DAN TUGU PERINGATAN RAJAH

HANYA dengan secara kebetulan Bangunan Mahkamah yang sedia ada sekarang ini masih berdiri. Asalnya, sebuah bangunan papan dua tingkat telah didirikan di atas tapak ini pada tahun 1847 oleh seorang paderi Jerman bernama Rupe, ahli Lutheran Mission. Beliau bercadang untuk menggunakan bahagian bawah bangunan ini sebagai sekolah dan tinggal di sebelah atas. Tetapi beliau telah dipanggil balik ke Jerman secara mendadak sebaik sahaja bangunan itu siap dan tidak ada penggantinya. Oleh itu, Rajah pertama mengambil alih bangunan itu dan mengubahsuai bilik-bilik darjah untuk dijadikan sebuah dewan untuk pentadbiran kehakiman.

Dalam tempoh enam tahun pertama pemerintahan Brooke, perbicaraan telah diadakan di kediaman Rajah, pada waktu itu dikenali sebagai Rumah Kerajaan. Apabila Dr. MacDougall, kemudiannya menjadi Biskop Anglikan pertama di Borneo, tiba di sini dalam bulan Jun 1848, dia dan keluarganya telah dibenarkan tinggal di bahagian atas Bangunan Mahkamah itu sehingga rumah Biskop sekarang ini siap pada tahun 1849.

Sangat sedikit kepentingan sejarah yang tercatat berkaitan dengan Bangunan Mahkamah yang pertama ini kecuali peristiwa

Pemberontakan *Kongsi* Lombong Emas Bau pada 1857. Di sinilah pemimpin pemberontak menduduki kerusi Rajah pada 21 Februari tahun itu dan menjadi Rajah untuk sehari. Di sini, ia memanggil Biskop; Encik Helms, Pengurus Syarikat Borneo; Encik Rupell, seorang peniaga; dan Datu Bandar untuk menghadap, dan mengeluarkan perintah yang bersejarah tetapi tidak dapat diterima bahawa Encik Helms dan Encik Rupell mulai hari itu hendaklah memerintah bahagian bandar untuk orang asing, dan Datu Bandar memerintah orang-orang Melayu dan *Kongsi* sebagai pemerintah tertinggi.

Setahun kemudian, pada tahun 1858, Bangunan Mahkamah ini telah dirobuhkan dan bangunan kedua telah didirikan di bawah arahan Tuan Muda, yang kemudiannya menjadi Rajah kedua. Ini adalah semasa ketiadaan abangnya, Rajah Muda, yang berada di England mengunjungi Rajah yang sakit.

Kemudian, pada tahun 1868, setelah Charles Brooke diisytiharkan sebagai Rajah Sarawak kedua, ia memutuskan bahawa sebuah Bangunan Mahkamah yang lebih baik dan Pejabat-pejabat Kerajaan yang baru harus dibina untuk meletakkan semua Jabatan Kerajaan di bawah satu bumbung. Semua ini menjadi kemungkinan kerana bahan-bahan binaan mudah diperoleh, tetapi pembekalannya masih kekurangan. Oleh kerana itu, akhirnya rancangan itu terlaksana dalam tempoh tujuh tahun. Hanya pada 3 Jun 1874, hari jadi Rajah kedua, dan empat bulan sebelum kelahiran Rajah ketiga, Bangunan Mahkamah yang baru itu dibuka dengan rasminya. Oleh kerana pada waktu itu Rajah berada di England, Kaptan W.H. Rodway melakukan upacara perasmian yang berlangsung pada pukul 11.00 pagi setelah pasukan Renjer berarak mengelilingi bandar didahului oleh pancaragam mereka dan membuat Perbarisan Hormat. Menara Jam telah ditambah pada 1883.

Sejak siapnya Bangunan Mahkamah ini, semua Mesyuarat Dewan Undangan Negeri, bermula dengan mesyuarat yang kelima pada tahun 1876, telah diadakan di situ. Di sini banyak peristiwa bersejarah telah berlangsung.

Walau bagaimanapun, apabila cadangan untuk membina Kamar Dewan Undangan Negeri yang baru di bahagian lain di bandar itu terlaksana, kegunaan Dewan ini sebagai tempat peristiwa bersejarah akan berakhir.

Apabila Sir Charles Brooke, Rajah Sarawak kedua, meninggal pada Mei 1917, hanya sebulan sebelum hari jadinya yang ke-88, ia telah menghabiskan 65 tahun daripada hayatnya untuk orang Sarawak — 49 tahun menjadi Rajah.

Sebagai menghargai khidmatnya kepada negeri ini, telah diputuskan bahawa sebuah dana hendaklah diwujudkan untuk mendirikan suatu bentuk memorial peribadi yang berpanjangan di negeri ini.

Ini disebabkan sungguhpun Rajah yang tua itu selalu menyatakan hasratnya untuk dikebumikan di Sarawak, takdir menentukan sebaliknya kerana dia meninggal di England semasa Perang Dunia Pertama. Sungguhpun mayatnya telah dibubuh ubat dan disimpan dalam peti besi dengan tujuan untuk dihantar ke Sarawak untuk pengkebumian sebaik sahaja keadaan mengizinkan, dan setelah menunggu lebih dua tahun, akhirnya diputuskan dia dikebumikan di sebelah bapa saudaranya, Rajah pertama, di pekarangan gereja di Sheepstor, Devon.



Dengan izin Mazlum Sarawak.

Apabila dana ini ditutup pada tahun 1924, jumlahnya meningkat sehingga \$76,000.00. Diputuskan bahawa daripada jumlah ini \$25,000 hendaklah dibelanjakan terhadap memorial peribadi dan bakinya, \$51,000, untuk menubuhkan sebuah Petempatan Penyakit Kusta. Petempatan ini, yang pada awalnya terletak di Pulau Satang berhampiran Santubong, telah dipindahkan pada tahun berikutnya ke Batu 13 Jalan Penrissen kerana kesukaran menghantar bekalan pada musim landas. Di sini, sekarang ini dikenali sebagai *Hospital Memorial Charles Brooke*.

Memorial peribadi Rajah itu telah direkabentuk oleh Encik Denis Santry dari Tetuan Swan & Maclaren, Arkitek, Singapura yang kemudiannya juga merekabentuk beberapa bangunan awam di Sarawak, termasuk Pejabat Pos Besar sekarang.

Memorial itu adalah dalam bentuk tugu granit kira-kira 20 kaki tinggi dengan sekeping panel tembaga ditenggelamkan ke dalam batu di setiap penjuru yang di atasnya arca-arca orang Melayu, Dayak, Cina dan Kayan. Di bahagian depan, yang menghadap ke Istana, terdapat ukiran *bas* Sir Charles Brooke daripada marmar manakala di bahagian bawah, di atas sekeping gangsa ialah tulisan menyatakan tarikh-tarikh utama tentang kehidupan dan pemerintahannya. Di atas sekali ialah Lambang dan Kebesaran Sarawak yang lama.

Upacara perasmian berlangsung pada 16 Oktober 1924. Ini telah diatur sempena Mesyuarat Dewan Undangan Negeri dan perhimpunan kedua Kelab Lumba Kuda Sarawak yang baru ditubuhkan. Pada hari itu ramai orang berhimpun di Kuching. Pada pukul 8.00 pagi, Rajah ketiga, Sir Charles Vyner Brooke tiba di Pangkalan Batu dari Istana. Di sini Perbarisan Hormat diadakan. Di sebuah astaka, yang khusus didirikan di depan Bangunan Mahkamah untuk upacara ini, pegawai-pegawai dan wakil-wakil semua masyarakat menunggu. Sebaik sahaja Rajah duduk dan berbagai-bagai sapaan dibacakan, upacara perasmian dimulakan. Seorang Penghulu Iban tua bernama Biju telah dipilih khusus untuk melaksanakan upacara ini. Dia ialah kawan lama Rajah ketiga. Memandangkan umurnya sudah meningkat 89 tahun dia adalah seorang Dayak yang paling tua di negeri ini. Dia juga rakan Rajah kedua dan bekerja dengan beliau di Bahagian Kedua pada awal

pemerintahan Brooke. Dia sendiri juga pernah berkhidmat dengan Rajah pertama, Sir James Brooke.

Rajah beredar ke tangga memorial. Mengikuti beliau ialah Biju, bongkok kerana tua dan berjalan dengan bantuan tongkat besar. Rajah meletakkan tali pada tangan orang tua itu tetapi tenaganya tidak mencukupi. Oleh itu bersama-sama mereka menarik tali itu dan bendera penutup tugu itu pun jatuh ke tanah.

Semua yang hadir kehairanan apabila dengan tiba-tiba sebuah kapal terbang laut muncul di udara — pertama kali kelihatan di Kuching. Kapal terbang ini datang dari sebuah kapal perang yang dalam perjalanan ke Miri dari Singapura. Bagi kebanyakan orang, kapal terbang ini melambangkan kembalinya roh Rajah yang dahulu.

BAB 10

JAMBATAN GANTUNG SATOK, KUCHING

JAMBATAN Gantung Satok telah dibuka pada akhir tahun 1926. Sungguhpun jambatan ini sebenarnya tidak boleh dikatakan lama, rancangan untuk mengadakan jambatan ini telah dibuat pada tahun 1902 lagi apabila kerja dimulakan untuk membina Kolam Air Matang bagi pembekalan air yang baru kepada Kuching. Sebab utama cadangan membina jambatan itu ialah untuk membawa laluan paip menyeberang sungai.


Apabila Rajah kedua mencadangkan sebuah jambatan, dia mempunyai idea tersendiri. Tanpa sebarang pengetahuan teknik, hasratnya ialah untuk membawa batu dari Sejingkat, berhampiran muara Sungai Sarawak, yang merupakan satu-satunya sumber bekalan batu pada waktu itu, dan dilonggokkan dalam lima himpunan sehingga mencapai ketinggian kira-kira lapan kaki di atas paras air pasang. Dia beranggapan bahawa setelah melonggokkan batu dalam lima himpunan itu, dia akan membina tiang-tiang batu bata yang besar di atasnya untuk menopang jambatan itu. Rangka jambatan ini diperbuat daripada keluli dengan laluan pejalan kaki diperbuat daripada kayu (lihat ilustrasi).

Apabila dinasihatkan oleh para juruteranya bahawa jika

dilaksanakan rancangannya itu, akhirnya jambatan itu akan hanyut dibawa arus kerana tapaknya tidak kukuh, dia tidak mendengarnya langsung. Tiang simen hanya baru digunakan pada masa itu dan pada pendapat Rajah, sungguhpun ia baik di darat, tiang-tiang itu tidak berguna di dalam air.

Para juruteraanya menghadapi kesukaran untuk meyakinkannya bahawa rancangan itu tidak mungkin dapat dilakukan dan mend cadangkan sebuah jambatan gantung. Tetapi Rajah membantah kerana dia percaya bahawa jambatan gantung akan berbuai. dan sambungan paip itu akan pecah. Oleh kerana para juruteraanya tidak bersetuju dengan jenis jambatan yang dia mahu dan dia sendiri tidak bersetuju dengan jambatan gantung, maka batang-batang paip diletakkan di dasar sungai dan jambatan hanya berhasil didirikan 24 tahun kemudian — sembilan tahun selepas kematian Rajah yang terdahulu.

Untuk bercerita tentang gempar penyamun, saya mesti memberitahu anda sedikit tentang adat dan tradisi Dayak. Sehingga perhambaan dimansuhkan pada tahun 1886, ada adat Dayak yang disebut sebagai *genselan* (pemberian darah kepada roh) yakni apabila sesebuah rumah panjang atau jambatan hendak dibina, roh-roh perlu ditenteramkan dengan darah hamba abdi, yang biasanya dicampakkan hidup-hidup ke dalam suatu lubang dan sebatang tiang utama ditusuk dari atas. Walau bagaimanapun, apabila perhambaan dimansuhkan dan tiada lagi hamba untuk dikorbankan,



Bentuk jambatan yang dikhendaki oleh Raja Kedua.


cara lain perlu dicari untuk mententeramkan roh-roh itu. Biasanya ini akan membuat orang-orang muda membentuk kumpulan-kumpulan dan menjadi penyamun (pemburu kepala). Mereka akan merayau di dalam hutan jauh daripada orang-orang mereka dan memerhatikan orang-orang asing dari puak lain yang memburu di hutan. Mereka ini akan dibunuh tetapi oleh sebab tidak dapat membawa mayat seluruhnya, mereka akan memenggal kepalanya. Dengan demikian kepala-kepala ini mudah disorok kerana mereka juga takut akan Rajah. Kepala-kepala ini dicampakkan ke dalam lubang untuk tiang utama.

Oleh kerana inilah, maka keputusan untuk membina Jambatan Gantung Satok menyebabkan suatu keadaan gempar yang amat besar bukan sahaja di Kuching malahan di seluruh negeri Sarawak kerana khabar angin yang tersebar luas bahawa "jambatan ini memerlukan kepala untuk diletakkan di bawah tapaknya".

Selepas itu ada cerita mengatakan bahawa sesuatu berlaku dengan tiba-tibanya. Seorang buruh, yang sedang bekerja di atas tapak jambatan itu telah mati lemas. Oleh itu, jambatan berkenaan telah memperolehi kepala yang dikehendaknya dan ketegangan reda. Tetapi setelah jambatan itu selesai satu lagi gempar berlaku. Ini disebabkan oleh dua perkara. Pertama, jambatan itu berbuai dan kedua, apabila paip-paip itu berisi air, menara-menara mula berganjak daripada kedudukannya yang tegak. Ia nampaknya menjadi terlalu berat. Maka satu lagi khabar angin tersebar, "Jambatan tidak puas. Ia mahu lebih banyak kepala".

Orang Kuching sangat megah dengan jambatan gantung ini selepas perasmianya. Binaan moden yang agung ini, seperti yang dianggap pada zaman sebelum perang, merupakan tempat pertama bagi sebarang pelawat yang datang ke Kuching. Jambatan ini adalah sumber kehebatan dan keajaiban kepada pelawat-pelawat dari luar.

Pada suatu masa dulu, jambatan ini mempunyai daya tarikan utama, khususnya pada waktu malam terang bulan, apabila ramai orang kelihatan berkunjung ke situ terutamanya pada waktu pan-caragam bergerak Kuching (yang malangnya kita tidak dapat mendengarnya lagi) memainkan lagu-lagu dan muzik yang bunyinya sangat lunak pada waktu malam yang terang. Jambatan ini juga digemari oleh muda mudi yang ke sana untuk berasmara. Tetapi



Jambatan Gantung Satok.

semua ini telah lenyap. Dengan peredaran masa, jambatan ini telah hilang daya tarikannya.

Oleh kerana ia tinggi di atas paras sungai, jambatan ini mempunyai kesan tertentu terhadap sesetengah orang misalnya mereka yang sukar membendung keinginan untuk terjun. Sebenarnya banyak orang yang telah dikatakan terjun dari jambatan ini tetapi tidak kelihatan timbul lagi. Mayat mereka mungkin terlekat pada lumpur di dasar sungai.

Pada masa lalu, sungguhpun tempat ini sunyi pada waktu malam, keadaannya agak berbeza pada waktu siang kerana di sinilah tempatnya peniup-peniup trompet Polis yang sudah tua dibuang daerah untuk berlatih meniup trompet.

Bagi mereka yang meminati fakta dan angka, yang berikut ini mungkin menarik minat.

Jambatan ini telah direkabentuk dan dibina oleh Encik A.S. Lowe, jurutera Jabatan Kerja Raya. Beliau ialah adik Pengarah, Jabatan Kerja Raya, Encik C.P. Lowe.

JAMBATAN GANTUNG SATOK, KUCHING

Tujuan utama jambatan ini dibina ialah untuk menampung dua saluran paip berukuran 12 inci dengan sebuah laluan untuk pejalan kaki dan kenderaan yang beratnya sehingga 3000 paun tetapi setelah air mula mengalir masuk paip itu, keadaan menjadi agak membimbangkan kerana beratnya amat ketara dan kedua-dua menaranya mula condong. Ini bermakna penambahan batu ke setiap bahagian tapak menara perlu dilakukan sehingga timbunan batu tersebut dapat dilihat hingga pada hari ini untuk membetulkan keadaan.

Panjang jambatan itu 700 kaki (lebih satu per lapan batu) dan lebar jalannya tujuh kaki.

Penggalian bermula pada tahun 1923. Kerja-kerja memasang keluli telah siap pada tahun 1924 dan pada tahun 1925 paip 12 inci itu telah selesai dipasang dan digunakan.

Lantai kayu papan cengal juga telah siap dipasang pada tahun 1925 dan jambatan itu dibuka untuk digunakan pada akhir tahun 1926.

Jumlah kos membinanya ialah wang sebanyak \$52,000 dan nyawa seorang buruh yang dikatakan telah diambil oleh hantu jambatan itu.

BAB 11

BAGAIMANA BURUH CINA DATANG KE SARAWAK

PADA zaman pemerintahan Rajah, buruh Cina (atau kuli seperti yang digelar pada waktu itu) datang ke Sarawak dengan tiga cara. Pertama, jalan darat dari Sambas, pada waktu itu disebut sebagai Borneo Belanda dan kemudian dari Singapura, dan datang langsung dari China menaiki tongkang.

Perkataan 'kuli' telah ditukar kepada 'buruh' dalam undang-undang Sarawak pada masa Encik T.P. Cromwell, Setiausaha hal-hwal orang-orang Cina, pada kira-kira tahun 1952 kerana 'kuli' dianggap menghina; anda juga mungkin menyedari hal ini kemudian. Walau bagaimanapun, adalah diragukan sama ada buruh pada hari ini bersedia untuk membuat kerja-kerja berat seperti kuli dalam sejarah awal Sarawak.

Harus diingat bahawa, pada waktu itu, tidak ada pasport dan orang boleh masuk dan keluar Sarawak sesuka hati. Oleh itu, kemasukan orang-orang Cina yang tidak dikawal berlaku dari Sambas menyeberangi sempadan ke daerah Bau di bahagian Utara Sarawak mungkin pada awal tahun 1830-an untuk mencari emas, kerana beberapa keturunan mereka ini sudah berada di Sarawak selama lima generasi. Buruh-buruh ini biasanya bekerja dalam

kongsi dan mengongsi keuntungan, tetapi mereka yang bekerja untuk upah menerima hanya 18 sen sehari.

Tidak ada majikan orang Eropah di daerah Bau sehingga Syarikat Borneo memulakan kerja-kerja mencari emas di sana pada tahun 1890, kecuali seorang atau dua orang Eropah pencari gali yang mencari emas dan mineral-mineral lain tanpa banyak kejayaan.

Kerja-kerja mencari emas sangat teruk. Buruh-buruh bekerja keras dan berkeringat dari subuh hingga senja setiap hari, seluruh badan sakit-sakit serta demam, menggali tanah, memikul tanah, bertan-tan tanah, untuk mendapatkan beberapa butir emas yang diharapkan dari setiap tan yang diperolehi sebagai ganjaran.

Oleh itu, adalah jelas bahawa Rajah yang pertama, Sir James Brooke pun pernah menyatakan, "Setiap kuli lombong emas di Bau berhak mendapatkan paip candu mereka untuk memulihkan badan yang sakit dan letih setelah bertungkus-lumus sepanjang hari." Keseronokan lain yang dirasai mereka ialah judi.

Pada waktu itu, sebelum ubat penghilang sakit yang kita bernasib baik boleh perolehi pada hari ini, candu sahajalah yang menjadi penawar kesakitan dan menghisap candu secara sederhana dianggap tidak lebih daripada menghisap paip atau rokok pada hari ini. Lama-kelamaan menghisap candulah yang menjadikan cukai ke atas candu sebagai sumber utama kewangan bagi Rajah pertama dan penentangan terhadap cukai ke atas candu inilah yang menyebabkan Kongsi lombong emas di Bau memberontak. Pernah disebutkan dalam sebuah buku yang diterbitkan tidak lama dulu untuk sekolah-sekolah bahawa mereka memberontak kerana mereka mahu mengambil alih Kerajaan negeri. Ini mungkin mengelirukan. Mereka tidak peduli siapa yang memerintah negeri selagi cukai ke atas candu ditarik balik. Oleh kerana ini, tujuan mereka hanyalah untuk menyingkir Rajah, yang telah mengenakan cukai itu. Malahan, mereka mempelawa Encik Helms, Pengurus Syarikat Borneo, menjadi Rajah, tetapi dia menolak.

Tidak banyak buruh Cina ini yang mampu membawa isteri mereka dari China dan dengan itu mereka mengahwini wanita-wanita Dayak dari Gunung Serembau yang terletak di belakang Siniawan dan hanya beberapa batu dari Bau. Dengan cara ini, keluarga-keluarga Cina di Sarawak, yang berketurunan dari buruh-

buruh lombong emas yang awal, dikatakan mempunyai sedikit darah Dayak dalam badan mereka, mungkin melalui nenek moyang mereka. Ini membawa kepada satu kepercayaan yang aneh di Singapura bahawa orang lelaki Cina di Singapura takut untuk memperisterikan gadis-gadis Cina Sarawak kerana mereka takut kepala mereka dipenggal semasa mereka sedang tidur pada waktu malam.

Dari tahun 1880, Sarawak mula melalui zaman kemewahan yang berkekalan selama tiga puluh tahun berikutnya walaupun berlaku kebakaran besar di Kuching pada tahun 1884. Gambir (bahan yang dikeluarkan dari daun sejenis pokok renik yang digunakan untuk mewarnakan kulit menjadi perang dan sebagai pewarna) dan lada telah diperkenalkan di Sarawak oleh Encik William Maunder Crocker, yang mula tiba di Kuching pada tahun 1864, dan anaknya Encik H.B. Crocker, menjadi Ketua Setiausaha semasa Rajah ketiga dan keturunannya masih tinggal di Sarawak.

Pokok getah yang pertama di Sarawak telah ditanam oleh Biskop Hose pada tahun 1900; sebatang di halaman Rumah Rehat dan dua batang di taman Rumah Biskop. Anak saudara Biskop, Encik Ernest Hose, telah memujuk Syarikat Borneo supaya membuka Ladang Getah di Dahan dan kemudian di Sungai Tengah. Dia sendiri menjadi pengurusnya yang pertama. Abangnya, Encik Charles Hose, seorang pegawai Kerajaan yang terkenal sebagai pencinta alam dan penulis buku tentang Sarawak, menjumpai minyak di Miri. Kerajaan membuka tapak semeian getah dan mengagihkannya anak-anak pokok dengan percuma kepada semua Pejabat Daerah dan memberi tanah dengan percuma sebanyak mungkin seseorang itu mampu menanam getah dan kemudian menjadikan tanah itu sebagai tanah pesaka (tanah berketurunan yang tidak boleh dijual) untuk mengelakkan spekulator daripada membelinya. Lada mencapai harga tertinggi sejumlah \$46.00 pada tahun 1903. Maka berlakulah kekurangan tenaga buruh di Sarawak dan Syarikat Steamship Sarawak, yang ditubuhkan pada Ogos 1945, dalam usaha untuk mengatasi masalah kekurangan buruh, mula menawarkan tambang percuma pada tahun 1882 kepada buruh yang datang dari Singapura ke Sarawak. Akibatnya, beratus-ratus orang tiba dengan setiap kali pelayaran kapal mereka, *Royalist* (dibeli daripada kerajaan) dan *Rajah Brooke*.



Menunggu ketibaan wangkang.

Dengan cara ini, kumpulan buruh yang kedua tiba dari Singapura. Kemudian diikuti oleh orang-orang Foochow, yang mula tiba di Sibul pada tahun 1901. Walau bagaimanapun, perlu dijelaskan bahawa mereka ini tiba di Sibul sebagai peneroka dan bukan buruh. Mereka tidak diharapkan bekerja untuk sesiapa pun tetapi untuk bercucuk tanam di atas tanah mereka sendiri. Telah tercatat bahawa mereka telah dibawa ke Sibul oleh Encik Wong Nai Siong, dengan bantuan Kerajaan, tetapi sungguhpun perjalanan mereka telah diatur dari China, 39 orang daripada 600 orang yang pertama itu meninggal dunia sebaik sahaja tiba di Sibul akibat daripada kesukaran perjalanan. Mereka dikatakan orang Methodist dan anggota American Mission tetapi sangat sedikit yang disebut tentang orang lain di sebalik tabir, iaitu Reverend J.M. Hoover. Dia dikatakan adik Presiden Amerika Syarikat yang lalu dengan nama yang sama, yang tiba di Timur pada tahun 1899 dan meninggal secara mengejut di Kuching kerana demam kepialu pada tahun 1935.

Sementara semua ini berlaku secara perlahan-lahan, kedatangan buruh dalam bilangan yang besar tiba secara langsung

dari China dengan tongkang, biasanya kira-kira 100 orang dalam setiap tongkang. Mereka ini sebenarnya adalah kuli atau digelar *singkeh* (pendatang baru).

Tongkang-tongkang ini selalunya datang semasa musim angin menyebelahi mereka. Barang yang biasa mereka bawa kebanyakannya terdiri daripada garam, telur masin, sutera dan pasu. Pasu-pasu ini sangat dikehendaki oleh orang-orang Dayak. Bahagian dek tongkang mereka sentiasa dipenuhi oleh kuli-kuli, terutamanya selepas berlaku banjir besar Sungai Kuning pada tahun 1889 apabila bencana menimpa sebahagian besar negara China. Beberapa orang yang bernasib baik dan dapat mengumpul sejumlah wang di Sarawak telah kembali ke tanah asal mereka dan khabar angin serta-merta tersebar, "Sarawak, negara penuh dengan emas". Kehidupan seorang kuli di negeri China pada waktu itu sentiasa sahaja berkorban dan bertungkus-lumus untuk hidup. Oleh itu, sungguh mudah untuk difahami mengapa mereka sanggup menempuh kesukaran perjalanan dengan sebuah tongkang kecil untuk datang ke Sarawak.

Tongkang-tongkang mereka dilambung ombak seperti gabus di tengah laut yang bergelora dan penumpang-penumpang bersesak di atas dek sehingga mereka sukar hendak bergerak. Mereka mabuk laut dan tidak dapat memakan makanan yang diberikan. Makanan mereka hanya terdiri daripada semangkuk nasi sehari dan air satu sudu kecil tiga kali sehari (yang selebihnya diperolehi daripada air hujan). Belum lama dalam perjalanan mayat-mayat sudah mula dicampakkan ke laut setiap hari. Pernah tercatat bahawa dalam sebuah tongkang yang berisi seratus lima orang kuli dari China, hanya enam puluh satu orang sahaja yang tiba di Kuching.

Tidak pernah diketahui dengan tepat berapa lama sesuatu pelayaran itu kerana keseluruhannya bergantung kepada layar. Perjalanan itu pula banyak bergantung pada laut dan angin, tetapi biasanya ia mengambil masa kira-kira sebulan. Lazimnya, perkara yang dapat memberi harapan kepada penumpang-penumpang itu hanyalah kata-kata salah seorang daripada rakan senegara mereka yang telah melawat Sarawak dan sekarang menjadi orang tengah mereka bagi perjalanan itu. "Negara penuh janji," katanya. Tetapi apa yang dijanjikannya itu hanya menjadi "Negara penuh janji" bagi dirinya sendiri, kerana setiap kuli yang dibawanya datang

dengan selamat ke Sarawak, ia menerima komisyen yang tinggi. Orang-orang ini, beberapa orang daripadanya separuh mati, telah diambil atau ditempah sebelum tongkang yang membawa mereka itu berlabuh.

Beberapa orang peninjau ditempatkan di muara Sungai Sarawak dan sebaik sahaja tongkang-tongkang ini kelihatan, mereka berlumba-lumba naik ke atas tongkang secepat mungkin dan meletakkan pendahuluan gaji setengah tahun sejumlah \$30.00 ke dalam tangan setiap orang. Dengan demikian setiap orang itu dibeli jasad dan rohnya dengan kadar lapan belas sen sehari. Kebanyakannya masuk kecek orang tengah.

Orang-orang ini sangat diperlukan kerana dari segi fizikal, mereka ini lebih kuat daripada mereka yang datang dari Singapura.


Selepas kira-kira 30 atau 40 tahun, mereka akan kembali untuk meninggal dunia di tanah asal mereka, China dengan simpanan seumur hidup kira-kira berjumlah \$500.00 hingga \$1,000.00.

Pada waktu itu, tidak ramai orang Cina berhajat untuk mati di Sarawak. Inilah sebabnya mengapa Rajah-Rajah mengambil masa yang lama sebelum mereka dapat menganggap orang-orang Cina ini sebagai rakyat Sarawak.

Siapa sangka pada waktu itu, kekayaan daripada keturunan kuli-kuli ini akan memberi Sarawak: pekedai, peniaga, doktor, peguam dan sekarang ahli politik — dan mengingatkan semua ini bermula dengan lapan belas sen sehari.

BAB 12

KUIL SIEW SAN TENG KUCHING



KUIL Siew San Teng, yang terletak di kaki Bukit Pasu di persimpangan Bazar Besar dan Jalan Kuil, Kuching, ialah kuil Cina

yang tertua di Sarawak, tetapi itu tidak bererti bahawa kesemua skruktur yang ada sekarang ini sudah lama.

Kedudukannya menunjukkan bahawa lokasinya telah dipilih dengan cara geomansi, suatu adat yang diamalkan oleh orang Cina sejak beribu tahun, kerana kuil ini dibina dengan sebuah bukit di belakangnya yang boleh diibaratkan sebagai penopang pada sebuah kerusi. Kuil ini menghadap sebuah 'gunung agung' (Banjaran Matang) yang tidak jauh dan menghala ke sebatang 'sungai besar'. Pada suatu ketika dulu sungai ini mempunyai anak sungai, Sungai Kuching, mengalir di kaki gunung itu. Apabila anak sungai itu ditimbus pada tahun 1928, ada yang mengatakan bahawa separuh daripada tuah dan nasib yang baik meninggalkan kuil itu.

Kuil ini mempunyai penganut bercampur. Yakni, semua masyarakat Cina bersembahyang di sana.

Pada papan tanda di bahagian dalam pintu masuk, di bawah nama kuil itu tertulis kata-kata *Hock Teck Sie* yang bermaksud 'Kuil Kecil'. Ini melambangkan bahawa kuil ini memang kecil dan mungkin seterusnya berkeadaan demikian.

Penulis-penulis sejak 80 tahun kebelakangan ini merujuk kepadanya sebagai sangat lama tetapi baru-baru ini, Encik J.B. Archer yang menulis pada tahun 1946 berpendapat bahawa kuil ini telah pertama kali dibina lebih 200 tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, sekarang usianya yang sebenar mungkin tidak akan diketahui.

Apabila pengubahsuaian dimulakan pada akhir tahun 1964 — pertama kali dalam tempoh 84 tahun — diharapkan tarikh struktur asal kuil itu akan ditemui tercatat pada kekuda di bumbungnya, sebagaimana yang lazimnya terdapat dalam semua kuil Cina. Pada sebatang kekuda berbentuk tiga segi telah dijumpai tercatat tiga tarikh dalam tulisan klasik Cina menurut pusingan enam puluh tahun yang, apabila dibandingkan dengan kalendar orang Eropah, memberikan tiga tarikh iaitu 1856, 1863 and 1880. Tetapi semua tarikh ini dipercayai hanya tarikh-tarikh apabila sebahagian kuil itu dibina semula, diperbesar atau diubahsuai kerana telah diketahui terdapat sebuah kuil papan di situ untuk beberapa tahun sebelum tahun 1856. Tambahan pula, adalah janggal untuk mengatakan bahawa kuil Cina tertua di Sarawak tidak dibina sebelum gereja

Kristian yang pertama di Kuching, Pro-Cathedral lama St. Thomas. Gereja ini telah siap pada tahun 1851.

Sudah menjadi adat beberapa tahun lalu apabila orang-orang Cina tiba di negara asing, perkara pertama yang mereka lakukan ialah mendirikan sebuah kuil kecil. Ini mempunyai dua tujuan iaitu untuk memberi tanda syukur kepada tuhan-tuhan mereka kerana selamat dalam perjalanan yang biasanya berbahaya, dan untuk merakamkan tarikh ketibaan mereka di negeri ini.

Catatan-catatan menunjukkan bahawa terdapat orang Cina di Borneo untuk beratus-ratus tahun tetapi hanya sebilangan kecil sahaja yang sampai ke pedalaman. Oleh itu, sedikit sahaja yang diketahui tentang mereka yang mula-mula datang ke Kuching. Walau bagaimanapun, apabila James Brooke mula-mula tiba di Sarawak pada tahun 1839, ia mendapati hanya ada kira-kira dua puluh orang Cina. Tetapi ada juga tercatat dalam sejarah Sarawak bahawa di kalangan mereka yang membantu James Brooke dan Pengiran Badrudin mematahkan pemberontakan terhadap penindasan Brunei, kira-kira setahun kemudian, adalah segerombolan kecil orang-orang Cina. Dengan mengandaikan demikian maka merekalah atau orang-orang yang lebih awal sedikit daripada merekalah yang membina kuil yang pertama di atas tapak ini di antara kira-kira tahun 1750 dengan 1800.

Tarikh pengubahsuaian pertama yang tercatat pada 1856 (mungkin bermula pada 1856 dan selesai pada 1857) telah disahkan dalam sejarah pemberontakan *kongsi* lombong emas di Bau pada bulan Februari 1857. Pada tarikh ini mereka sedang membuat persediaan untuk datang ke Kuching (atau Sarawak seperti yang disebut pada waktu itu). Untuk menyembunyikan tujuan mereka yang sebenar, mereka mengatakan bahawa mereka datang untuk mengambil bahagian dalam sambutan perasmian pembukaan kuil baru itu kerana mungkin mereka telah menyumbangkan wang kepada tabung untuk kuil itu.

Pengubahsuaian kuil itu dilakukan serentak dengan waktu terdapatnya berbagai-bagai bahan binaan di Kuching. Kuil pertama seharusnya telah dibina daripada kayu tetapi ada bukti di Kuching yang menunjukkan bahawa menjelang tahun 1856 tanah liat, kapur tohor dan pasir telah digunakan. Menjelang pengubahsuaian pada tahun 1863, sebilangan kecil batu bata boleh diperoleh tetapi simen

masih belum ada. Walau bagaimanapun, menjelang tahun 1870 batu bata dan simen boleh didapati. Ini bermakna bahawa kerja-kerja meletakkan batu bata dan mendirikan dinding sekitarnya telah dibuat semasa pengubahsuaian dalam tahun 1880.

Tidak seperti kebanyakan kuil, kuil ini hanya mempunyai satu tuhan. Namanya *Lòh Hong Pek* dan dilahirkan di Canton. Ia juga disebut sebagai "*Tua Pek Kong*" tetapi ini hanya satu penghormatan yang telah dianugerahkan ke atasnya dan secara mudah bermaksud "Grand Uncle". Pernah dikatakan bahawa kuil ini diibaratkan sebagai seorang Pegawai Daerah dan Bendahari kerana adalah menjadi tugasnya untuk menjaga orang-orang di Daerah itu. Ia juga dikatakan mempunyai kuasa untuk menentukan siapa yang akan menjadi kaya dan siapa yang akan menjadi miskin. Oleh kerana ini, sudah menjadi kebiasaan bagi mereka yang telah memperoleh kekayaan, terutamanya melalui loteri, akan menderma kepada kuil itu.

Tuhan ini ada dua hari kelahiran. Hari kelahiran sebenar ialah pada hari kedua dalam bulan kedua dan biasanya disambut dengan perarakan besar-besaran. Hari kelahiran keduanya, yang sebenarnya hari ia naik ke langit, ialah pada hari ke-15 dalam bulan kelapan.

Satu perkara yang membuat tuhan ini murka untuk sekian lama ialah terdapatnya sebuah keluli perhiasan, seakan-akan kincir angin, di atas bumbung bangunan Dewan Perniagaan Umum Cina. Bangunan ini, yang terletak di bahagian bawah tepi sungai dan berdepan dengan kuil itu, asalnya didirikan sebagai Mahkamah Cina pada tahun 1912. Tanda perhiasan ini hanya mencatatkan tarikh ini.

Walaupun bagaimanapun, perhiasan ini menghalang pemandangan kuil ke arah gunung agung. Tetapi kemurkaan tuhan ini hanya diberitahukan pada tahun 1965 oleh seorang penganut yang berada dalam keadaan khayal atau menurun semasa perayaan di kuil Jalan Wayang yang berhampiran. Untuk menenteramkan tuhan kuil itu, kerana perhiasan ini adalah harta Kerajaan dan tidak boleh dialih, maka sesuatu yang serupa telah dipasang di bahagian atas kuil itu sebelum pengubahsuaian selesai.

Apabila pengubahsuaian dimulakan, diketahui bahawa ada sebuah patung tuhan yang ganjil dalam kuil itu. Tidak diketahui

bagaimana patung ini berada di situ tetapi yang jelas ialah ia datang dari kuil lain kerana patung ini daripada tuhan yang memakan sayur-sayuran manakala tuhan sebenar kuil itu tidak. Ini membawa kepada suatu keadaan yang luar biasa. Oleh itu, telah diputuskan segala kemahuan tuhan yang ganjil ini dicari sama ada ia ingin terus menetap atau dialih ke kuil yang lain. Ini telah dilakukan dengan cara biasa dengan memaling dua keping duit syiling selepas melakukan sembah sujud kepadanya. Sekiranya duit syiling menunjukkan dua kepala, tuhan itu marah dan mahu dipindahkan. Dua ekor menunjukkan ia senyum, dan kemahuannya neutral. Tetapi dalam kes ini satu kepala dan satu ekor yang bermaksud ia tidak mahu dipindahkan. Sekarang, sebagai tuhan memakan sayur-sayuran, sebuah tempat khas perlu dicari untuknya di dalam kuil itu, agak jauh daripada tuhan yang satu lagi.

Sudah menjadi amalan bagi pemegang amanah kuil itu untuk menyenaraikan setiap bulan, nama orang-orang yang mereka anggap sesuai, dan mencabut undi untuk melihat siapa yang akan menyelia penjagaan kuil untuk bulan itu. Tetapi pada bulan apabila keputusan dibuat untuk memulakan pengubahsuaian, undi terkena kepada Encik Ho Ah Chon, peniaga yang terkenal di Kuching, yang dianggap telah diberi penghormatan oleh tuhan ini untuk mengawasi kerja yang penting ini.

Apabila siap, dianggarkan kos untuk pengubahsuaian berjumlah kira-kira \$35,000.00. Ini adalah oleh kerana semua kerja berkaitan dengan emas bagi alat-alat perhiasannya diperbuat daripada daun emas yang sebenar, kerana cat emas akan luntur dalam masa yang singkat.

Oleh kerana kehalusan reka bentuk alat-alat perhiasannya maka ia telah memakan masa yang agak lama untuk siap. Tentang merakamkan tarikh pengubahsuaian yang terakhir ini saya mencadangkan mungkin pada kali ini lebih mudah bagi generasi akan datang sekiranya hanya '1946' dipahat pada kekuda kuil itu. Saya diberitahu "Tidak. Kita akan patuh pada adat yang beratus-ratus tahun tentang merakamkannya hanya menurut pusingan 60 tahun."

BAB 13

PERARAKAN *CHINGAY* DI KUCHING DAHULU

PADA masa dulu sudah menjadi adat untuk mengadakan perarakan *Chingay* di Kuching setiap sepuluh tahun sekali. Kesemuanya diadakan semasa bulan kelapan. Saya sungguh bernasib baik dapat menyaksikannya pada kali yang terakhir sebelum ia dihentikan pada tahun 1928. Tujuan perarakan ini ialah untuk menghindari taun, yang sentiasa berlaku di Kuching sebelum ada bekalan air paip, dan untuk mewujudkan keamanan dan kemewahan di negeri ini, terutama bagi peniaga-peniaga. Selepas wabak taun tamat, adalah dianggapkan tidak perlu untuk membelanjakan wang yang banyak untuk membayar kos perarakan ini. Ini menjelaskan mengapa perarakan seperti ini dihentikan. Saya tidak yakin bahawa satu lagi perarakan akan diadakan melainkan Sarawak sekali lagi diserang oleh sesuatu jenis wabak yang teruk.

Perarakan *Chingay*, yang biasanya diadakan secara besar-besaran, selalunya memakan belanja yang dianggap amat tinggi pada waktu itu. Contohnya pada tahun 1898 dan 1908 kosnya \$20,000.00, dan menjelang tahun 1928 jumlahnya telah naik sehingga \$30,000.00. Sungguhpun jumlah wang yang diperlukan itu besar, namun ia dengan mudah diberikan oleh pekedai-pekedai dari se-



luruh Sarawak kerana tujuan derma itu adalah baik dan menarik hati mereka.

Perarakan *Chingay* ialah adat orang Hokkien (Cina), yang dibawa bersama-sama oleh mereka pada peringkat mereka berhijrah dari China ke Sarawak, terutamanya di antara tahun-tahun 1850 hingga 1860. Oleh itu, pengelolaannya kebanyakannya dilakukan oleh kumpulan masyarakat ini sungguhpun banyak bantuan datangnya daripada masyarakat-masyarakat Foochow, Hockchew,

Chawan and Henghua yang, seperti orang-orang Hokkien, juga berasal dari Wilayah Fukien di China.

Lazimnya, setelah kebenaran didapati daripada Kerajaan, sebuah jawatankuasa dua belas hingga empat belas orang ditubuhkan. Untuk sekian lama Pengerusinya ialah Encik Ong Tiang Swee, orang lama Kuching.

Perarakan ini selalunya hampir sebatu panjangnya dan ia mengambil masa dua bulan untuk berlatih dan bersedia sebelum hari perarakan sebenar.

Teater-teater sementara didirikan di bandar ini untuk menambahkan kemeriahan majlis yang besar itu.

Untuk memberi penjelasan yang lengkap tentang perarakan itu tidaklah mungkin. Oleh kerana terlalu panjang ia mengandungi beratus-ratus acara, kebanyakannya berubah dari semasa ke semasa dalam tempoh beberapa tahun. Sungguhpun begitu, acara-acara ini menenggelamkan seberang perarakan lain tentang kebesaran dan kehebatannya dan berikut ialah beberapa acara utama yang mungkin anda harap dapat melihatnya sekiranya ada lagi perarakan *Chingay* di Kuching. Perarakan ini terdiri daripada kain rentang pelbagai warna dan saiz, langit berhias, kumpulan pemuzik, beratus-ratus orang muda dengan mengenakan pakaian semua jenis haiwan tiruan, kereta dan kenderaan yang dinaiki oleh wanita-wanita cantik dengan gaya yang menarik. Semua ini menggambarkan watak-watak dalam sejarah China. Sebuah naga kertas yang besar dengan mulutnya terbuka luas cuba menggetip sebiji bola emas yang cantik yang berkali-kali terlepas daripada giginya yang dahsyat itu. Setiap objek dalam perarakan itu mempunyai makna legendanya yang tersendiri. Dan di suatu tempat di tengah-tengah barisan yang panjang itu anda akan melihat seorang lelaki berkeadaan tidak sedarkan diri dengan lidahnya dicucuk.

Dua bahagian yang paling utama dalam perarakan itu ialah *Chai-lian* dan tongkang mistik, dikenali oleh orang-orang Cina sebagai Wangkang. Yang tertinggi sekali dalam kumpulan yang bergerak itu anda akan dapat melihat kain rentang berwarna ungu dan dari bawahnya muncul suara nyaring budak-budak lelaki yang muda remaja menenggelamkan bunyi gendang dan gong. Pembawanya biasanya merupakan seorang yang gagah, dan di kedua-dua sisinya akan berjalan dua orang pembantu memukul gendang.

Chai-lian terdiri daripada sebilangan budak lelaki berumur di antara sepuluh dengan lapan belas tahun. Mereka memakai baju labuh yang bersulam-sulam dan seluar panjang berwarna ungu dengan kain ikatan kepala yang cerah. Setiap orang membawa sebatang pendayung pendek dan berarak sambil membaca sesuatu doa yang telah dilatih khas, meminta Yang Maha Esa memberi keamanan dan kemakmuran kepada orang Sarawak. *Chai-lian* melambangkan gadis-gadis cantik yang mengayuh sampan membawa beberapa Orang Kaya China zaman lampau dalam perjalanan bersuka-suka dengan menaiki bot mengelilingi danau teratai yang tenang.

Perarakan itu akan berhenti apabila tiba di selekoh atau melintasi kuil. Sementara itu Pembawa Bendera mengelilingi kain sepanduk suci untuk menarik semua hantu yang jahat, yang mungkin berkeliaran di persekitaran itu masuk ke dalam tongkang ajaib yang ditarik bersama-sama dengan menggunakan empat buah roda.

Tongkang yang dibuat dalam saiz kecil ini merupakan sebuah replika sebenar tongkang yang datang dari China tetapi, pada masa yang sama, tongkang ini agak terlalu besar untuk dapat melalui jalan-jalan yang sempit di bandar ini. Dalam tongkang itu akan terdapat semua yang diperlukan oleh hantu-hantu yang telah ditangkap itu dalam perjalanan yang panjang mereka ke negara buangan. Tertarik dengan daya kemagnetan kain rentang yang berkibaran, hantu-hantu itu akan tergoda untuk memasuki tongkang yang berisi dengan pelbagai bahan yang baik-baik. Setelah perarakan tamat, tongkang itu akan dibakar dengan semua barang bernilai dan hantu-hantu di dalamnya. Tongkang itu sentiasa di-ekori oleh dua buah bot yang lebih kecil, di dalamnya terdapat seorang *Chai-lian*.

Satu lagi bahan yang luar biasa ialah patung-patung di atas sebuah kerusi yang diusung oleh empat orang. Ini disebut sebagai *Ong-yah*.

Cerita tentang *Ong-yah* ini mengisahkan keinginan Maharaja Lee See Bin dari Dinasti Tong untuk menguji kuasa ajaib Teo Thien Su, paderi besar Tao-isme. Untuk tujuan ini, dia menyembunyikan 360 orang rakyatnya yang bijak dalam sebuah gua dan memerintahkan mereka berbuat bising sekuat-kuatnya

dengan peralatan tertentu. Bunyi yang dihasilkan oleh mereka kedengaran seperti datangnya dari jauh dalam bumi. Apabila semuanya sudah sedia, Maharaja menyuruh paderi agung menghadap sambil pancaragam membuat persembahan. Dengan pura-pura mengatakan bunyi itu datangnya daripada beberapa hantu yang jahat yang telah datang untuk mengunjungi istana, Maharaja meminta Teo Thien Su menggunakan sihirnya ke atas mereka yang jahat itu. Dengan cara yang misteri paderi berjaya memenggal kepala 360 orang pendita tidak berdosa itu. Roh-roh mereka yang marah itu bergegas menjelma di depan Maharaja yang menggeletar itu dan meminta ganti rugi daripadanya. Menyedari kesalahannya yang besar itu, Maharaja kemudiannya menjadikan mereka *Ong-yah* (putera raja) dan memberi mereka penuh kebebasan untuk memasuki setiap ceruk negaranya dan berbuat sesuka hati. Dan sehingga ke hari ini, roh-roh yang merayau-rayau itu mengacau orang. Sekarang, ada satu perkara penting. Malahan lima daripada mereka merayau ke luar dari kawasan Maharaja dan datang ke Sarawak.

Wangkang atau tongkang merupakan bahagian yang penting dalam perarakan itu. Orang-orang Henghua, yang hampir kesemuanya nelayan, sanggup membinanya. Biasanya kerja membuat *wangkang* ini selesai dalam tempoh dua bulan. Pada waktu yang sama, mereka terpaksa mengamalkan pemakanan sayur-sayuran dan tidak dibenarkan pulang ke rumah.

Pada peringkat awalnya, *wangkang* ini dilepaskan ke laut tetapi kemudiannya diputuskan supaya ia dibakar; alasannya ialah setelah ia diletakkan ke laut, kadang-kadang *wangkang* ini kembali ke bandar yang berhampiran. Di sini hantu-hantu di dalamnya itu akan naik ke darat dan mengacau orang-orang di situ atau sekiranya dikembalikan ke pantai berdekatan dengan Kuching, hantu-hantu itu akan segera kembali ke bandar dan semua penat lelah mengadakan perarakan itu adalah sia-sia sahaja.

Selalunya *wangkang* itu dibakar di sebuah anak sungai berhampiran dengan persimpangan Jalan Padungan dan Jalan Peta-nak. Waktunya tepat pada tengah malam. Suatu perarakan akan menuju ke arah tempat ini bersama-sama dengan ahli-ahli muzik dan didahului oleh penarik beca dan masyarakat nelayan berpakaian seluar merah menyala, jaket warna-warni dan memegang

berbagai-bagai bentuk patung dengan muka mereka diconteng dengan warna-warna yang cerah. Sebaik sahaja mereka sampai di tempat tongkang itu akan dibakar, mereka akan mempersembahkan suatu tarian yang ganjil disertai dengan paluan gendang dan gong. Enam buah kereta lembu dan beberapa buah beca yang dimuatkan dengan kayu untuk membakar tongkang dan sekian banyak kertas colok, akan mengekori. Kertas colok ini akan dibakar terus-menerus sepanjang upacara itu berlangsung sementara kebanyakan penonton akan membaling sesuatu ke dalam api.

Apabila tongkang itu sampai, orang ramai yang membarisi pinggir jalan akan melutut dan sembah sujud dengan kayu colok di tangan.

Tongkang itu adalah hasil karya yang terbaik daripada penat lelah, kecermatan dan kehalusan pembuatnya. Sangat sukar dipercayai bahawa bentuk-bentuk kepala yang rapi di haluan dan buritan tongkang itu diperbuat daripada kertas. Bentuk-bentuk kepala ini biasanya terdiri daripada dua muka yang garang dengan dua batang taring putih yang besar menonjol dari tepi mulut. Tanglung-tanglung yang cantik digantung di serata dek dan di bahagian tepi berbaris kelasi-kelasi kecil diperbuat daripada kertas, sementara di sebelah atas terdapat bendera warna-warni berkibaran ditiup angin.

Apabila tongkang itu akhirnya tiba di tempat pembakaran dengan kayu api ditempatkan di sekeliling dan di bawahnya, itu adalah tanda bagi semua yang mengambil bahagian dalam upacara itu untuk mencampakkan kayu colok yang menyala ke tempat berkenaan. Sebaik sahaja api menyala, orang ramai akan pulang ke rumah masing-masing tanpa berkata-kata walau sepetah pun, kerana nasib malang akan menimpa mereka sekiranya mereka berkata-kata. Harga membuat tongkang-tongkang ini ialah kira-kira \$450.00 pada waktu itu.

Sekarang, sekiranya anda berpeluang menjenguk ke dalam salah sebuah model tongkang ini, anda mungkin dapat melihat dua guni besar berisi beras, seribu seratus ikatan kecil kayu api, lima ratus balang kecil mengandungi garam dan gula, sayur-sayuran, kertas colok yang mewakili wang kertas, seekor babi hidup, dua ekor ayam jantan putih (seekor dimasak dan seekor hidup), seekor itik, ikan masin, tiga set senjata keagamaan dari kuil, lapan laras meriam kayu, selaras meriam besi, tiga puluh empat helai bendera

sutera besar dan kecil, sembilan gulung kain sutera merah, lima kaki payung sutera, tiga buah kipas besar, tujuh buah lampu, empat belas buah perisai rotan bulat, pisau, garpu dan beberapa buah kualiti, satu set lengkap peralatan tukang kayu, tiga buah model tempat tidur dengan bantal dan kelambu bagi tiga buah kabin, tiga buah kerusi rehat dengan pengusung dibuat daripada kertas, empat ekor kuda kertas dengan penjaganya, Kapten dan anak-anak kapalnya daripada kertas dan tiga buah sauh kertas lengkap dengan tali. Ada juga seorang manusia, yang pastinya akan melompat keluar sebaik sahaja api dinyalakan. Ayam jantan putih di atas tongkang itu dilepaskan dan akan lari sebaik sahaja api semakin panas. Sesiapa yang dapat menangkapnya dianggap sangat bernasib baik kerana ayam ini akan memberinya tuah dan kekayaan sehingga akhir hayat. Kemungkinan babi, yang tidak dapat lari itu, akan mati terbakar. Daripada ini, dapat dilihat bahawa roh-roh yang jahat dijaga dengan baik dalam perjalanan mereka ke tempat buangan.

Akhir sekali, terdapat sebuah cerita bahawa semasa dalam salah satu latihan, kuda Rajah kedua telah ketakutan kerana pembakaran mercun dan Rajah hampir jatuh daripada kudanya. Kerana sangat marah ia mendenda masyarakat Hokkien yang bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, ia memaafkan mereka selepas beberapa hari dan mengembalikan wang denda dengan satu permintaan supaya wang itu digunakan untuk membiayai perbelanjaan perarakan itu.

BAB 14

GUNUNG DAN BUKIT DI SEKITAR KUCHING

SEKIRANYA anda berjalan-jalan ke puncak bukit Kelab Sarawak pada hari yang cerah dan melihat sekeliling horizon dari selatan ke utara, anda akan ternampak satu banjaran bukit dan gunung, sebahagiannya membentuk sempadan di antara Sarawak dengan Kalimantan Indonesia tetapi yang paling dekat dan yang paling luar biasa anda akan nampak Sta'at, Serembau, Singghi, Banjaran Matang dan Santubong mengikut urutan itu. Semua ini mempunyai sesuatu tarikan yang mungkin tidak diketahui oleh kebanyakan orang Kuching. Oleh itu, saya akan cuba memberitahu anda beberapa perkara utama yang berkaitan antara satu dengan yang lain.

14.1 STA'AT


Bermula dari selatan, gunung pertama yang akan anda lihat ialah Sta'at (no. 1 dalam ilustrasi). Gunung ini selalu dikelirukan dengan Gunung Penrissen kerana Jalan Penrissen seolah-olah menuju ke arah itu. Walau bagaimanapun, Penrissen lebih jauh, mungkin 20 atau 30 batu lagi, berhampiran dengan Sempadan Indonesia, dan kira-kira tiga kali lebih tinggi daripada Sta'at. Gunung Sta'at, yang

kadang-kadang dirujuk sebagai Gading, tidak mempunyai apa-apa kelebihan. Sungguhpun begitu gunung ini menjadi mercu tanda yang luar biasa. Ada beberapa Gunung Gading dan Bukit Gading di Sarawak. Ia digelar demikian oleh kerana permukaan gunung-gunung dan bukit-bukit ini terdiri daripada batu kapur putih yang kontang, warnanya disamakan dengan warna gading.

Gunung ini terletak di bahagian sebelah atas Bukit Kitang dan selepas Sungai Sarawak, sebatang anak sungai yang Sarawak peroleh namanya, dan kira-kira 30 batu dari Kuching.

14.2 SINGGHI

Sungguhpun kemudiannya Serambau dari segi urutan, saya bermula dengan Singghi kerana sejarahnya lebih tua. Cerita tentang Singghi (no. 3 dalam ilustrasi) kebanyakannya mengenai tempat perlindungan. Singghi adalah di kawasan Dayak Darat (Bidayuh). Untuk sekian lama orang-orang Dayak Darat sentiasa diserang oleh musuh mereka yang lebih besar bilangannya dan lebih kuat dari segi fizikal iaitu Dayak Laut (Iban) dari Sungai Saribas. Oleh itu, dengan mudah dapat dilihat mengapa orang-orang Dayak Darat ini, yang hanya mampu menentang secara kecil-kecilan, berlindung di atas gunung yang tepinya curam dan rata di puncaknya ini. Gunung ini 1,600 kaki tingginya. Bertahan di puncak agak mudah kerana laluan yang curam dan sempit itu hanya membolehkan orang-orang mendaki dalam satu barisan. Oleh kerana kea-



daan ini sama seperti binaan-binaan kota dalam sejarah awal Eropah, mereka yang berada di atas hanya membaling batu ke atas mereka yang cuba naik dan dalam pertarungan satu lawan satu di laluan yang sempit itu, mereka yang berada di atas sentiasa mempunyai kelebihan.

Percubaan serangan terakhir yang diketahui, tetapi nasib baik gagal, berlaku tidak lama setelah ketibaan Rajah pertama pada kira-kira tahun 1840. Pada kali ini, giliran orang-orang Dayak Skrang, yang datang ke hulu Sungai Sarawak dengan bot-bot perang, seperti kebiasaan mereka, dipimpin oleh dua orang ketua yang terkenal iaitu Bulan dan Mata Hari. Dengan menganggap bahawa Rajah seorang pemurah dan sederhana orangnya, mereka meminta kebenaran untuk menyerang orang-orang Dayak Singghi. Mereka terkejut apabila dia menjawab, "Tidak, mengapa harus kamu menyerang mereka sedangkan mereka tidak pernah mengapa-apakan kamu." Tetapi Rajah masih belum ditabalkan secara rasmi. Dia hanya bergelar sebagai Tuan Besar. Oleh itu, mereka berjumpa dengan Raja Muda Hashim yang masih menjadi wizurai di Sarawak di bawah naungan Sultan Brunei. Jawapannya "Ya" dengan persetujuan bahawa orang-orang Dayak Skrang akan mengambil kepala mereka dan ia serta pengikut Melayunya mengambil barang-barang rampasan yang biasanya termasuk wanita-wanita cantik, dan kanak-kanak sebagai hamba. Hal seperti ini sudah menjadi satu kebiasaan sejak bertahun-tahun.

Walau bagaimanapun, Rajah menghantar beberapa orang utusan untuk menghubungi dan memberi amaran bahawa sekiranya mereka serang orang-orang Dayak Singghi, ia akan menyerang rumah-rumah mereka di Sungai Skrang. Maka, serangan itu pun dapat dihalang. Tetapi orang-orang Dayak Singghi sentiasa hidup dalam ketakutan dan terus tinggal di puncak gunung itu untuk kira-kira seratus tahun selepas ancaman ini. Akhirnya, sekarang dengan keamanan dan keselamatan di kalangan semua ras dan suku kaum di Sarawak, kebimbangan lama bahawa mereka akan diserang sudah hilang dan telah meninggalkan kubu lama mereka dan menetap di kaki gunung itu.

Menurut laporan yang mutakhir, tempat perlindungan lama mereka sudah ditinggalkan dan dengan cepat ditumbuhi hutan.

14.3 SERAMBAU

Cerita tentang Gunung Serembau (no. 4) hampir sama dengan Singghi kecuali ini berlaku kemudian. Selepas percubaan serangan orang-orang Dayak Laut Skrang ke atas orang-orang Dayak Darat telah dielakkan oleh Rajah, mereka pulang dan merancang satu lagi serangan. Kemudian mereka memutuskan bahawa untuk lari daripada perhatian Rajah, mereka tidak akan menghulu Sungai Sarawak, mereka akan datang dari arah lain melalui Sungai Sadong dan Serian, atau apa yang kita sebut sekarang sebagai Jalan Simanggang, ke Serembau yang hampir dengan Singghi. Di sana terdapat beberapa buah kampung orang Dayak Darat. Seperti biasa, tidak ada sebab untuk menyerang kecuali kerana minat mereka terhadap pertempuran serta keriang. Mereka memperoleh kepala manusia dan rampasan. Kaum wanita dan kanak-kanak dijadikan hamba. Dengan cara ini banyak waktu awal Rajah di Sarawak dipenuhi peperangan di Gunung Serembau dan di kawasan Seniawan di kaki gunung itu (lihat Y dalam ilustrasi). Di sana ia mendirikan kubu *Berlidah* di seberang sungai.

Dalam salah satu serangan terhadap musuh, Rajah hampir dibunuh oleh seorang Pembesar Melayu, yang cemburu akan pertambahan kuasa Rajah. Ia telah merejam sebilah lembing ke arah belakang Rajah tetapi nasib baik tidak mengenai. Kemudian Pembesar Melayu itu berpura-pura sebenarnya lembing itu ditujukan kepada musuh tetapi salah sasaran.

Akhirnya tentera Rajah mengusir orang-orang Dayak Skrang dan memaksa mereka mengembalikan wanita-wanita dan kanak-kanak yang telah ditawan oleh mereka sebagai hamba.

Di atas gunung ini, Rajah mendirikan apa yang disebutnya sebagai rumah rehat yang diberi nama Peninjau, di susuk gunung seribu kaki tingginya (bertanda X). Semua orang Eropah menggunakan sebagai tempat percutian dan bersukan. Adalah menjadi satu kejayaan yang besar bagi budak-budak sekolah untuk cuba mencarinya semasa dalam cuti sekolah. Oleh kerana rumah itu dibina daripada kayu belian, mungkin terdapat beberapa batang tiang yang masih tinggal. Walau bagaimanapun, untuk mencarinya bukanlah mudah sebab pendakian akan mengikuti sebatang anak sungai, melewati beberapa buah kampung orang Dayak, dan akan

melangkau batang-batang kayu yang tumbang yang licin serta usang. Di sesetengah tempat curamnya hampir 70 darjah.

Sekiranya sesiapa sampai di tempat ini, ia akan mendapat ganjaran yang cukup baik dengan suatu pemandangan yang sungguh indah dari Tanjung Datu di sebelah kiri ke Simanggang di sebelah kanan - kira-kira 80 batu jaraknya.

14.4 MATANG

Matang (no. 5) adalah sebuah banjaran gunung, puncak tertinggi-nya Serapi, dengan ketinggian 3,000 kaki.

Penulis-penulis seabad yang lalu pernah mengatakan bahawa 'matang', bermaksud 'pencinta kedamaian', daripada persekitarannya yang indah dan aman. Tetapi mereka nyata tersilap kerana *matang* dalam bahasa Melayu bermaksud sebuah banjaran panjang atau apa yang diketahui di England sebagai 'belakang babi' dan dalam bahasa Iban bermakna 'pelindung'. Kedua-dua makna itu selaras dengan bentuk dan kedudukannya melindungi Kuching daripada mata hari terbenam. Pelukis-pelukis terkenal dunia pada masa yang lampau telah mengisytiharkan bahawa mereka belum pernah melihat mata hari terbenam seindah yang terdapat di Matang.

Malangnya, cerita tentang Matang untuk sekian lama adalah kekecewaan dan kerugian dari segi komersial. Rajah kedua, di samping yang lain-lain, melaburkan wang yang banyak dalam penanaman teh dan kopi di bahagian atas lereng banjaran itu tetapi ternyata iklimnya tidak sesuai. Setelah beberapa tahun kerugian, ia terpaksa mengakui kegagalan. Akibatnya, sumber kewangannya sangat merosot untuk tempoh yang sedemikian lama.

Perlu juga disebutkan di sini, bahawa buruh-buruh India yang kita lihat kebanyakannya bekerja di jalan-jalan di Kuching pada hari ini adalah keturunan orang-orang India yang dibawa khas oleh Rajah dari India untuk bekerja di ladang teh Matang. Sehingga ladang itu ditutup mereka telah pun berkahwin dengan orang-orang Melayu dan Dayak tempatan. Malahan ada yang sudah tidak tahu bahasa ibunda mereka. Satu percubaan telah dibuat untuk menghantar mereka pulang semasa zaman meleset pada tahun 1930-an,

tetapi setelah kembali ke tanah asal mereka, mereka tidak boleh bertutur dalam bahasa asal mereka. Kemudian Rajah ketiga membenarkan mereka tinggal di Sarawak kerana bersimpati.

Sebelum perang, terdapat sebuah banglo kira-kira sepertiga perjalanan di lereng gunung ini. Banglo ini dibina oleh Rajah kedua dan digunakan sebagai tempat percutian. Di banglo ini, tersangkut pada sepasang tanduk rusa di bilik makan, ialah perlembungan pemburuan dan topi panasnya yang tiada seorang pun berani menyentuhnya walaupun setelah dua puluh lima tahun ia meninggal.

Setelah gagal dalam usaha-usaha komersial, Matang akhirnya terbukti sebagai sumber penting pembekalan air paip ke Kuching pada kira-kira tahun 1902. Ini merupakan suatu rahmat kerana ia telah dapat menamatkan wabak taun yang telah melanda apabila orang-orang bandar ini hanya bergantung kepada air sungai dan perigi. Air ini, sehingga selepas Perang Dunia Kedua, datangnya langsung dari puncak gunung masuk ke dalam takungan (lihat tanda putih pada ilustrasi) kira-kira sepertiga di lereng gunung, dan melalui paip-paip besar ke Kuching tanpa diolah sedikit pun. Rasa air ini sedap dan manis, tidak seperti air yang pernah saya rasa di mana-mana. Air mandi sentiasa penuh dengan daun dan rumput kering terutamanya selepas hujan lebat. Mengikut tahap mutu pada hari ini, keadaan ini dianggap dipenuhi dengan bakteria yang membahayakan tetapi anehnya semua ini tidak menimbulkan sebarang ancaman.

Daripada bekalan air ini terdapat sebuah pepatah di kalangan orang-orang Eropah, "Sekali anda telah merasa air dari Matang, hati anda akan sentiasa berada di Sarawak". Barangkali itulah sebabnya saya masih berada di Sarawak, dalam jangkauan tahun yang ke-38.

Selesaiannya pembinaan takungan air membawa kepada wujudnya saluran paip dan ini pula diikuti dengan mewujudkan jalan. Jalan ini pulalah yang mewujudkan Jambatan Gantung Satok.

14.5 SANTUBONG

Santubong, satu nama Cina, jika diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris bermaksud 'raja babi hutan', ialah sebuah gunung yang

tingginya kira-kira 2,700 kaki. Gunung itu sendiri (no. 2 dalam ilustrasi) tidak mempunyai banyak tarikan kecuali bagi ahli-ahli botani yang buat beberapa tahun selalu mendaki di sebelah lereng yang curam untuk mengkaji kehidupan tumbuh-tumbuhan. Tetapi di sekeliling kaki gunung itu ada tempat-tempat yang mempunyai kepentingan arkeologi, khususnya bekas-bekas pendudukan Hindu beratus-ratus tahun dulu yang masih dikaji dengan cermat oleh Muzium Sarawak. Di sini jugalah tempat bertapak orang-orang Melayu Sarawak yang awal sehingga mereka lari ke Kuching pada kira-kira tahun 1850-an oleh sebab serangan berterusan daripada orang-orang Dayak Saribas yang handal itu.

Gunung ini mungkin telah timbul terus dari laut akibat daripada beberapa letupan gunung berapi mungkin berjuta-juta tahun lalu. Untuk sekian lama gunung ini menarik minat mereka yang mencari emas tetapi tidak berjaya. Ada teori lama mengatakan bahawa semua emas di Bahagian Pertama Sarawak terletak dalam satu garisan lurus di antara Santubong dengan Bau yang saya rasa sehingga ini terbukti benar.

Kemungkinan juga bahawa ledakan gunung berapi yang sama, yang telah menimbulkan Santubong dari laut, telah memuntahkan tanah dan menaburkan deposit emas di kawasan itu. Ini menjelaskan mengapa tidak ada deposit yang luas yang telah ditemui.

Walau bagaimanapun, terdapat sejumlah emas di gunung itu kerana pada musim landas apabila laut bergelora, nelayan-nelayan pada masa lalu bergantung kehidupan mereka dengan mendulang di anak-anak sungai dari gunung itu. Dari kegiatan ini, mereka dijangka memperoleh purata dua puluh ringgit sebulan.

BAB 15

HANTU BANGLO 'GOLF LINKS'

BANGLO 'Golf Links', yang tersorok di celah-celah kubur di atas bukit jauh dari Jalan Crookshank di Kuching, adalah salah sebuah banglo kerajaan yang tertua di Sarawak. Bangunan besar dan lama ini, berwajah gelap dan muram kerana telah dibina hampir keseluruhannya daripada kayu belian. Ia adalah tempat tinggal Pegawai-pegawai Perubatan yang silih berganti sejak mula didirikan sehingga selepas Perang Dunia Kedua. Banglo ini dibina secara persendirian pada tahun 1908 dalam waktu Rajah kedua yang memerintahkan semua Pegawai Kerajaan Eropah harus memiliki banglo sendiri. Bahagian bawah banglo ini pada mulanya telah digunakan sebagai kandang kuda, yang memang sedia dimaklumi kerana menunggang kuda sangat popular di kalangan orang-orang Eropah pada waktu itu sebelum ketibaan kereta di Kuching tidak lama kemudian.

Setelah kematian Rajah kedua, Rajah ketiga mempunyai pandangan yang berlainan dan tidak membenarkan Pegawai Kerajaan Eropah memiliki harta di Sarawak. Oleh itu, apabila pegawai-pegawai lama bersara, banglo-banglo mereka diambil alih oleh kerajaan untuk kegunaan pegawai-pegawai Rajah ketiga. Banglo Golf Links satu daripadanya. Banglo ini adalah yang sangat ter-

kenal di antara banglo-banglo Eropah yang lama di bahagian bandar di seberang sungai oleh kerana banyak cerita ganjil yang berkaitan dengannya. Sebahagian daripadanya diceritakan kepada saya oleh penduduk-penduduk tua beberapa tahun lalu dan saya akan cuba menceritakan apa yang saya ingat.

Cerita yang paling lama ialah tentang seorang buruh lombong emas dari Bau yang dibawa ke Kuching dengan lengannya patah remuk. Apabila dimasukkan ke hospital, doktor memutuskan bahawa ada satu cara sahaja untuk menyelamatkan nyawa pesakit itu, iaitu dengan memotong lengannya serta-merta, tetapi buruh itu bermati-matian membantah. Dengan ini, doktor itu tidak mempunyai kuasa untuk berbuat apa-apa. Kemudian, apabila keadaan pesakit itu bertambah teruk sehingga ia tidak begitu sedar untuk terus memprotes, doktor memutuskan untuk bertindak sendiri sama ada dengan atau tanpa persetujuan pesakit ia akan memotongnya. Ini dilakukannya, tetapi sudah terlambat. Pesakit itu sedar daripada pembedahan dan hidup hanya cukup lama untuk dapat mengutuk doktor itu.

Beberapa hari kemudian, doktor itu mula mendengar bunyi-bunyi aneh pada waktu malam - seperti bunyi ketukan pada lantai bilik tidurnya. Pada suatu malam ia menyalakan api untuk melihat benda yang berbunyi itu. Apabila ia menjenguk ke luar dari tirai nyamuk, ia melihatnya. Benda itu ialah lengan yang telah dipotongnya. Lengan ini bergerak di atas lantai menuju ke arah katilnya dengan tangan mencekau seperti bersedia untuk mencekiknya.

Diceritakan bahawa selepas peristiwa itu doktor itu menjadi gelisah seluruhnya dan pada suatu pagi ia telah dijumpai mati di tempat tidur dengan tangannya sendiri mencekik lehernya.

Kemudian ada cerita tentang hantu wanita Tamil. Saya memperoleh cerita ini daripada seorang Pegawai Perubatan yang mengatakan ia telah melihat sendiri. Ini berlaku semasa bahagian bawah rumah itu masih digunakan sebagai bangsal kuda. Kononnya, seorang wanita Tamil telah dibunuh di situ dan hantunya sentiasa datang ke tempat berlakunya peristiwa itu. Doktor itu pertama kali menemuinya tidak lama setelah ia mendiami banglo itu. Pada suatu malam ia pulang lewat dan semasa memasuki rumah, seorang wanita Tamil dalam kesakitan duduk di atas sebuah peti di bangsal kuda. Ia bergegas ke atas untuk mengambil beg

rawatan tetapi apabila ia kembali wanita itu telah hilang. Hanya kemudian ia mengetahui cerita tentang hantu yang sering ditemui ini daripada bekas penghuni banglo itu. Akhirnya, apabila bahagian bawah tidak lagi diperlukan sebagai bangsal kuda dan telah dibuat dinding batu untuk dijadikan bilik makan, hantu itu tidak menjelma lagi.

Doktor ini juga memberitahu saya bahawa semasa ia tinggal di banglo itu, anjing-anjingnya tidak pernah berhenti menyalak pada waktu malam. Jika ia mengunci pintu bilik air, yang pasti dilakukannya, pintu itu akan terbuka pada sebelah paginya. Kesudahannya ia membenarkan anjing-anjingnya tidur di bilik mandi itu dengan pintunya terbuka.

Akhir sekali, ada sebatang pokok. Pokok ini ditanam pada cerun curam kira-kira separuh jalan di antara anjung depan dengan jalan. Untuk sekian lama pokok ini dianggap memiliki ciri-ciri ajaib. Pokok besar ini sentiasa dipandang dengan perasaan gerun. Tidak banyak orang yang berani melewatinya dekat-dekat pada waktu malam. Malah di jalan raya, yang agak jauh, semua orang melewatinya dengan cepat apabila gelap. Pokok ini mempunyai tarikan kepada petir dan telah disambar petir beberapa kali. Akibatnya bahagian pucuknya hangus dan saya telah diberi kepastian oleh banyak orang bahawa bunga api dapat dilihat terbang keluar dari bahagian atas pokok itu pada waktu malam. Seperti yang dijangkakan, pokok ini berlubang di beberapa bahagiannya dan pada suatu ketika ia menjadi rumah kepada kelawar yang tak terbilang banyaknya. Adalah merupakan satu pengalaman yang menakutkan untuk duduk di beranda banglo ini pada waktu senja apabila dengan serta-merta kedengaran bunyi kerit dan pusaran sayap beratus-ratus ekor kelawar yang muncul dari sebuah lubang pada batang pokok tua itu untuk memulakan keliaran malam.

Mengetahui serba sedikit tentang sejarah bangunan lama ini, banyak orang yang mendiami banglo ini telah resah dan berpeluh pada waktu malam kerana diganggu oleh bunyi-bunyi aneh. Apabila disiasat diketahui bahawa bunyi-bunyi ini selalunya disebabkan

Setelah cerita ini disiarkan, seorang bekas penghuni banglo ini berpendapat bahawa api pada bahagian pucuk pokok itu disebabkan oleh tumbuhan yang tebal kulat frosferesen.

oleh kelawar-kelawar yang bergayutan di bawah beranda banglo itu mengibarkan sayap-sayap mereka sekali-sekala secara berterusan.

Saya menyatakan tadi bahawa pokok ini dianggap mempunyai ciri-ciri mukjizat tetapi apabila saya menduduki banglo itu, saya mendapati bahawa kebanyakan pelawat yang sering ke sana adalah kaki judi yang berdoa untuk mendapatkan nasib yang baik. Biasanya terdapat bunga dan makanan di kaki pokok itu. Malahan, pekerja Melayu saya pun meletakkan lauk kari dan nasi di situ pada hari-hari perlumbaan dengan harapan dapat membantu kuda saya menang.

Sebagai penamat, saya ingin mengatakan bahawa tidak ada erti lagi untuk cuba menjenguk ke tempat lama itu sekarang. Tamannya semak-samun dan bertukar menjadi hutan dengan cepat. Kubur-kubur yang membentuk sebahagian daripada tanah perkuburan Cina di sebelah depan dan tepi sekarang ini terlindung. Pokok tua itu telah tumbang tidak berapa lama dulu dan tidak dapat dilihat lagi. Tetapi banglo itu masih berdiri tegak kelihatan lebih muram dikelilingi oleh sebuah pagar dawai yang tinggi. Pada pagar ini terdapat notis dalam huruf besar berwarna hitam dan merah yang berbunyi:

KAWASAN LARANGAN JANGAN HAMPIR!

Banglo ini telah dijadikan sebuah tempat penahanan anggota-anggota Pertubuhan Komunis Bawah Tanah.

BAB 16

TANAH PERKUBURAN LAMA ORANG KRISTIAN, KUCHING

*Sekiranya aku akan mati, ingatilah aku seperti ini:
Bahawa ada beberapa sudut di padang asing yang menyatakan
England selama-lamanya.*

(Rupert Brooke)

PEMBUKAAN lapangan letak kereta Perbandaran di bahagian atas Jalan Bishopgate, yang dapat dilihat dari sebelah Pejabat Jabatan Tanah dan Ukur, telah mendedahkan suatu pemandangan banyak penduduk Kuching tidak pernah melihatnya atau mungkin tidak pernah tahu langsung pemandangan ini wujud. Ini ialah tanah perkuburan Kristian. Di sini orang-orang Kristian daripada semua mazhab dikebumikan dari tarikh ia mula dibuka pada tahun 1848 hingga tahun 1888 kerana Miri Anglican sahajalah gereja Kristian di Sarawak pada waktu itu.

Rekod menunjukkan dari tahun 1845 hingga 1858, semua pengkebumian yang dijalankan di situ melibatkan orang-orang Eropah tetapi apabila Gereja mula memperoleh hasil daripada titik peluhnya, banyak nama orang Cina dan Dayak muncul dalam

Daftar. Apabila tanah perkuburan itu ditutup, dan tanah perkuburan sekarang dibuka pada tahun 1889, dua puluh tujuh orang Eropah dan 161 orang Asia dikebumikan di situ, menjadikan jumlah pengkebumian sebanyak 188. Daripada jumlah ini, hanya tinggal 32 buah kubur yang masih bertanda pada hari ini - empat dengan tinggalan tanda salib daripada kayu belian dan 28 dengan batu nisan. Daripada jumlah ini, inskripsi yang mudah dibaca hanya terdapat pada lapan buah. Enam yang berikut diberikan menurut urutan. Sebahagian daripadanya mempunyai kepentingan sejarah yang besar.

16.1 BAYI LELAKI BISKOP MCDOUGALL (1848, 1849, 1851)

Biskop McDougall mempunyai pengalaman yang sedih mengkebumikan tiga orang daripada bayi lelaki. Edward, yang berusia hanya sehari apabila ia meninggal, adalah yang pertama dikebumikan di situ pada November 1848. Abang-abangnya Thomas, yang meninggal dalam usia enam hari pada November 1849, dan Robert, berusia satu hari pada September 1851 juga mengongsi kubur yang sama. Sungguhpun ini adalah kubur tertua di tanah perkuburan itu, inskripsi pada batu (satu untuk ketiga-tiganya) masih boleh dibaca dengan mudah. Mereka meninggal daripada sebab yang sama - masalah jantung kongenital.

16.2 ALAN LEE (1853); WILLIAM BRERETON (1854)

Bersebelahan dengan kubur bayi-bayi lelaki Biskop McDougall, ada dua buah kubur sebelah-menyebelah. Ini memang wajar kerana kubur-kubur itu ialah kubur Alan Lee dan rakan karibnya, William Brereton, yang dikatakan punca tidak langsung menyebabkan kematian Lee.

Pada tahun 1849, sebuah kota telah dibina di Skrang untuk menghalang Rentap (Gegaran Bumi), Ketua Dayak dan lanun yang mengacau, bergerak ke hilir sungai untuk meneruskan amalan-amalan lamanya. Akhirnya setelah kecewa dengan kehadiran kubu itu, Rentap memutuskan untuk menyerangnya. Brereton yang mengawasi pada waktu itu meminta bantuan daripada Lee dan

TANAH PERKUBURAN LAMA ORANG KRISTIAN

orang-orang Dayak Lingga untuk mempertahankannya. Mereka bersetuju bahawa, daripada membiarkan Rentap menyerang kubu itu, mereka akan menemui pasukan-pasukannya di hulu sungai. Setelah mara beberapa batu, mereka tiba di suatu selekoh dan Lee,



Biskop McDougall

yang sedar bahawa mungkin ada perangkap di sebalik selekoh, mencadangkan supaya mereka tidak mara lagi.

Walau bagaimanapun, Brereton, yang dikatakan telah banyak minum arak menuduh Lee sebagai pengecut. Akhirnya, kerana tidak tahan dengan cemuhan itu lagi, Lee mara dan terus memasuki perangkap yang telah dijangkakannya. Dia terbunuh semasa bertempur dan berdiri tegak dalam botnya dengan sebilah pedang di tangan. Kepalanya telah dipenggal dengan sekali tetak oleh menantu Rentap.

Brereton meninggal setahun kemudian kerana disenteri. Dia menyalahkan dirinya kerana peranannya yang menyebabkan kematian Lee.

Apa telah terjadi kepada kepala Lee adalah satu soalan yang mungkin tidak dapat dijawab dengan memuaskan. Sejarah tertulis Sarawak, yang memang terkenal dengan percanggahan-percanggahan kecil, memberikan dua versi. Rajah kedua, dalam bukunya *Ten Years in Sarawak* menyatakan bahawa kepala Lee pasti tidak diambil dan kepala yang seharusnya kepala Lee, sebenarnya adalah kepala orang Eropah, yang mengikuti kapal *Dido* dalam ekspedisi punitif untuk menumpaskan pemberontak dan terbunuh hampir di tempat yang sama beberapa tahun kemudian. Sebaliknya, penerbitan rasmi Kerajaan menyatakan bahawa kepala Lee telah diambil dan orang-orang Dayak agak pasti bahawa mereka memilikinya. Mereka sentiasa menyembunyikannya daripada Pegawai-pegawai Kerajaan bangsa Eropah kerana takut kepala itu akan dirampas. Untuk membezakannya daripada kepala-kepala lain, mereka meletakkan sebuah gegelang loyang pada tulang pipi. Kini dikatakan kepala itu berada di Pulau Kerto, dekat Sibu; ia sudah reput kerana tidak dijaga pada waktu pendudukan Jepun.

16.3 CHARLES JAMES FOX AND HENRY STEELE (1859)

Fox dan Steele telah dibunuh dalam tindakan khianat pada 25 Jun 1859 semasa menyelia kubu di Kanowit. Steele berada di dalam kubu tanpa senjata apabila ia diserang dan ditetak oleh dua orang yang dikenali dan dipercayainya. Pada waktu itu Fox berada di luar mengawasi penggalian sebuah parit apabila sekumpulan orang Kanowit bergegas dari sebuah rumah orang Cina yang menjadi

tempat mereka bersembunyi dan terus membunuh Fox. Pada kaki batu nisan mereka tertulis kata-kata ini: "Keadilan telah terlaksana".

16.4 CHARLES ADAIR CRYMBLE (1862)

Satu daripada kubur yang terjaga rapi ialah kubur Charles Adair Crymble, yang telah memulakan perkhidmatannya di Sarawak pada tahun 1851 menyelia kubu (sebenarnya sebuah benteng) yang berdiri di tebing sungai bahagian kaki bukit yang di atasnya sekarang ini terdiri Kubu Margherita sehingga kubu itu terbakar dalam Pemberontakan 1857. Dia juga Bendahari Sarawak dari tahun 1856 sehingga kematiannya pada tahun 1862.

Crymble telah dijelaskan oleh berbagai-bagai penulis lama dalam bermacam-macam cara. Misalnya, seorang penulis merujuk kepadanya sebagai orang Ireland yang liar dan seorang lagi sebagai kerani rendah yang binasa. Tetapi walau apapun yang difikirkan oleh orang lain, Rajah pertama menyanjunginya, terutamanya



Tanah perkuburan Kristian lama.

kerana keberaniannya semasa Pemberontakan, apabila ia memper-tahan kubu sehingga ia tinggal seorang sahaja yang hidup. Walaupun luka parah, ia melompat tembok mengelak tikaman lembing dan pedang daripada pemberontak dan melarikan diri ke dalam sungai.

Batu nisan pada kuburnya telah didirikan oleh Rajah dan di antara kata-kata yang tertulis ialah:

**BATU INI TELAH DILETAKKAN OLEH RAJAH SEBAGAI
TANDA INGATAN PERKHIDMATAN AWAM, NILAI PERI-
BADI DAN BUKTI KESETIAANNYA.**

Apakah kata-kata kenangan yang lebih baik yang dikehendaki oleh sebarang individu?

16.5 PUAN MESNEY (1884)

Puan Mesney ialah isteri Penolong Uskup Mesney. Kuburnya adalah yang pertama dapat dilihat apabila memasuki tanah perkuburan itu. Ia disanjung tinggi oleh masyarakat Eropah dan apabila ia meninggal sebuah *baptismal font* telah dihadiahkan kepada gereja besar sebagai mengingatkannya.

Sekiranya anda mengunjungi tanah perkuburan yang kecil lagi sunyi ini, anda akan mendapati bahawa kawasannya dijaga rapi oleh Gereja dan rumputnya hampir seperti sebuah laman tetapi, memang seharusnya selain batu-batu nisan, yang lainnya kosong. Kini tidak terdapat bunga-bunga lagi di sana kerana tiada lagi orang di Sarawak yang menjaga mereka yang dikuburkan di situ.

BAB 17

BENDERA SARAWAK

TELAH tercatat bahawa setelah James Brooke diisytiharkan Rajah Brooke pada September 1841, dia mengambil-suaikan bendera St. George, sebuah palang merah berlatarbelakangkan warna putih dalam bentuk panji-panji ekor burung layang-layang, sebagai simbol kuasa peribadi. Bendera inilah yang telah dikibarkan pada kota pertamanya di Berlidah dan dibawa dalam kapal-kapal perang Pembesar-pembesar Melayu dan Dayak yang menyokongnya semasa tahun-tahun pergolakan pada awal pemerintahannya.

Beberapa helai bendera yang sangat berharga ini masih boleh dilihat di rumah-rumah panjang keturunan beberapa orang Pembesar Dayak di Saribas dan Sungai Skrang. Malahan bendera-bendera ini masih boleh dilihat sehingga permulaan perang dengan Jepun pada tahun 1941, tepat seratus tahun kemudian dan dianggap sebagai pusaka, iaitu harta keluarga yang tidak boleh dijual.

Sehingga tahun 1845 barulah Rajah memutuskan untuk memberi negeri ini sehelai bendera tersendiri. Tetapi oleh sebab ke-lambatan yang tidak dapat dielakkan, bendera ini hanya dapat dikibarkan pada 21 September 1848.

Bendera ini telah direkabentuk oleh Rajah sendiri dan dikatakan terdiri daripada sebuah palang setengah ungu dan setengah merah berlatarbelakangkan warna kuning. Bentuk bendera ini

asalnya daripada *Armorial Bearings*nya. Kuning adalah warna di-raja Borneo. Tetapi kenyataan ini meragukan kerana warna palang dalam *Armorial Bearings* Brooke kemudiannya telah dijelaskan dalam sepucuk surat yang ditulis oleh Rajah kedua sebagai biru dan merah.

Setelah mereka bentuk bendera itu, pada tahun 1845 Rajah memohon kepada Lord Palmerston dan Earl Grey, Menteri untuk Hal Ehwal Luar dan Menteri Tanah Jajahan, pengiktirafan Kerajaan terhadap Sarawak dengan membenarkan bendera Protektorat diperagakan. Pada November 1846, Lord Palmerston memaklumi Rajah bahawa perkara ini belum dapat diputuskan oleh Kerajaan Her Majesty. Selepas itu, pada September 1848, oleh kerana kedudukan di antara Rajah dan Kerajaan British masih seperti biasa, maka dengan tidak sabar lagi Rajah memutuskan untuk mengibarkan bendera Sarawak. Dalam bulan Mac tahun berikutnya, sekali lagi Rajah menulis surat kepada Lord Palmerston mengatakan dia berharap, sekiranya dipersetujui oleh Kerajaan British, tindakan itu akan mensahihkan naungan ke atas negeri ini. Lord Palmerston membalas tiga bulan kemudian untuk mengatakan bahawa Kerajaan Her Majesty meluluskan tindakan-tindakan tersebut.

Tetapi Sarawak terpaksa menunggu 15 tahun lagi (Januari 1864) sebelum British mengiktirafnya sebagai sebuah Negara yang merdeka, dan 35 tahun lagi (Jun 1888) sebelum Britain dapat menjamin naungannya. Selanjutnya, Rajah melahirkan rasa kesalnya bahawa bendera itu tidak memuatkan sebuah Union Jack saiz seperempat di dalamnya.

Satu-satunya gambaran bertulis oleh mereka yang menyaksikan upacara menaikkan bendera Sarawak buat pertama kalinya diberikan dalam buku *Letters from Sarawak*. Surat-surat ini ditulis pada tahun 1851 oleh Puan McDougall, isteri Biskop McDougall kepada anak lelakinya Charley, yang bersekolah di England. Surat-surat ini kemudiannya diterbitkan secara kebetulan, oleh Persatuan Penyebaran Kitab Injil untuk mengutip derma bagi kerja-kerja Gereja mereka di Sarawak. Charley ditakdirkan mati setahun selepas surat-surat ini ditulis akibat terkena pukulan bola kriket.

"Bendera Sarawak merupakan sebuah palang ungu dan merah, daripada baju perisai Sir James Brooke, dengan berlatar-belakangkan warna kuning yang merupakan warna di-Raja Bor-

neo," tulis Puan McDougall. "Bendera ini diberikan oleh Rajah kepada rakyatnya apabila ia kembali dari England pada tahun 1848 dan saya ingat betul tentang majlis yang sungguh besar itu. *H.M.S. Meander* pada waktu itu di Sarawak (nama lama bagi Kuching) dan pancaragam mereka memainkan; *God Save The Queen*, sementara bendera dinaikkan buat pertama kalinya pada tiang bendera di depan rumah Rajah. Semua orang Eropah dihimpunkan di situ, dan kumpulan besar bumiputera, Melayu dan Dayak. Berucap kepada mereka dalam bahasa Melayu, Rajah memberitahu mereka bahawa bendera yang diberikan kepada mereka pada hari itu akan, dia berharap, menjadi kemegahan dan perlindungan mereka, kerana bendera England adalah miliknya ... Orang-orang Melayu mendengar ucapannya dengan rasa penuh sayang dan hormat dan dari rumah saya di seberang sungai, saya dapat mendengar pernyataan gembira mereka...."

Penulis lain yang menjelaskan palang sebagai ungu dan merah ialah Gertrude Jacob dalam *The Rajah of Sarawak* (1876) tetapi ia hanya memetik daripada Puan McDougall. Semua penulis lain, untuk selama 20 tahun (sehingga 1870) yang menyebut tentang bendera itu, mengatakan warna-warna pada salib itu sebagai biru dan merah.

Sekarang timbul soalan - adakah Puan McDougall betul? Adakah warna salib pada bendera itu, yang buat pertama kali dilihat dinaikkan, sebenarnya ungu dan merah? Semasa menyaksikan majlis ini dari puncak sebuah bukit ke puncak bukit yang lain, hampir sebatu jauhnya, dengan sebahagian besar daripada bandar dan Sungai Sarawak di tengah-tengah, ia mungkin tersilap. Juga, kata-kata Rajah yang dipetikanya, bukan sumber utama, kerana ia sebenarnya tidak berada di tempat itu.

Sekali lagi Puan McDougall menulis kepada seorang budak lelaki, barangkali tidak terfikirpun untuk menerbitkan surat-surat itu. Oleh itu ia tidak menitikberatkan ketepatan dan kebenaran sesetengah isi surat ini. Ia mungkin memuatkan sejumlah fiksyen untuk membuatkan surat-surat itu lebih menarik.

Sungguhpun begitu, deskripsi Puan McDougall tentang bendera itu, yang dicetak pada tahun 1852 semasa Rajah pertama masih hidup (ia meninggal pada tahun 1858) tidak tercatat pernah dipersoalkan. Begitu juga tentang pengulangan deskripsi Puan

McDougall yang dibuat oleh Getrude Jacob dalam *The Rajah of Sarawak*, dicetak pada tahun 1876 semasa pemerintahan Rajah kedua yang memang terkenal sebagai orang yang sentiasa tegas tentang ketepatan bagi perkara-perkara seperti ini. Mungkin dapat diujahkan bahawa *Letters From Sarawak* sangat kebudak-budakan untuk menarik minat sesiapa di Sarawak dan oleh itu terlepas perhatian, tetapi perkara yang sama tidak dapat diperkatakan terhadap *The Rajah of Sarawak*.

Adakah Puan McDougall masih menggunakan imajinasinya apabila ia menggambarkan latarbelakang bendera sebagai kuning kerana warna itu warna diraja Borneo sementara latarbelakang perisai Brooke adalah emas yang apabila diterapkan ke atas bendera, akan menjadi kuning? Atau adakah satu kebetulan bahawa kedua-dua penjelasan ini bertepatan?

Pemberitahuan rasmi tentang bendera Sarawak yang tercatat buat pertama kali telah dikeluarkan oleh Rajah kedua pada 7 Mei 1870. Pemberitahuan itu menitikberatkan ukuran-ukuran bagi bendera itu dan bilangan yang patut diberi kepada pejabat-pejabat luar tetapi mengandungi ayat, "Bendera hitam kecil digunakan bagi menggantikan warna biru".

Ini mungkin dapat mengesahkan bahawa palang itu asalnya biru dan merah dan juga menggambarkan waktu perubahan kepada hitam dan merah, yang merupakan warna-warna bendera pada masa ini. Tetapi tiada alasan diberikan kerana perubahan tersebut berlaku pada waktu itu. Penyelidikan rapi di arkib negeri juga gagal memberikan apa-apa kecuali suatu pembayang dalam satu ayat yang ganjil dalam sepucuk surat yang ditulis dengan marah-marah dalam surat-surat buku Rajah kedua ditulis sepuluh tahun kemudian, pada Mei 1880, dan dialamatkan kepada Borneo Company Limited, tentang pengibaran bendera Sarawak oleh mereka di atas pejabat mereka di Singapura.

Surat itu berbunyi: "Ini adalah bendera Sarawak yang diatur di England di Pejabat Herald daripada *Brooke Armorial Bearings*, perbezaan kecil kelihatan adalah pada warna sebahagian daripada palang (biru ke hitam), yang dianggap suatu pembaikan pada sehelai bendera".

Dalam sepucuk surat berikutnya Rajah menyebutkan bahawa untuk nasihat itu, ia membayar £100 kepada Pejabat Herald.

Rajah kedua memberi bendera kepada tiga buah badan tempatan di Kuching. Mereka itu ialah S.P.G. pada tahun 1871; Syarikat Borneo pada tahun 1874; dan Gereja Roman Katolik pada tahun 1906. Tetapi tidak satu pun daripada bendera ini digunakan buat sesuatu ketika dan sudah pasti tidak satu pun digunakan pada hari ini.

Bendera Gereja S.P.G. diiktiraf sebagai rasmi dengan satu pemberitahuan dalam *Sarawak Gazette* bertarikh 7 Mei 1871, yang berbunyi "Gereja ini telah diberi seperempat daripada Lencana Kristian atau Monogram pada benderanya. Ini adalah untuk mengiktirafkannya sebagai Bendera Gereja".

Ini berlaku semasa Biskop Chambers. Apabila ia bersara pada tahun 1881, ia telah digantikan oleh Biskop Hose, yang meminta kebenaran daripada Rajah untuk memasukkan pakaian kebesarannya pada bendera Gereja tersebut. Kali ini, Rajah terpaksa menolaknya kerana pada pendapatnya langkah seperti ini akan membawa kepada perubahan pada bendera Gereja setiap kali Biskop digantikan.

Bendera yang diberikan kepada Borneo Company Limited oleh Rajah pada tahun 1874 adalah bendera Sarawak dengan tepi kelilingnya berwarna biru, kerana dalam bentuk ini bendera ini dapat digunakan oleh pejabat-pejabatnya di luar Sarawak. Berikut adalah bahagian surat selanjutnya bertarikh Mei 1880, yang telah dirujuk, yang juga berkaitan dengan bendera ini.

Singapura,
Mei 21, 1880

*Tetuan The Borneo Co. Ltd.,
LONDON.*

Tuan,

Saya ingin menarik perhatian tuan bahawa bendera yang

digunakan sekarang oleh Borneo Company di Singapura, dan saya menjangka di Cawangan-cawangan lain syarikat tuan di seluruh dunia, adalah bendera Sarawak ... Pertama kali kami mendengar bendera Sarawak digunakan oleh Borneo Co. Ltd., ialah apabila syarikat itu memerlukan sehelai bendera untuk kapal, **Sri Sarawak**. Pada masa itu telah dipersetujui bahawa suatu tepi biru perlu diletakkan di sekeliling bendera itu untuk suatu tanda yang menarik, dan saya amat faham bahawa warna biru ini akan digunakan di seluruh cawangan tuan ... Seperti yang tuan sangkakan, saya agak terperanjat mendapati bendera Sarawak berkibar di dermaga di hadapan rumah Pengurus di New Harbour (Singapura) semasa masuk pada hari sebelumnya. Saya lebih suka tepi biru itu digunakan, dan bendera Sarawak tidak digunakan sembarangan kecuali di tempat yang tertentu, atau oleh kapal-kapal kepunyaan Sarawak, atau di Sarawak. Saya menyerahkan kepada tuan-tuan untuk menimbangkannya bahawa bendera yang digunakan di luar Sarawak ini boleh menimbulkan keraguan dan salah tanggapan daripada orang ramai sama seperti cop mohor atau tanda tangan yang salah guna. Mungkin agak terlewat untuk membuat aduan tentang perkara ini, tetapi saya hanya melihat bahawa bendera ini masih digunakan oleh Borneo Co. Ltd., atau sepatutnya saya telah membawa perkara ini kepada perhatian tuan. Saya percaya tidak ada masalah atau kalau adapun hanya sedikit, dalam membuat sedikit pengubahsuaian yang dengan mudah dapat memuaskan hati kami.

Saya, tuan,
Yang benar,
C. BROOKE

Telah tercatat bahawa bendera ini telah digunakan buat seketika sahaja oleh pejabat di Kuching tetapi tidak ada alasan yang diberikan mengapa penggunaannya ditarik balik. Walau bagaimanapun, mungkin ada dua alasan yang sangat baik, pertama, bendera ini sangat hodoh, dan kedua, tepi biru yang dianggap oleh

orang Cina sebagai tanda berkabung mungkin dianggap tidak membawa tuah dalam perniagaan.

Gereja Roman Katolik diberikan benderanya dengan satu Perintah bertarikh 28 Jun 1906, yang berbunyi: "Gereja Roman Katolik telah diberikan kebenaran untuk menggunakan bendera Sarawak dengan sebuah palang diagonal saiz seperempat pada bahagian atasnya".

Warta Sarawak merakamkan pengibaran bendera buat pertama kalinya seperti berikut: "Sebatang tiang bendera yang baru telah didirikan di hadapan Ibu Pejabat Gereja R.C. Bendera Gereja yang dihadiahkan oleh Yang Mulia Rajah itu telah dikibarkan buat pertama kali pada pagi 26 September, iaitu hari jadi Yang Mulia Rajah Muda. Satu Perbarisan Kehormat telah diadakan untuk majlis itu dan bendera yang telah dinaikkan oleh Ketua Gereja itu telah diberi hormat dengan tembakan senapang. Upacara itu telah diakhiri dengan Mazmur Sarawak yang dinyanyikan oleh budak-budak sekolah.

Berikut ialah satu lagi telatah Brooke tentang penggunaan bendera Sarawak, yang diambil dari buku-buku surat Rajah kedua. Orang yang dimaksudkan ialah Encik D.J.S. Bailey, pegawai Kerajaan Sarawak (1888-1909) yang banyak berkhidmat sebagai Residen Simanggang.

*DIMAKLUMKAN KEPADA SEMUA YANG BERKE-
NAAN bahawa saya, Charles Brooke, Rajah Sarawak, dengan
sukacitanya memberi kebenaran kepada Kolonel Bailey dari
Ightham Court, mengibarkan dan menggunakan bendera Sara-
wak pada bila-bila masa yang difikirkannya perlu untuk
memperingati khidmat murni dan cemerlang yang diberikan
oleh abangnya Demetrius di negeri Sarawak.*

C. BROOKE
Rajah

Diberi di bawah tangan dan mohor saya pada 1 Jun 1911".

Rajah kedua mempunyai panji-panjinya sendiri yang diturun-

kan kepada anak lelakinya, Rajah Muda (kemudiannya Rajah ketiga) bersama-sama dengan hak untuk menggunakan payung kuning diraja dengan satu perisytiharan pada Jun 1904.

Adalah menjadi kebiasaan Rajah kedua menghadiahkan panji-panji peribadinya kepada Pembesar-pembesar yang membantunya dalam serangan terhadap suku-suku kaum yang memberontak; suatu kebiasaan yang juga diamalkan oleh Rajah pertama. Banyak daripada bendera ini masih boleh dilihat di rumah-rumah panjang, terutamanya di Bahagian Kedua Sarawak.

Panji-panji yang sama sekarang ini digunakan sebagai bendera peribadi Gabenor Sarawak.

BAB 18

CERITA TENTANG PENERBANGAN DI SARAWAK

18.1 BAHAGIAN I

BILAKAH cerita tentang penerbangan di Sarawak bermula? Mungkin kita harus bermula pada waktu apabila objek terbang yang pertama kali dilihat di wilayah Sarawak. Ini sudah pasti berlaku pada 14 Ogos 1922. Pada hari tersebut, sejurus selepas senja, orang-orang di Belaga (sebuah stesen kerajaan yang kecil di pedalaman Bahagian Ketiga) yang terkejut, bergegas keluar dari rumah mereka apabila mendengar bunyi bising enjin yang datanginya dari sebuah kapal terbang. Beberapa minit kemudian mereka nampak suatu bentuk seperti bot berwarna kelabu muncul di angkasa dan terbang rendah di atas bandar. Kapal itu berpusing perlahan-lahan di Kota Vyner, meletupkan cahaya yang menerangi kawasan itu dan kapal itu sendiri. Kemudian kapal itu hilang di sebalik asap putih yang tebal. Itu merupakan sebuah kapal terbang Belanda dalam penerbangan percubaan untuk perkhidmatan pembantu yang berkaitan dengan cadangan laluan K.L.M. London/Singapura yang terbukti berjaya beberapa tahun kemudian.


Kapal terbang kedua yang kelihatan di Sarawak muncul hampir dua tahun kemudian dan masanya sangat tepat. Kapal terbang itu merupakan kapal terbang laut dari *H.M.S. Pegasus* yang belayar dari Singapura ke Miri. Kapal terbang itu muncul dengan tidak disangka, di angkasa Sarawak pada pagi Sabtu, 16 Oktober 1924, semasa majlis pembukaan memorial Rajah Charles Brooke di hadapan Bangunan Mahkamah. Bagi mereka yang berkepercayaan, kapal terbang itu melambangkan kepulangan roh Rajah yang lama yang telah meninggal di England tujuh tahun sebelumnya. Kemudian kapal terbang ini disertai oleh dua buah lagi. Kapal-kapal ini menghiburkan orang-orang Kuching dengan terbang di sekeliling bandar sebelum mendarat di sungai berhadapan dengan Bazar Besar. Khalayak pada waktu itu sungguh besar dan amat menghargai keadaan kerana pada hari tersebut, Kuching sangat meriah dengan bilangan pelawat yang besar datang dari luar dan dari pedalaman.

Setahun kemudian, pada tahun 1925, penggunaan kapal terbang laut dalam membuat kerja ukur dari udara di bahagian dunia sebelah sini, semakin mendapat pujian. Fotografi udara semakin cepat mendapat tempat utama semasa Perang Dunia Pertama dalam memetakan kedudukan musuh. Akibatnya, Telaga-telaga Minyak Sarawak membuat perjanjian dengan Air Survey Company, London, untuk menggunakan dua buah kapal terbang untuk mengambil gambar dari udara 1,300 batu persegi di wilayah Sarawak dan Brunei. Selesai sahaja kerja ukur ini, Rajah memberi kuasa kepada Syarikat yang sama untuk menjalankan kerja ukur di Delta Rejang yang merangkumi kira-kira 1,750 batu persegi. Satu daripada kipas kapal terbang ini masih boleh dilihat di Muzium Sarawak. Kerja ukur ini telah selesai pada tahun 1927 dan Sarawak telah mula sedar dan memikirkan tentang kapal terbang.

Pada 1 November 1928, Kuching menerima kunjungan pertama daripada Tentera Udara Diraja, terdiri daripada empat buah kapal terbang jenis *Southampton* yang diperintah oleh Group Captain Cave-Browne-Cave. Mereka itu dalam penerbangan latihan yang dirancang untuk membuat perjalanan ke Hongkong melalui Negeri-negeri Borneo dan balik melalui Bangkok. Mereka mendarat di Pending dalam keriang yang amat sangat, dan selama mereka di sini jamuan diadakan berturut-turut selama empat hari

yang berakhir dengan suatu petang 'yang sangat menyeronokkan' yang diberi oleh Rajah di Istana.

Sehingga ini Rajah telah yakin tentang kegunaan perkhidmatan udara terdiri daripada kapal-kapal terbang laut di bumi yang penuh dengan sungai serta kemudahan pengangkutan lain yang sedikit. Oleh itu, Kerajaan membeli dua buah kapal terbang laut *Gipsy Moth* dengan pelampung logam, dibina oleh De Havilland Aircraft Company. Sebuah jambatan curam dan sebuah hangar telah didirikan di tebing sungai berhampiran jambatan gantung Satok, Kuching, dan orang ramai dimaklumkan bahawa pesawat-pesawat itu akan digunakan untuk memajukan tanah dan membawa surat. Pada mulanya telah diputuskan nama kapal-kapal itu seharusnya *Royalist* dan *Jolly Bachelor* sebagai mengabadikan kenangan terhadap kapal-kapal terbang terdahulu yang lebih terkenal sungguhpun kurang laju. Nama yang terdahulu itu ialah sebuah kapal layar yang dinaiki oleh James Brooke apabila ia mula tiba di Sarawak dan yang satu lagi itu ialah nama kapal meriam Kerajaan pada peringkat awal. Akhirnya, nama *Venus* telah dipilih untuk menggantikan *Jolly Bachelor*.



Dengan ihsan Muzium Sarawak.

Perkhidmatan itu dimulakan pada 1 Disember 1928, dengan suatu pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan Sarawak* yang melantik Pesuruhjaya Perdagangan dan Kastam sebagai Pengarah Perkhidmatan Udara Kerajaan; Encik W.H. Phillips sebagai Leftenan Penerbangan; dan Encik J.W. Goodban sebagai Jurutera Kanan.

Royalist, yang membawa mel udara pertama Kerajaan Sarawak, meninggalkan Kuching pada 12 Januari 1929 pukul 6.20 pagi dan tiba di Simanggang pada pukul 7.25 pagi. Dalam penerbangan, *Royalist* melanggar *air pocket* sewaktu terbang dengan kelajuan 80 batu sejam (pada waktu itu tiada *knots*) dan terhempas ke dalam sungai.

Encik W.P.N.I. Ditmas, yang baru sahaja tiba di negeri ini, adalah kadet rendah di Simanggang pada waktu itu. Berikut ialah ceritanya yang menarik tentang kejadian itu.

"Kecepatan enjin kapal terbang dikurangkan untuk bersedia mendarat di atas sungai di bawah wayar telefon yang diikat dengan sehelai bendera merah. Kemudian, dengan tiba-tiba dan secara mengejut, enjin dipercepatkan sepenuhnya, mungkin kerana melanggar *air pocket*, tetapi pesawat itu tidak bergerak seperti biasa dan terhempas ke dalam sungai dengan bunyi air yang kuat. Kemudian sunyi sepi sementara bangkai kapal terbang yang hampir tenggelam itu hanyut dengan pantas. Enjin kapal yang berlabuh di situ tidak dapat dihidupkan tetapi beberapa minit kemudian bot kayuh polis mengikuti bangkai yang sudah hampir 300 ela di hilir itu. Kami melihat suatu lembaga meronta-ronta di dalam bangkai kapal terbang itu.

"Untuk menjadikan lebih rumit, tangki minyak jatuh ke atas Goodban, yang duduk di kokpit depan. Ia tidak boleh berenang dan sedang memakai pelampung fesyen lama, yang telah diisi angin sebelum mendarat dan yang membuatnya tersepit di kokpit. Phillips, jurutera, hilang beberapa batang gigi hadapan dan dagunya luka besar. Goodban mengalami kejutan dan hampir mati lemas. Sebenarnya, ia mungkin telah mati lemas sekiranya tidak kerana tindakan nekad Phillips yang mengeluarkannya dari kedudukannya yang terperangkap dan hampir tenggelam itu.

"Mereka kemudiannya diangkat ke dalam bot polis. Surat-surat juga telah terselamat tetapi terdapat tanda-tanda basah. Dua

orang itu telah dibantu untuk naik ke pelantar pendaratan oleh kadet kanan, Langton dan saya sendiri. Kami semua pergi ke Istana lama, yang terletak di atas tapak Pejabat Kerajaan sekarang. Di situ Langton bergegas ke sebuah almari, menuangkan brandi yang keras dan air dan (di sini, ia tidak dapat mengelak untuk menceritakan peristiwa ini) sambil ia menyerahkan minuman itu kepada Goodban, Residen menghulurkan dua belah tangannya dan merampasnya lalu terus meminumnya dengan sekali teguk dan berkata, 'Langton, saya memerlukannya.' Orang-orang lain termasuk Goodban, tidak dapat menahan ketawa mereka.

"Pada hari berikutnya, sangat sedih melihat bangkai kapal terbang *Royalist* di atas sebuah bot yang sangat kotor dan perlahan-lahan bergerak kembali ke Kuching."

Perkhidmatan Udara Kerajaan terus beroperasi dengan kapal terbang yang sebuah lagi, *Venus*, tetapi Goodban tidak terbang lagi: ia telah diberi jawatan baru sebagai Quartermaster Sarawak Ranger dan tempatnya diambilalih oleh W.L. Clark, jurutera dalam Jabatan Elektrik Kerajaan. Setelah setahun wujud, perkhidmatan udara itu tiba-tiba terhenti. Rajah membuat keputusan ini setelah mendapati kos penyelenggaraannya terlalu tinggi, kecelakaan yang menimpa perkhidmatan itu dan kenyataan bahawa kapal-kapal terbang itu terbukti sangat ringan dan tidak sesuai untuk kerja-kerja yang diperlukan. Kemudian dengan sifat pemurahnya seperti biasa, ia melakukan sesuatu yang luar biasa. Kapal terbang laut *Venus* diberikannya kepada juruterbangnya, Phillips, yang cuba menerbangkannya ke Malaya tetapi hanya berjaya sampai ke Pontianak, lebih kurang 100 batu ke selatan Kuching. Dari sana perjalanan seterusnya dengan bot.

Selepas itu, di Kuala Lumpur, Phillips menggunakan kapal terbang itu untuk penerbangan keseronokan dan akhirnya menjualnya kepada kelab penerbangan setempat yang menggantikan pelampungnya dengan roda dan menggunakannya sebagai kapal terbang pelatih.

18.2 BAHAGIAN II

Menjelang tahun 1932, Sarawak selalu menerima kunjungan dari-

pada pesawat R.A.F. - kesemuanya kapal terbang laut - kerana lapangan terbang Kuching belum dibuka sehingga tahun 1938. Kapal-kapal itu kepunyaan Skuadron 205 berpangkalan di Singapura. Bagi kebanyakan orang, kebanggaan melihat kapal terbang semakin berkurangan.

Pada kira-kira waktu itu, dunia filem Hollywood mula menunjukkan minat di Sarawak. Ini berikutan publisiti yang meluas yang diberikan kepada filem cadangan tentang riwayat hidup Rajah pertama. Errol Flynn memegang watak utama. Akibatnya Sarawak mula menerima kunjungan daripada orang-orang dan kapal terbang yang terkenal di seluruh dunia.

Di antara yang mula-mula tiba di Kuching ialah kapal terbang laut *Flying Carpet* pada Oktober 1932. Penumpangnya ialah dua orang Amerika, Richard Halliburton dan Moya Stephens. Richard pengembara, penulis dan juruterbang, yang baru saja mengambil bahagian dalam filem penerbangan pada waktu itu, *Hell's Angels*. Rane Sylvia menaiki kapal terbang ini untuk melihat Kuching dan di sini adalah sebahagian daripada pandangannya selepas itu.

"Yang menghiburkan hati saya ialah dalam keadaan apa pun saya memerlukan Dick Halliburton untuk berpaut. Bayangkan betapa malunya saya apabila saya ditolak ke tempat duduk di hadapan juruterbang - sendirian!

"... Saya nampak semua 'budak' Melayu kita melambai-lambai dari halaman Istana dan saya cuba melambai kembali, tetapi angin hampir mencabut tangan saya dari pergelangan tangan, dan satu daripada cincin saya tercabut dari jari saya ... Kemudian kami mula berpusing. Bagaimana mudahnya seseorang itu menggunakan rangkaian kata "lumpuh kerana ketakutan". Ada dua pemegang besi di hadapan saya. Saya bengkokkan jari-jari saya pada tempat berpaut itu dan menutup mata saya sambil berdoa

"Sementara Moya dan saya turun dari kapal terbang, saya bertanya kepadanya sama ada pemegang-pemegang besi itu sebenarnya untuk berpaut. "Oh, itu," dia menjawab, "adalah penghadang kemalangan - jadi sekiranya anda jatuh, enjin tidak akan menghempap anda."

Kapal terbang laut ini, yang dalam penerbangan mengelilingi dunia, telah mengambil masa selama satu setengah tahun untuk sampai ke Sarawak dari Amerika.

"Penerbangan ini sungguh mencemaskan" adalah tajuk sebuah rencana yang tersiar dalam *Warta Sarawak* Jun 1933, dengan tajuk kecil: "8,000 batu melalui udara". "Orang yang sepuluh hari lalu berada di London". Rencana itu menceritakan perjalanan udara dari London ke Singapura oleh Lt. Pemerintah E. Baker dari *H.M.S. Herald*, kapal ukur yang berpangkalan di perairan Sarawak. Ia adalah pegawai Laut (Navy) pertama yang berjaya melakukan perjalanan seperti ini dan dikerumuni oleh wartawan-wartawan akhbar di Singapura yang tidak sabar untuk mengetahui berita-berita mutakhir dari London. Perkara yang menarik minat yang perlu diberitahukan ialah tentang harga bir telah naik satu peni bagi setiap pain. Perjalanan yang sama sekarang ini dapat dilakukan dalam masa 14 jam!

Pada 1 September 1934, untuk pertama kalinya, akhbar-akhbar Singapura diterima di Kuching, pada hari yang sama ia diterbitkan. Ini adalah dengan ihsan R.A.F. dan *Free Press* (sebuah akhbar Singapura) menyatakan begini: "Satu penghantaran khusus keluaran hari ini diterbangkan ke Kuching di Sarawak, membolehkan para pembaca di situ membaca keluaran akhbar Singapura ini dan oleh itu membawa berita hari itu ke bahagian-bahagian pedalaman Empayar British".

Pada Ogos 1934, Encik C.W. Bailey, Penyelia Kerja dan Bangunan R.A.F., tiba di Kuching. Tidak disadari pada waktu itu betapa pentingnya peranan yang dimainkannya dalam penerbangan di Sarawak. Sebelum perang dengan Jepun, ia membina lapangan terbang Kuching dan Miri dan hampir menyiapkan landasan mendarat di Bintulu apabila serangan musuh bermula. Selepas Perang Dunia Kedua, ia kembali ke Sarawak dan menyelia pembinaan Lapangan Terbang Kuching tetapi ditakdirkan mati dalam kemalangan kapal terbang di Singapura dalam Mac 1958.

Sehingga tahun 1935, kelajuan kapal terbang semakin bertambah dengan cepat. Misalnya, penerbangan yang dibuat oleh Rajah dengan kapal terbang R.A.F. dari Singapura ke Kuching mengambil masa empat jam pada kira-kira 115 batu sejam yang merupakan satu kemajuan besar berbanding dengan had kelajuan 85 batu sejam oleh kapal-kapal terbang Kerajaan pada tahun 1929.

Pada bulan September 1935, Encik Martin Johnson, orang yang mengajar dunia tentang kelebihan-kelebihan kamera ber-

banding dengan senapang dalam 'menembak' binatang, tiba di Kuching dengan sebuah pesawat amfibia 'Sikorsky'. Dengan bentuk seperti bangau dan bertanda macam zirafah, kapal terbang ini telah digunakan untuk membuat dua buah filem tentang kehidupan binatang liar di Afrika, *Congorilla* dan *Baboona*. Kapal terbang itu dinamai *Spirit of Africa*. Isteri Encik Johnson sebagai penumpang.

Suatu pagi kapal terbang itu berlepas dari Pending dan tidak pernah kedengaran untuk setahun lagi. Sekembalinya, Encik Martin Johnson mendakwa ia telah sampai ke bahagian-bahagian hutan Borneo yang sebelumnya tidak pernah dikunjungi oleh orang Eropah dan menemui spesies binatang liar yang belum diketahui pernah wujud di pulau itu. Ia membawa balik bersama-samanya ke Amerika Truzon, orang utan dalam kurungan yang terbesar di dunia. Orang utan ini dijaga oleh dua orang Dayak. Truzon dan penjaga-penjaganya kemudian dibawa mengelilingi Amerika Syarikat dengan sebuah kapal terbang dalam satu lawatan ceramah selama sembilan bulan.

Sebelum meninggalkan Kuching untuk pergi ke Amerika, nama kapal terbang Encik Johnson ditulis dalam bahasa Inggeris, Cina dan Melayu telah ditukar kepada *Spirit of Africa and Borneo*.

Pada 26 September 1938, hari jadi Rajah, landasan mendarat di Kuching telah dibuka oleh Pegawai Pentadbir Kerajaan, Encik E. Parnell, di hadapan khalayak yang besar. Termuat dalam ucapannya ialah butir-butir perincian tentang landasan itu bahawa panjangnya 700 ela dan lebarnya 300 ela. Rupanya seperti halaman rumput kerana 15,390 batang pokok telah ditebang dan 3 juta ekar rumput telah ditanam. 36 Torpedo Bomber Squadron, yang diberi penghormatan untuk merasmikan landasan mendarat, terbang dan membuat bentuk-bentuk penerbangan. Ini sangat digemari. Kira-kira dua tahun kemudian, skuadron ini dimusnahkan oleh orang-orang Jepun di Tanah Melayu.

Pada bulan Januari 1939, pesawat DH 86 empat enjin Wearne's Air Service melakukan penerbangan ujian awal dari Singapura ke Kuching dan hasilnya, perkhidmatan dua kali seminggu telah dirancang untuk bermula dalam tempoh tiga bulan berikutnya. Walau bagaimanapun, subsidi yang diperlukan daripada Kerajaan tidak dapat diberi dan dengan itu perkhidmatan tersebut tidak dapat dilaksanakan.

Pada tahun 1939, ada tempat-tempat di pedalaman Sarawak kapal terbang belum lagi kelihatan. Di antaranya mungkin Tebedu di sempadan Indonesia yang terakhir. Dilaporkan bahawa dalam bulan Jun tahun berkenaan sebuah kapal terbang laut Belanda yang sedikit di luar laluan, terbang di angkasa kampung tersebut. Orang-orang di situ menganggapnya sebagai roh jahat yang akan menyerang mereka. Penduduk-penduduk di situ berasa takut serta menjerit-jerit dan menangis. Sebahagiannya lari dan bersembunyi di dalam hutan.

Apabila Perang Dunia Kedua meletus di Eropah pada tahun 1939, sejumlah 13 orang Pegawai Kerajaan Sarawak bangsa Eropah (yang sedang berkhidmat dan yang bersara) dengan serta-merta menawarkan khidmat mereka kepada R.A.F. Tiga orang terbunuh dalam beberapa bulan pertama.

Kemudian diikuti oleh peperangan dengan Jepun pada Disember 1941. Kuching mula didatangi oleh kapal-kapal terbang peninjau dari Jepun. Pesawat-pesawat itu datang dari Saigon. Pada hari ke-19 bulan yang sama Kuching dibom.

18.3 BAHAGIAN III - PERANG

Apabila perang dengan Jepun bermula pada bulan Disember 1941, Kuching mempunyai sebuah lapangan terbang tetapi tidak ada kapal terbang. Ini kerana Singapura dan Tanah Melayu tidak cukup untuk mempertahankan diri mereka. Walau macam manapun, pesawat-pesawat pejuang Brewster Buffalo dan Hurricane yang dimiliki mereka terbukti tidak dapat menandingi Japanese Zeros yang lebih laju. Tetapi telah diramalkan bahawa tentera-tentera Jepun yang mara mungkin akan menggunakan lapangan terbang Kuching untuk menyerang Singapura. Oleh itu skim penolakan telah dilaksanakan. Tong-tong minyak kosong digulingkan ke atas landasan untuk menghalang pendaratan. Akhirnya, pada 23 Disember 1941, sehari sebelum kejatuhan Kuching, landasan itu diletupkan dan ini menghampakan pihak musuh.

Dari pertengahan Disember, laporan harian diterima daripada pos tinjauan di Po Point, berhampiran dengan muara Sungai Sarawak, bahawa sebuah kapal terbang laut Jepun telah kelihatan awal

setiap pagi terbang melintas dari selatan ke utara. Kapal terbang ini mempunyai tempat persembunyian di sekitar pulau-pulau penyusut yang berhampiran, yang tidak pernah ditemui. Terdapat banyak kegiatan di kawasan ini oleh nelayan-nelayan Jepun untuk beberapa ketika sebelum perang, dan hampir setiap minggu bot-bot dan jaring-jaring mereka dirampas. Kapal terbang ini sebenarnya menunggu mangsa dan penantian itu tidak perlu lama.

Mangsa mereka ialah tiga buah kapal yang membawa keluar pekerja-pekerja telaga minyak setelah mereka menutup telaga-telaga minyak di Miri. Kapal-kapal itu ialah kapal layar *Maimuna* kepunyaan Rajah, *Lipis* dan *Shinai*.

Sebaik sahaja orang-orang Jepun mendarat di Miri pada 16 Disember, kapal-kapal terbang Belanda dari Singkawang, sebuah lapangan terbang kira-kira separuh jalan di antara Kuching dan Pontianak, menyerang kapal-kapal Jepun setiap hari. Mereka akan terbang rendah di angkasa Kuching pada kira-kira 9.00 pagi dan kembali tengah hari. Mereka berjaya menenggelamkan sebuah kapal persiaran Jepun. Sebagai balasan Kuching dan Pontianak dibom oleh Jepun.

Dari 13 Disember, kapal-kapal peninjau Jepun mula mengunjungi Kuching hampir setiap hari tetapi tidak menyerang bandar ini. Difahamkan bahawa pesawat-pesawat itu datang dari Saigon. Kemudian, pada 19 Disember, berikutan penenggelaman kapal persiaran Jepun itu, dengan tiba-tiba pada tengah hari, dua penerbangan pengebom Jepun tiba di Kuching, terbang pada kira-kira 4,000 kaki. Mereka terus ke lapangan terbang dan, setelah menggugurkan beberapa butir bom, kedua-dua penerbangan itu beredar.

Penerbangan pertama, terdiri daripada sembilan buah kapal terbang, terus terbang ke Pontianak dan memusnahkan setengah batu persegi bahagian bandar itu yang termasuk beberapa buah sekolah penuh dengan kanak-kanak. Bahan terbesar yang dapat dilihat kemudian ialah sebuah katil besi yang berpintal.

Penerbangan kedua bagi tujuh buah pesawat berpatah balik ke Kuching dan menggugurkan satu rangkaian kira-kira 40 butir bom anti-personal, dari Simpang Tiga ke Kubu; yang terakhir jatuh hampir dengan sasaran di tengah-tengah sungai. Bilangan yang terbunuh kadang-kadang diberikan sebanyak 26 orang dan kadang-

kadang sebanyak 32 orang. Yang cedera parah berjumlah 73 orang. Hampir semua orang mencari perlindungan di bawah pokok-pokok.

Kemusnahan harta benda yang berlaku di Kuching ialah pengeboman secara tidak sengaja ke atas Stor Minyak Syarikat Borneo di tepi sungai. Asap tebal menjulang naik dengan sertamerta dan menyelubungi angkasa bandar Kuching seperti kain rentang terpampang di udara sehingga ke lewat petang, menjadikan siang hampir seperti malam.

Tidak ada lagi kapal terbang yang mengunjungi Kuching sehingga pagi sebelum Krismas - hari Kuching ditawan. Ini adalah kapal terbang laut yang melindungi kemaraan tentera-tentera Jepun dari tempat pendaratan di Sibu Laut. Sebahagian daripada tentera itu mudik dengan kapal pendaratan dan yang lain berjalan kaki melalui Jalan Lundu ke jambatan gantung Satok dan belakang Istana. Kapal terbang menjatuhkan risalah, menyerang Renjer di Bukit Siol, dan terbang rendah di angkasa bandar, melepaskan beberapa tembakan daripada mesingan ke arah apa-apa juga yang mencurigakan.

Setelah orang-orang Jepun menduduki Kuching, Putera Maeda, seorang abang kepada Maharaja Jepun, telah dilantik sebagai Gabenor Sarawak, Brunei dan North Borneo (sekarang Sabah) dan bersemayam di Istana. Laluan masuk utama ke Istana adalah dalam bentuk menara yang berwajah usang yang menghala ke arah pintu utama. Sudah menjadi kebiasaan bagi Brooke bahawa bahagian luar menara ini tidak harus diubahsuai dan pokok menjalar yang seakan-akan pokok ivy jangan dicabut daripada dinding. Jika dilakukan, sesuatu bencana akan berlaku.

Pada suatu hari Putera Maeda memberi arahan supaya pokok ivy ditanggalkan daripada merayap dinding. Dua hari kemudian kapal terbang yang dinaikinya terhempas ke dalam laut di luar Bintulu dan ia terbunuh.

Semasa perang sangat sedikit kegiatan yang berkaitan dengan penerbangan dilakukan di Sarawak. Ini kerana bilangan kapal terbang Jepun semakin lama semakin kurang apabila perang berterusan. Sungguhpun begitu, beberapa bulan sebelum perang berakhir, mereka memutuskan untuk menjadikan Jalan Batu Kawa yang panjang dan lurus itu sebagai sebuah landasan pesawat perang

tetapi belum pun sempat siap kapal-kapal terbang Bersekutu mengebomnya.

Pihak yang bersalah harus dicari kerana berlakunya peristiwa ini. Oleh itu kesalahan ini terletak pada seorang tawanan bangsa Eropah yang masih muda. Ia mempunyai pengetahuan yang baik dalam bahasa Cina dan telah belajar bertutur dalam bahasa Jepun semasa perang. Orang-orang Jepun menuduhnya berhubung melalui radio secara rahsia dengan Tentera Bersekutu. Dia pengsan kerana layanan kasar yang diterimanya dalam percubaan mereka untuk membuat dia mengaku salah terhadap jenayah yang dia tidak lakukan. Dia membunuh diri dengan memotong lehernya dengan serpihan kaca botol.

Sungguhpun orang-orang Jepun menguasai ruang angkasa pada awal perang, tiba masanya apabila kegiatan udara hanyalah oleh *Whistling Lizzie*, sebuah kapal terbang pengangkut yang digunakan dalam penerbangan biasa di antara Kuching dengan North Borneo (Sabah) seperti sebuah keretapi sewa khas, penggebom ganjil, atau kapal terbang perang yang biasa terbang sekali-sekala. Hanya pada Palm Sunday, 25 Mac 1945 barulah kapal-kapal terbang Bersekutu dapat dilihat semula di angkasa Kuching.

18.4 BAHAGIAN IV

Kegembiraan tentang kemunculan pesawat-pesawat Bersekutu di angkasa Kuching pada 25 Mac 1945, digambarkan dalam autobiografi Encik J.B. Archer, bekas Pegawai Kerajaan Sarawak, yang sehingga waktu itu, adalah tawanan di Khemah Penjara Batu Lintang untuk lebih tiga tahun.

"Waktunya pukul 11.00 pagi," tulis Encik Archer. "Terdengar bunyi nyaring enjin kapal terbang di angkasa. Kami tidak pun menoleh ke atas. Kemudian, dengan tiba-tiba terdapat jeritan, 'Ya, Tuhanku pesawat-pesawat itu kepunyaan kita.' Di udara, dalam cahaya matahari yang sangat terang dua buah pesawat sedang terbang tinggi. Ini merupakan pesawat Bersekutu yang pertama kelihatan di Kuching sejak lebih tiga tahun. Dan selepas itu pada pukul 2.00 petang keesokannya kami mendengar bunyi deruman yang bertambah kuat apabila enam penerbangan oleh enam pesawat

setiap satunya terbang rendah.... Dari dua buah pesawat yang akhir, tompok-tompok hitam keluar dari bahagian belakang dan jatuh, berkecai menjadi beratus-ratus risalah kecil berterbangan. Ini adalah permulaan dalam penamatan. Bermula dari hari itu, lebih daripada 100 serangan telah dilakukan. Tujuan pihak Bersekutu ialah untuk mendapatkan lapangan tempat mendarat dan pelayaran di sungai. Mereka datang dan pergi sesuka hati tanpa tentangan ... Pada 15 Ogos pengguguran makanan dan pakaian dimulakan oleh sebuah pesawat Douglas diiringi oleh penerbangan pemusnah."

Kerugian di Kuching pada waktu itu hanyalah sebuah pesawat peninjau *Mosquito* yang terbang terlalu rendah dan melanggar pucuk pokok durian yang tinggi tidak jauh di hilir sungai. Kapal terbang jenis ini dibina kebanyakannya daripada kayu supaya ia ringan dan laju tetapi, walau bagaimanapun, orang-orang Jepun memperagakan serpihan-serpihan bangkai kapal terbang itu di tingkap pejabat Sarawak Steamship Company untuk membuktikan bahawa tentera-tentera Bersekutu sudah kehabisan logam.

Sementara semua itu berlaku di Kuching, ada juga peristiwa terjadi di utara Sarawak. Pada awal Januari 1945, sebuah kapal terbang *Liberator* Amerika telah ditembak jatuh oleh pesawat Zero Jepun berhampiran dengan Limbang dan pada bulan Februari dan Mac anggota-anggota SRD (sebuah Unit Perisikan) telah di-jatuhkan dengan payung terjun di Bario untuk memulakan kerja perisikan dan mengendalikan perang gerila menentang orang Jepun.

Apabila tentera penyelamat Bersekutu tiba di Kuching, mereka terperanjat mengetahui bahawa, sungguhpun terdapat sedikit kapal terbang Jepun yang tinggal di wilayah-wilayah yang mereka pernah takluki, terdapat banyak kapal terbang enjin satu, kebanyakannya pesawat pejuang, diletakkan tersusun di tepi jalan dari kira-kira batu 5 dan batu 7¼ Jalan Penrissen dan juga di landasan kapal terbang. Alasan untuk membina landasan untuk pesawat pejuang di atas Jalan Batu Kawa sekarang menjadi nyata. Tetapi peristiwa-peristiwa bergerak terlalu pantas pada tahap-tahap akhir perang sehinggakan seorang Jeneral Jepun dan stafnya tiba di lapangan terbang Kuching untuk memeriksa kapal-kapal terbang Jepun di situ tidak mengetahui bahawa tentera penyelamat

Bersekutu sudah pun tiba. Sungguh malang bagi mereka. Mereka telah dimasukkan ke dalam sebuah kenderaan tentera dan diiringi ke bandar.

Apabila keamanan muncul semula, perkhidmatan hantaran seminggu sekali telah diadakan oleh kapal terbang laut, *R.A.F. Sunderland*. Landasan terbang digunakan oleh pelbagai Perkhidmatan dan kapal terbang persendirian tetapi dirasakan kurang selamat untuk pesawat-pesawat komersial. Dalam kes kapal-kapal terbang persendirian dan Perkhidmatan, beberapa pendaratan yang luar biasa dikatakan telah berlaku. Misalnya, pada suatu ketika sebuah *American Flying Fortress* sebenarnya telah mendarat dan berlepas dari landasan ini.

Walau bagaimanapun, dengan pesawat moden yang lebih besar, berat dan laju, tidak menghairankan apabila pada Mei 1948, Gabenor telah mengumumkan dalam Majlis Negeri bahawa sejumlah peruntukan yang besar telah diluluskan oleh Kerajaan British untuk pembinaan sebuah lapangan terbang yang baru di Kuching kerana landasan yang sedia ada tidak selamat bagi lalu lintas udara yang moden dan *R.A.F.* tidak boleh diharapkan untuk mengekalkan perkhidmatan kapal terbangnya untuk suatu tempoh yang sukar diketahui.

Berikutan dengan pengumuman ini, Encik C.W. Bailey, juruterbang *Royal Flying Corp.* Perang Dunia Pertama, yang telah membina landasan terbang pertama Kuching, tiba untuk membina Lapangan Terbang sekarang ini. Sungguhpun ia sudah berumur tapi peramah dan tidak lama kemudian menjadi salah seorang tokoh yang paling popular di negara ini.

Pada 26 September 1950, pada hari jadi Rajah, dan genap 12 tahun setelah landasan terbang yang pertama digunakan, Lapangan Terbang Kuching yang sedia ada telah dibuka dengan rasminya. Pada pukul 10.00 pagi sebuah *Dakota Malayan Airways* dari Singapura mendarat di lapangan terbang lama membawa pegawai-pegawai dan wakil-wakil akhbar. Kemudian kapal terbang itu berlepas lagi dan mendarat di landasan yang baru pada pukul 11.00 dan Tuan Yang Terutama Gabenor melangkah keluar dari kapal terbang dan mengucapkan kata-kata yang ringkas, "Saya mengisytiharkan Lapangan Terbang Kuching yang baru dibuka dengan rasminya. Semoga semua yang melintas di sini selamat dan sejahtera."

Tetapi agak aneh, penerbangan pertama dari Kuching ke Singapura hampir berkesudahan dengan bencana.

Penerbangan ini membawa banyak pegawai Kerajaan berpangkat tinggi dan Konsul China di Kuching. Dikatakan bahawa insurans diri mereka untuk penerbangan ini berjumlah kira-kira dua juta dolar.

Apabila kapal terbang ini tiba di Singapura, keadaan cuaca terlalu buruk untuk mendarat di sana. Oleh itu, pesawat ini dilencongkan ke Kuala Lumpur dan di sini juga keadaan cuaca tidak berbeza. Oleh itu, kapal terbang ini dilencongkan semula ke Kuching. Pada waktu itu cuaca di Kuching juga telah menjadi amat buruk sehinggakan mustahil bagi kapal terbang ini mendarat. Dalam keadaan begini, juruterbang, dengan bekalan minyak hampir habis, hanya ada satu pilihan dan pilihan itu ialah untuk mendarat di sebuah landasan lama pesawat pejuang Jepun di Sibu Laut, yang penuh dengan lopak-lopak kesan bom.

Di sini, kapal terbang dengan penumpang-penumpangnya yang sangat cemas, membuat pendaratan cemas dan sungguh bernasib baik kerana tidak terdapat sebarang kecederaan. Apabila mereka ditawarkan tempat duduk dengan kapal terbang lain beberapa hari kemudian, kebanyakan mereka menolak. Mereka lebih suka menaiki bot.

BAB 19

PERINGKAT AWAL LUMBA KUDA DI SARAWAK

LUMBA Kuda di Sarawak boleh dikatakan telah bermula dengan rasminya pada tahun 1890, apabila perlumbaan pertama yang terancang telah diadakan di Kuching, sungguhpun terdapat perlumbaan yang hampir sama sejak tahun 1880. Ini adalah terutamanya disebabkan kegemaran Rajah kedua terhadap kuda dan kebanyakan Pegawai Kerajaan keturunan Eropah telah dibawa dari kampung halamannya di Devon. Di sana, menunggang kuda sentiasa popular.

Dengan demikian adalah agak menghairankan kerana hanya 34 tahun kemudian, iaitu pada tahun 1924 barulah Kelab Lumba Kuda Sarawak yang ada sekarang ini ditubuhkan.

Padang Lumba kuda yang pertama telah dibuka di Kuching oleh Rajah kedua pada tahun 1880, dan ia telah digunakan sehingga awal Perang Dunia Kedua.

Tanah untuk padang lumba kuda ini diperolehi percuma daripada mereka yang tanahnya termasuk dalam laluan perlumbaan ini. Laluannya mengikut arah jam dan panjangnya $1\frac{1}{2}$ batu (padang lumba kuda sekarang ini mengikut lawan arah jam dan satu batu panjang). Padangnya dibina di luar padang lumba kuda yang

ada sekarang dan termasuk apa yang disebut sekarang sebagai Jalan Padungan dan Jalan William Tan. Bahagian garis tamatnya ialah Jalan Padungan.

Sehingga tahun 1890, minat telah meningkat dan perlumbaan mula diadakan dengan lebih meriah. Ia dikelolakan oleh Jawatan-kuasa Perlumbaan Kuching, badan yang sama yang telah menganjurkan dengan jayanya Regata Tahunan Kuching untuk tempoh hampir 80 tahun tanpa putus-putus.

Jenis haiwan yang digunakan untuk perlumbaan berbeza-beza dari masa ke masa. Misalnya, pada tahun 1890, kuda kecil Borneo Utara (sekarang Sabah) dan kuda Sulu, berharga \$50 seekor, dilumbakan untuk \$20.00. Dalam tiga hari perlumbaan, satu daripada kuda itu yang digelar *Polo* memenangi lima perlumbaan. Ini dapat menggambarkan kehebatan stamina kuda kecil jenis ini.

Selepas itu, apabila minat kian bertambah, kuda kecil Australia dan India diperkenalkan dan perlumbaan mula mengadakan pertandingan untuk semua jenis dan kelas kuda dan kuda kecil.

Pada mulanya, kebanyakan pemiliknya adalah orang-orang Eropah kerana mereka sahajalah yang boleh menunggang, tetapi catatan menunjukkan bahawa di perlumbaan 'rasmi' yang pertama pada tahun 1890, seorang pemilik Cina, Encik Soon Seng, telah didaftarkan dan kuda kecilnya *Roman Candle* yang ditunggang oleh Major Day, Komandan Renjer Sarawak, menang dua kali.

Menjelang tahun 1892, ada empat orang pemilik Melayu dan empat tahun kemudian, pada tahun 1896, lumba kuda sangat popular sehinggakan satu keputusan telah dibuat untuk memesan kuda-kuda dari Australia. Ini diikuti dengan satu tempoh yang mengecewakan bagi beberapa orang pemilik yang membawa kepada terhentinya perlumbaan selama kira-kira dua tahun kerana kurang sokongan.

Adalah menarik untuk memperhatikan apa yang berlaku kepada sebahagian daripada kuda-kuda ini semasa tempoh yang panjang tanpa perlumbaan. Kuda-kuda yang tidak digunakan untuk perlumbaan, kerap kali digunakan untuk kegiatan-kegiatan lain bagi menampung perbelanjaan menyara kuda-kuda itu. Mungkin, yang paling aneh ialah kuda yang dihantar ke Perusahaan Emas Bau untuk menarik muatan-muatan trak terdiri daripada tanah yang mengandungi emas di atas landasan tram.

Setelah masa berlalu, kuda ini memajukan gaya berjalan seperti *Australian Trotter* melalui cara langkah yang panjang dari sebatang kayu landasan ke kayu landasan yang lain. Menurut ceritanya kuda ini mempunyai kelebihan kerana, apabila ia dibawa ke Kuching untuk perlumbaan berikutnya, padang lumba kuda itu penuh becak. Sementara kuda-kuda lain penat, tergelincir dan terkial-kial di dalam lumpur itu, kuda yang melangkah setapak demi setapak ini perlahan-lahan mengejar mereka dan memenangi perlumbaan itu.

Sultan Johor, yang tertarik dengan serta-merta kepada kenyataan yang dibuat secara kebetulan oleh Rajah dalam kunjungannya ke Singapura pada 1902, memutuskan untuk menghantar kuda kecilnya, *Hercules*, ke Sarawak untuk berlumba. Keyakinan Sultan terhadap kebolehan kuda kecilnya adalah amat berasas sekali seperti yang dibuktikan oleh keputusan perlumbaan selepas itu. Berlari dalam kelas untuk kuda kecil Australia dan India, kuda itu dengan mudah memenangi Piala Towkay pada hari pertama dan Piala Perkhidmatan Awam Sarawak, yang dihadiahkan oleh Rajah, pada hari kedua dengan lapen hasta.

Bapa Rajah, yang berumur dalam lingkungan 60-an pada waktu itu, masih gemar menunggang kuda dalam perlumbaan dan pernah memenangi pialanya sendiri dalam satu kesudahan yang sengit. Tetapi apabila ia mengetahui kemudiannya bahawa pegawai-pegawainya kadang-kadang melambatkan kuda-kuda mereka untuk membiarkannya menang, ia terus tidak lagi mengambil bahagian dalam perlumbaan seperti itu.

Bangsai yang paling berjaya, sebelum penubuhan Kelab Lumba Kuda Sarawak yang ada pada masa ini, ialah Upper Sarawak Kongs. Kejayaan demi kejayaan mereka perolehi melalui rangkaian kuda yang ganjil-ganjil namanya seperti *Salt*, *Mustard*, *Pepper*, *Bread* dan *Butter*.

Sungguhpun hadiah wang untuk setiap perlumbaan hanya di antara \$20 hingga \$40, nilai piala-piala itu kadang-kadang agak lumayan. Beberapa buah yang masih ada pada hari ini bernilai di antara \$10,000 hingga \$20,000 setiap satu.

Lumba kuda, yang lebih merupakan pertemuan pertunjukan olahraga pada waktu itu, biasanya menggembirakan; joki-joki

memperoleh perasaan getaran jiwa dan khalayak mendapat banyak hiburan - selalunya tidak disengajakan.

Dalam perlumbaan bagi merebut Piala Rajah pada tahun 1893, lima ekor kuda Australia pergi ke garis permulaan. Seekor daripadanya melompati parit di tepi padang lumba kuda dan membuang jokinya; seekor lagi berpusing-pusing seperti gasing jokinya terjatuh; dan yang ketiga berlari mengelilingi padang dua kali mengikuti haluan yang bertentangan. Sementara itu, dua ekor kuda lagi dimulakan perlumbaannya dan pemenangnya berlanggar dengan kuda yang terlepas di selekoh selepas tiang penamat.

Dalam satu acara yang lain, seekor kuda terus memecut dan berlari ke Pending dan balik. Kuda itu memenangi perlumbaan yang terakhir pada hari itu!

Apabila Perang Dunia Pertama meletus di Eropah pada tahun 1914, perlumbaan digantung dan tidak dihidupkan semula sehingga tahun 1921. Perlumbaan yang agak aneh ini, adalah antara lima ekor kerbau kerana tidak ada kuda di Kuching pada waktu itu. Semuanya ditunggang oleh orang-orang Eropah dengan dikenakan denda khusus bagi mereka yang telah belajar kata-kata Tamil untuk merangsangkan tunggangan mereka.

Dengan itu api membara semula. Sekumpulan kuda kecil dibawa dari Utara Borneo (Sabah) dan kita harus berterima kasih kepada Encik J.A.H. Hardie kerana atas inisiatifnyalah Kelab Lumba Kuda Sarawak sekarang ditubuhkan pada tahun 1924. Minat yang mendalam sekali lagi timbul dan rancangan dibuat untuk membina padang lumba kuda di Sibu dan Miri tetapi rancangan ini tidak menjadi kenyataan dan oleh itu Sibu sekarang ada Race Course Road (Jalan Lumba Kuda) tetapi tidak ada padang lumba kuda.

Menjelang tahun 1941, lumba kuda sekali lagi terhenti disebabkan oleh Perang Dunia Kedua. Pada kali pertama, perang berlarutan hingga tujuh tahun. Kali yang kedua, perang berlangsung selama lapan tahun.

Sungguhpun begitu, lumba kuda berkembang maju di Sarawak pada hari ini dan ia akan menjadi suatu perkara yang menakjubkan kepada beberapa orang lama yang masih hidup di England sekiranya mereka berpeluang melihatnya semula dalam bentuk yang ada sekarang.

BAB 20

TIANG WAYARLES KUCHING YANG LAMA


KERJA bermula untuk menanggalkan dua batang tiang (atau lebih tepat, menara) wayarles yang tinggi di Ibu Pejabat Pos dan Telegraf, Jalan Rock, Kuching pada hujung tahun 1963.

Tiang-tiang ini, 280 kaki tinggi dan jaraknya 120 kaki telah didirikan oleh Anglo French Wireless Company Limited pada tahun 1916 dan mewujudkan perhubungan wayarles di antara Kuching dengan Singapura.

Stesen wayarles di Kuching sebelum ini, mempunyai jarak hanya 150 batu. Oleh itu kabel untuk England dihantar dengan kapal ke Singapura dan kemudian dari sana melalui kabel, atau sekiranya jaraknya tidak berapa jauh ia dihantar langsung dengan kabel dari Labuan.

Perhubungan melalui wayarles sentiasa terlekat pada minda Rajah kedua, Sir Charles Brooke, dan, pada tahun 1890-an, pertimbangan diberi kepada satu rancangan untuk merentang kabel dari Singapura ke Kuching tetapi kos yang tinggi telah menghalang pelaksanaannya.

Sehingga tahun 1910, perekaan wayarles maju jauh ke depan dan *Straits Times* yang melaporkan bahawa "Duli Yang Maha



Mulia Rajah Sarawak, yang dalam perjalanan ke England, ber-cadang membuat pertanyaan sekiranya telegrafi wayarles dapat dibekalkan di antara Singapura dengan muara Sungai Sarawak”.

Tiada apa-apa berlaku untuk selama empat tahun. Kemudian pada awal tahun 1914, Rajah menandatangani satu kontrak dengan Anglo French Wireless Company Limited, untuk mendirikan sebuah stesen wayarles di Kuching dengan jarak fungsinya lebih jauh daripada yang sedia ada, dengan jumlah kos £20,000. Walau bagaimanapun, terdapat kelemahan kerana beberapa bulan kemudian Perang Dunia Pertama meletus di Eropah dan kontrak itu terpaksa diisytiharkan batal.

Sehingga tahun 1916, keadaan bertambah baik dan kontrak kedua, sama dengan yang pertama, telah ditandatangani dengan syarikat yang sama. Walau bagaimanapun, terdapat kelemahan yang kedua kerana Kerajaan Perancis mengambil alih perkakas itu untuk tujuan peperangan, tetapi agak bernasib baik juga kerana kerajaan Perancis melepaskannya setelah tekanan daripada Kerajaan British dibuat.

Oleh itu pada Julai 1916, dua orang juruteknik Perancis tiba di Kuching dengan peralatan dan selepas tiga bulan telah selesai mendirikan dua menara tersebut.

Permaisuri Sylvia dari Sarawak menyebut pembinaan kedua-dua menara ini dalam bukunya *The Three White Rajahs*. Pada waktu itu Rajah sakit kuat dan dia menjelaskannya sebagai suatu perlumbaan di antara putusnya benang nyawa Rajah tua itu dengan patahnya struktur besi yang sedang didirikan.

Permaisuri menulis, “Dapatkah mereka menyiapkannya untuk dia melihatnya?” Sebagaimana yang berlaku, Rajah meninggal pada tahun berikutnya.

Pemasangan stesen wayarles yang baru itu merupakan suatu perkara yang memeranjatkan banyak orang kerana seperti yang diketahui Rajah tidak pernah menggunakan telefon atau menaiki motokar.

Permaisuri juga menjelaskan perasaan suku-suku kaum. Sebilangan daripada mereka berfikir bahawa tiang-tiangnya itu tangga tinggi. Dari puncaknya mereka akan dapat melihat Eropah. Untuk beberapa minggu tiang-tiang itu dikunjungi lebih daripada Muzium.

Walau bagaimanapun, semasa pembinaan tiang-tiang itu juga terdapat peristiwa. *Warta Sarawak* melaporkan bahawa pada pukul 9.00 malam 30 April 1918, suara seorang lelaki dapat didengar menyanyi dalam bahasa Cina dari pelantar di puncak tiang di sebelah Timur (yang berhampiran dengan Jalan Rock). Polis telah dimaklumkan tetapi sebelum mereka tiba, penyanyi itu telah terjun dan didapati mati. Dicatatkan bahawa ia telah terbenam beberapa kaki di dalam lumpur di sekitar kaki tiang itu.

BAB 21

BAGAIMANA PENYIARAN MULA DATANG KE SARAWAK

KUCHING telah di udara lama sebelum Radio Sarawak ditubuhkan pada tahun 1954. Sebenarnya, majlis pertama yang dirakamkan ialah pada tahun 1922.

Ini diikuti oleh pemasangan dua buah pertama alat pemancar yang kuat di Kuching. Ujian-ujian yang dijalankan sebenarnya untuk telefon wayarles tetapi pada masa-masa awal radio, penerimaan muzik lebih baik daripada ucapan. Ini membawa kepada sepucuk surat daripada Pegawai Pemerintah Am Negeri-negeri Selat, sebagaimana Singapura, Melaka, Pulau Pinang dan Labuan dinamakan ketika itu, yang menyatakan ia berminat dalam pekerjaan yang sukar itu dan meminta muzik dipancarkan pada awal pagi 30 Ogos 1922.

Rajah membenarkan Pancaragam Renjer Sarawak membuat persembahan dalam bilik pengendalian stesen wayarles, dan lewat pada hari itu berita diterima dari Singapura mengatakan bahawa muzik itu sungguh baik, dan ucapan terima kasih daripada Pegawai Pemerintah Am itu kerana hiburan tersebut. Maka, adalah selamat dikatakan bahawa persembahan muzik pertama secara 'langsung' telah diberikan oleh Pancaragam Renjer Sarawak, kerana sebarang

ujian lain mungkin telah dijalankan dengan piring hitam.

Beberapa tahun selepas ini, sekurang-kurangnya ada sebuah stesen amatur di udara di Kuching tetapi bagi kerajaan tidak ada lagi yang berlaku sehingga tahun 1939.

Ini merupakan siaran secara langsung tentang lumba kuda untuk Piala Rajah dan Piala Permaisuri di Perlumbaan Musim Bunga Kelab Lumba Kuda Sarawak dalam bulan April pada tahun itu, yang memberikan kesan yang menggalakkan kerana penerimaan yang baik telah dilaporkan di Sibu dan Miri - suatu pencapaian yang agak baik pada waktu itu.

Kemudian, pada bulan September tahun yang sama, ekoran daripada meletusnya perang di antara Great Britain dengan Jerman dan dengan ancaman perang dengan Jepun, siaran awal pagi Sabtu secara tetap telah dimulakan. Ini dikenali sebagai Perkhidmatan Penyiaran Sarawak. Ucapan perasmian telah dibuat oleh Yang Maha Mulia Rajah Muda, Encik Anthony Brooke, dan memulakannya dengan kata-kata ini, "Hari ini menandakan permulaan amalan pentadbiran yang sama sekali berlainan kerana buat kali pertama dalam sejarah negara ini, satu perkhidmatan penyiaran digunakan untuk perhubungan dalam perkara-perkara rasmi ke luar bandar."

Siaran-siaran ini hampir keseluruhannya berkaitan dengan berita perang, propaganda dan maklumat tentang catuan makanan dan perkara-perkara yang berkenaan dengan Palang Merah dan langkah-langkah keselamatan apabila berlaku serangan udara. Berita ini disampaikan dalam bahasa-bahasa Inggeris, Cina dan Melayu. Untuk menjadikannya lebih berkesan, kebanyakan siaran itu disampaikan oleh pemimpin-pemimpin pelbagai masyarakat.

Selepas itu, perang dengan Jepun dan Kuching jatuh ke tangan musuh sehari sebelum Krismas tahun 1941. Tidak ada lagi siaran dibuat selepas itu sehingga penubuhan Radio Sarawak tiga belas tahun kemudian pada tahun 1954.

